




**UNDANG-UNDANG
PENTADBIRAN
AGAMA ISLAM
NEGERI SELANGOR**

No: 3 Tahun 1952 (Pin. 88)

**BAHAGIAN PERUNDANGAN SYARAK
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR DARUL EHSAN**

**UNDANG-UNDANG
PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
NEGERI SELANGOR**

NO. 3 TAHUN 1952



K A N D U N G A N

Bil Fasal

Perkara

BAHAGIAN YANG PERTAMA: PENDAHULUAN

1. Namanya
2. Makna

BAHAGIAN YANG KEDUA: MAJLIS PERTUBUHAN

5. Menubuhkan Majlis
6. Majlis menjadi satu badan yang tetap
7. Hak-hak dan kuasa
8. Perjanjian dan harta
9. Kuasa Mentadbir
10. Kuasa-kuasa yang lain
 - (10A) Kuasa-kuasa Majlis atas aktiviti bersabit dengan development of commercial dan industrial enterprises dan to acquire stock and shares dan lain-lain
 - (10B) Power to establish corporation

JADUÁL YANG KEDUA [Seksyen 10B(2)]

- (1) Kuasa Majlis bagi membuat peraturan-peraturan dengan perbadanan
- (2) Dikecualikan
- (3) Peraturan-peraturan tertakluk kepada Enakmen
- (4) Meminda peraturan-peraturan Regulation Act 1975
- (5) Daftar perbadanan-perbadanan

- (6) Menyelesaikan urusan
- (7) Perbadanan adalah pertubuhan yang diperbadankan
- (8) Meteri perbadanan
- 11. Serahkan harta benda
- 12. Serahkan kuasa
- 13. - 15. Ahli-Ahli Majlis
- 16. Membatalkan Lantikan
- 17. Lantikan sementara
- 18. Lantikan hendaklah disiarkan

Peraturan Mesyuarat

- 19. Orang luar hadir pada masa mesyuarat
- 20. Pengerusi
- 21. Cukup bilangan Ahli
- 22. Kegunaan Mohor
- 23. Menjalankan pekerjaan
- 24. Memanggil mesyuarat
- 25. Kuasa Pengerusi
- 26. Kewajipan dan kuasa Setiausaha
- 27. Minit-minit
- 28. Antara perkara-perkara yang dimesyuaratkan dan diundi
- 29. Salinan ketetapan yang diakui
- 30. Kehadiran Majlis
- 31. Cuti
- 32. Perkara yang tergepar
- 33. Menyerahkan kuasa
- 34. Rahsia
- 35. Ahli-ahli ialah orang-orang Kerajaan
- 36. Majlis membuat peraturan sendiri

**YANG BERKUASA DI DALAM
PERKARA-PERKARA AGAMA**

- 37. Kuasa Majlis
- 38. Undang-undang hendaklah dianggap
- 38A. Jabatan Agama Islam
- 39. Lantikan Mufti
- 40. Jawatankuasa Undang-undang Agama
- 41. Fatwa
- 42. Keputusan-keputusan dan fatwa hendaklah diikuti

**BAHAGIAN YANG KETIGA
MAHKAMAH SYARIAH**

- 43. Lantikan
- 44. Pertubuhan Mahkamah Syariah
- 45. Hak kuasa Mahkamah & Kuasa Kadi Besar
- 46. Ulangbicara
- 47. Surat keterangan Harta Pusaka

Peraturan Am

- 48. Cap
- 49. Bahasa
- 50. Peguam
- 51. Kehadiran dengan wakil
- 52. Menyampaikan panggilan
- 53. Keterangan
- 54. Panggilan memberi keterangan dan menunjukkan surat-surat
- 55. Menangguhkan
- 56. Masa
- 57. Mahkamah terbuka

PERATURAN DI DALAM PERBICARAAN JENAYAH

58. Kebenaran Majlis
59. Pengaduan
60. Saman dan Waran
61. - 62. Menangkap dengan tiada waran
63. Jaminan dan tahanan
64. Pendakwaan
65. Tuduhan
66. Perbicaraan
67. Hukuman
68. Hukuman denda
69. Amaran dan jaminan diri
70. Ampunkan
71. Meminta Ulangbicara
72. Memberikan harta
73. Khilaf mengikut peraturan
74. Perkara-perkara yang tiada peraturan
75. Nafkah

PERATURAN PERBICARAAN MAL

76. Tuntutan
77. Mencantum dan menyatukan
78. Saman dan menyampaikannya
79. Orang sudah mati atau tiada upaya hadir
80. Penolakan
81. Menarik balik dan berselesai
82. Menarik balik dan berselesai
86. Menjalankan hukuman
87. Keterangan yang diambil dahulu

88. Membuat biadap di dalam Mahkamah
89. Orang-orang miskin
90. Meminta Ulangbicara
91. Perbicaraan Ulangbicara
92. Salah peraturan
93. Perkara-perkara yang tidak disebutkan

BAHAGIAN YANG KEEMPAT HAL EHWAL WANG AMANAH

Masalah

94. Mengadakan Baitulmal
- 94A Investment in immovable property
95. Wakaf dan Nadzar
96. Serahan
97. Had-had bagi membuat derma
98. Pendapatan daripada wakaf dan nadzar
99. Modal wakaf nadzar Am
100. Membuat surat-surat

KIRA-KIRA

101. Report Tahunan

ZAKAT FITRAH

107. Kuasa Majlis
102. Peraturan
109. Timbangan semula

PUNGUTAN KHAIRAT

110. Pungutan Khairat

**BAHAGIAN YANG KELIMA
MASJID-MASJID**

111. Majlis menjadi Wakil Amanah
112. Membuat Masjid
113. Membaiki kawasannya
114. Sempadan kariah
115. Daftar Pegawai
116. Melantik Pegawai Masjid
117. Memberhentikan Pegawai
118. Kuasa dan tanggungan

**BAHAGIAN YANG KEENAM
KAHWIN DAN CERAI**

119. Berkenaan
120. Lantikan kerana menghadkan nikah dan mendaftarkan nikah dan cerai
121. Menghadkan dan mendaftarkan nikah
122. Nikah janda
123. Tempat nikah
124. Pertunangan
125. Maskahwin dan pemberian
126. Mendaftarkan cerai
127. Membatalkan cerai
128. Cerai Fasakh
129. Ulangbicara daripada hukum Kadi
130. Pemberian kepada isteri yang telah diceraikan
131. Memeriksa buku-buku daftar dan cabutan dari daftar itu
132. Keterangan
133. Menyimpan buku-buku daftar dan buku peringatan
134. Sangka mati

135. Pegawai Pendaftar yang dilantik di bawah Undang-undang ini jadi kakitangan Kerajaan
136. Membetulkan atau membatalkan daftar atau surat-surat keterangan
137. Majlis menentukan Borang daftar

**BAHAGIAN YANG KETUJUH
NAFKAH TANGGUNGAN**

138. Undang-undang No. 36 tahun 1950 tiada mengenai
139. Isteri-isteri
140. Kanak-kanak kecil yang halal
141. Orang yang uzur dan berpenyakit
142. Anak luar nikah
143. Mengubah dan pembatalan perintah
144. Menetapkan hukuman

**BAHAGIAN YANG KELAPAN
MASUK ISLAM**

145. Daftar orang masuk Islam
146. Mengawal orang-orang masuk Islam
147. Kanak-kanak kecil tiada boleh dimasukkan Agama Islam
148. Kenyataan memasukkan Islam

**BAHAGIAN YANG KESEMBILAN
KESALAHAN-KESALAHAN**

149. Permintaan
150. Tidak sembahyang Jumaat
151. Mabuk
152. Menjual dan membeli makanan dalam bulan Ramadhan
153. Berkenaan Ramadhan, Hari Raya Haji/Fitrah
154. Anggapan dan penggaji

- 155. Meninggalkan isteri
- 156. Isteri yang tiada taat
- 157. Berkhalwat
- 158. Berzina
- 159. Nikah yang tiada sah
- 160. Tiada merepotkan atau mendaftarkan
- 161. Merepotkan masuk Islam
- 162. Kesalahan memakai wang
- 163. Tiada membuat kewajipan di dalam undang-undang
- 164. Memecahkan rahsia
- 165. Masjid yang tiada kebenaran
- 166. Mengajar Agama
- 167. Ilmu salah
- 168. Fatwa
- 169. Kitab-kitab
- 170. Menggunakan Quran di tempat yang bukan-bukan
- 171. Melanggar perintah Agama
- 172. Melanggar hukuman Agama Islam
- 173. Tiada membayar zakat fitrah
- 174. Hasutan meninggalkan kewajipan Agama
- 175. Mencuba dan bersubahat

**BAHAGIAN YANG KESEPULUH
LAIN-LAIN PERKARA**

- 176. Wang Simpanan Pekerja 60 - 61
- 177. Perlindungan Majlis dan Ahli-Ahlinya dan Pekerja-pekerjanya 61
- 178. Peraturan 61

**Diterbitkan Dalam Sambungan Warta Kerajaan
Persekutuan Tanah Melayu bertarikh
5 Disember 1952 No. 25 Jilid Kelima,
Siaran Negeri Selangor No: 1063**

**NEGERI SELANGOR
Undang-Undang No. 3 Tahun 1952**

MOHOR KERAJAAN

Kami bersetuju
Tengku Abdul Aziz Shah, Hamzah
(Jemaah Pemangku Raja-Raja)

11 Oktober 1952

Satu Undang-undang meminda Undang-undang yang berkaitan dengan Pentadbiran Agama Islam dan Istiadat Melayu, menubuh dan mengaturkan Penguasa-penguasa Agama Islam dan membuat peraturan berkenaan dengan perkara-perkara Agama Islam.

Dikanunkan oleh DYMM Sultan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri seperti berikut:

BAHAGIAN YANG PERTAMA

PENDAHULUAN

- Namanya* 1. Undang-undang ini dinamakan "Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952" dan akan berjalan kuatkuasanya pada hari yang ditetapkan oleh DYMM Sultan di dalam Warta Kerajaan.
- Makna* 2. (1) Di dalam Undang-undang ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan kepada makna yang lain.
- "Anak dara" maknanya seorang perempuan yang belum pernah berkahwin atau belum pernah bersetubuh.
- "Anak kariah" maknanya orang-orang yang bermastautin di dalam mana-mana kariah masjid.

“Mahkamah” maknanya Mahkamah Kadi atau Kadi Besar atau Committee Ulangbicara mengikut makna kehendaknya.

“Idah” maknanya satu tempoh iaitu di dalam masa itu seorang perempuan yang telah bercerai atau telah mati suaminya dilarang oleh Agama Islam berkahwin lagi.

“Fitrah” maknanya satu sukatan beras yang wajib dikeluarkan oleh seorang Islam di hujung bulan Ramadhan pada tiap-tiap tahun bagi disedekah atau penggunaan yang disahkan oleh Agama Islam.

“Fund” maknanya satu Kumpulan Wang yang digelar “Baitulmal” yang dijadikan mengikut Fasal 94 di dalam Undang-undang ini.

“Kerajaan” maknanya Kerajaan Negeri ini.

“Habuan” maknanya satu bahagian benda atau wang yang boleh dimiliki oleh seseorang bagi upah usahanya yang diharuskan oleh Agama Islam.

“Berzina” maknanya bersetubuh yang tiada termasuk di dalam makna rogol di antara seorang laki-laki dengan seorang perempuan yang bukan isterinya atau dengan seorang yang dilarang oleh Agama Islam ia berkahwin dengannya.

“Janda” maknanya seorang perempuan yang bukan anak dara atau isteri orang.

“Jawatankuasa Kariah” maknanya satu Jawatankuasa Kariah Masjid yang dilantik menurut peraturan-peraturan yang diadakan mengikut Seksyen 118(2) Undang-undang ini.

“Kariah dan Kariah Masjid” maknanya kawasan satu masjid yang ditentukan oleh Majlis Agama dan Istiadat Melayu mengikut Fasal 114 di dalam Undang-undang ini.

“Kadi” maknanya seorang Kadi yang dilantik mengikut Undang-undang ini dan termasuklah Timbalan Kadi Besar dan Kadi Besar.

“Kadi Besar” maknanya Kadi Besar Selangor.

Sel. Enak. 3/79

“Timbalan Kadi Besar” maknanya Timbalan Kadi Besar Selangor.

“Jawatankuasa Agama” maknanya satu Jawatankuasa kepada Majlis yang menentukan hukum-hukum Agama Islam yang dilantik mengikut Undang-undang ini.

“Majlis” maknanya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor yang ditubuhkan mengikut Fasal 5 di dalam Undang-undang ini termasuklah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang sedia.

“Perempuan yang telah berkahwin” maknanya seorang perempuan yang telah berkahwin dan perkahwinannya masih berjalan.

“Mas kahwin” maknanya bayaran kahwin yang lazim dibayar mengikut Agama Islam oleh seorang suami kepada isterinya pada masa perkahwinannya diadakan. Baik dibayar dengan wang tunai atau dengan benda atau berhutang dengan cagaran atau tidak.

“Masjid” maknanya satu rumah yang didirikan atau yang digunakan bagi tempat bersembahyang, berkhotbah atau mengadakan temasya yang berkaitan dengan Agama Islam.

“Mufti” maknanya orang yang dilantik menjadi Mufti Negeri Selangor mengikut Fasal 39 di dalam Undang-undang ini.

“Nazar” maknanya niat membuat satu perbuatan atau memberikan harta bagi apa-apa penggunaan yang diharuskan oleh Agama Islam.

“Nazar” am maknanya satu nazar ditujukan semua atau sebahagian daripadanya bagi faedah kaum orang-orang Islam amnya atau setengah daripadanya bukannya bagi seseorang atau orang-orang Islam bagi dirinya masing-masing.

“Pegawai Masjid” maknanya Nazir, Imam, Khatib dan Bilal bagi satu masjid jika ada pada masa itu.

“Pemberian” maknanya pemberian yang dihadiahkan oleh suami kepada isterinya pada masa perkahwinannya baik wang tunai atau sesuatu benda.

*Sel. Enak. 3/79
dated 19.7.79*

“Penghulu” maknanya seorang penghulu yang mempunyai surat kuasa yang dikurniakan oleh DYMM Sultan menguasai ianya menjalankan Undang-undang dan termasuklah seorang Penolong Penghulu yang termasuk kuasa yang demikian itu juga.

Sel. Enak. 11/72

“Pengerusi” maknanya Pengerusi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.

*Sel. Enak. 3/79
dated 19.7.79*

“Pengarah” means the person who for the time being is appointed to the Post of Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

“Harta” maknanya segala harta benda, hak-hak, milik-milik, pendapatan-pendapatan dan kepunyaan-kepunyaan yang adil atau yang thabit di dalam Undang-undang yang ada di dalam atau yang timbul daripada harta dan benda yang berjalan.

“Pendaftar” maknanya pendaftaran kahwin dan cerai bagi orang-orang Islam yang dilantik mengikut Fasal 120 di dalam Undang-undang ini.

“Wakaf Am” maknanya harta pemberian selama-lamanya dan segala pendapatan daripada harta itu turun-menurun bagi penggunaan Agama Islam atau faedah umum yang diharuskan oleh Agama Islam, dan demikian juga harta yang diberikan itu.

“Wakaf Khas” maknanya pemberian harta selama-lamanya bagi penggunaan Agama Islam atau bagi faedah-faedah yang diharuskan oleh Agama Islam, dan demikian juga harta yang diberikan itu dan pendapatan daripada harta itu dibayarkan balik kepada orang-orang atau bagi perkara-perkara yang ditentukan di dalam wakaf itu.

“Wali” maknanya waris mengikut Agama Islam bagi seseorang perempuan yang hendak dikahwinkan mengikut Agama Islam.

“Zakat” maknanya bayaran di atas harta yang tentu pada tiap-tiap tahun mengikut Agama Islam.

- (2) Segala perkataan dan rangkaian-rangkaian perkataan yang sudah diberi maknanya di dalam Fasal yang keempat Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor Bahagian Yang Pertama

hendaklah mengandungi makna yang sudah ditentukan baginya masing-masing.

- (3) Melainkan daripada yang disebutkan di dalam Undang-undang ini satu pun tiada di dalamnya yang mengurangkan atau mengenai hak-hak dan kuasa-kuasa DYMM Sultan bagi Ketua Agama Negeri seperti yang telah dimasyhurkan dan ditentukan di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor.

4. (1) Melainkan daripada yang disebutkan di dalam Undang-undang ini satu pun tiada di dalamnya yang mengurangkan dan mengenai hak-hak dan kuasa-kuasa Mahkamah-mahkamah Mal.

- (2) Satu pun tiada terkandung di dalam Undang-undang ini yang mengurangkan atau mengenai hak-hak yang telah ditentukan dan disebutkan di dalam kecualian kepada Bab yang Kelima Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor Bahagian Yang Pertama.

BAHAGIAN YANG KEDUA

MAJLIS PERTUBUHAN

*Menubuhkan
Majlis*

5. Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor dan disebutkan di dalam Bahasa Inggeris “Council of Religion and Malay Customs Selangor”.

*Majlis menjadi
satu Badan Yang
Tetap*

6. Majlis itu hendaklah menjadi satu Badan yang tetap dengan nama “Majlis Agama Islam Selangor” turun-menurun dan mempunyai Mohor Badan itu tetap daripada satu masa ke satu masa Mohori itu bolehlah dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baharu mengikut kehendak Majlis itu dan sebelum satu Mohor sudah diadakan mengikut Fasal ini satu cop mengandungi tulisan “Majlis Agama Islam Selangor” bolehlah dipakai jadi Mohor Badan itu.

Sel. Enak. 11/72

*Hak-hak dan
Kuasa-kuasa*

7. Majlis itu bolehlah menuntut dan dituntut dengan nama badannya.

*Perjanjian dan
harta*

8. Majlis bolehlah membuat perjanjian mempunyai, membeli, memegang dan menggunakan harta daripada segala jenis dan rupa harta benda

yang boleh dipinda atau tidak dan dengan mengikut Undang-undang yang bersabit dengannya bolehlah tukar, beri serah, unjuk, cagar, memati, memulangkan pemberian, meminda milik dan jualkan segala harga benda yang demikian yang terpulang milik kepada Majlis dengan mengikut syarat-syarat yang difikirkan oleh Majlis patut mengikut Agama Islam.

Kuasa mentadbir 9. Majlis hendaklah berkuasa menjadi pewaris, harta-harta pesaka dan wakil amanah.

Kuasa-kuasa yang lain 10. Majlis hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang lain-lain dan membuat apa-apa yang lain mengikut Undang-undang ini dan Undang-undang yang lain yang berpindah kepadanya.

Seksyen 10A baharu 10A. (1) It shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and social development of the Muslim community in the state of Selangor and more particularly in the rural areas thereof.

"powers of the Majlis on activities relating to development of commercial and industrial enterprises and to acquire stock and shares, etc.

(2) The Majlis shall have powers for the purpose of the discharge of its duty under subsection (1):

(a) to carry on all activities particularly the development of commercial and industrial enterprises, the carrying on whereof appears to it to be requisite, advantageous or convenient for on in connection with the discharge of its said duties, including the manufacturing assembling processing, packing, grading and marketing of products, research and training.

(b) to promote the carrying on of any such activities by other bodies or persons and for that purpose to establish or expand, or promote the establishment or expansion of, other bodies to carry on any such activities either under the control or partial control of the Majlis or independently, and to give assistance to such bodies or to other bodies or persons appearing to the Majlis to have facilities, for the carrying on of any such activities, including financial assistance by the taking up of share of loan capital or by loan or otherwise;

Sel. Enak. 3/79

(c) to carry on any such activities in association with other bodies or person (including departments or authorities of the Government of the State of Selangor) or as managing agent or otherwise on its behalf;

(d) to purchase, underwrite or otherwise acquire any stock and shares in any public or private company, an to dispose of the same on such terms and conditions as the Majlis may determine;

(e) to establish and maintain training institutions; and

(f) to do all acts which the Majlis considers desirable or expedient.

Seksyen 10B baharu

"Powers to establish corporation.

10.B. (1) The Majlis may with the approval of the Ruler in Council from time to time by notification in the Gazette establish a corporation by such name as the Majlis may think fit to carry out and have charge, conduct and management of any project, scheme or enterprise which has been planned or undertaken by the Majlis in execution of its duty or discharge of its functions under section 10A.

(2) The provision of the Second Scheduled shall apply to the corporation established by the Majlis under subsection (1)".

JADUAL YANG KEDUA [Seksyen 10B (2)]

Kuasa Majlis bagi membuat peraturan-peraturan dengan perbadanan.

1. Majlis hendaklah dengan persetujuan Raja dalam mesyuarat pada atau sebelum tarikh sesuatu perbadanan ditubuhkan di bawah Seksyen 10B, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu menetapkan:-

(a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;

(b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan kerja-kerja perbadanan itu;

- (c) susunan pengurusannya; dan
- (d) perhubungan di antara perbadanan itu dengan Majlis dan hak-hak Majlis bagi mengawal perbadanan itu.
- Dikecualikan* 2. Tiadalah apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan memberi kuasa kepada Majlis bagi membuat peraturan berkenaan dengan menubuhkan sesuatu perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan Majlis ditubuhkan atau bagi memberi kepada sesuatu perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau kerja yang tidak termasuk di dalam hak-hak kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau kerja-kerja Majlis di bawah Enakmen ini.
- Peraturan-peraturan tertakluk kepada Enakmen.* 3. Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini dan kepada peruntukan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 178, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikut perbadanan yang berkenaannya peraturan itu dibuat dan hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan itu telah diperbuat di bawah Enakmen ini.
- Meminda peraturan-peraturan Regulation Act 1975.* 4. Majlis bolehlah dengan persetujuan Raja dalam Mesyuarat pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat berkenaan dengan sesuatu perbadanan di bawah perenggan 1 dan Seksyen 35 dalam Akta Tafsiran 1967, hendaklah dipakai bagi mana-mana peraturan yang dipinda atau dibatalkan itu seolah-olah peraturan itu adalah undang-undang bertulis.
- Daftar perbadanan-perbadanan.* 5. Majlis hendaklah menyimpan satu daftar mengikut bentuk yang ditetapkan mengenai segala perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah Seksyen 10B dan daftar itu beserta dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam pada mana-mana tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila waktu sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.
- Menyelesaikan urusan.* 6. (1) Majlis bolehlah dengan persetujuan Raja dalam Mesyuarat dengan jalan membuat perintah yang disiarkan dalam Warta Kerajaan mengarah supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya menyelesaikan urusannya dan dibubarkan.
- (2) Manakala sesuatu perbadanan dibubarkan di bawah perenggan

ini segala harta perbadanan itu, selepas membayar segala tanggungan-tanggungannya hendaklah dipindahkan kepada dan menjadi kepunyaan Majlis.

- (3) Penyelesaian urusan perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

Perbadanan adalah pertubuhan yang diperbadankan.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10B adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan mengikut nama yang diberi kepadanya oleh Majlis dan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu, dan bagi maksud melaksanakan projek pembangunannya yang berdaftar yang kerananya ia telah ditubuhkan perbadanan yang boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh memegang dan berniaga atau boleh membuat apa-apa atas apa-apa harta samada yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan boleh menjalankan segala perkara lain yang bersangkutan atau yang berkenaan dengan perbadanan dan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis bagi tiap-tiap satunya.

Meteri perbadanan

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri, yang mengandungi sesuatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan persetujuan Majlis, dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat yang lain oleh perbadanan itu, dengan persetujuan Majlis sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu.
- (2) Sehingga suatu meteri diadakan oleh Perbadanan di bawah perenggan ini, suatu cop yang ada nama perbadanan itu mengelilingi huruf "Yayasan Kemajuan Ekonomi Islam" bolehlah menggunakan sebagai meteri.
- (3) Meteri atau cop yang tersebut dalam perenggan kecil (2), hendaklah disimpan di dalam jagaan seseorang sebagaimana yang ditetapkan oleh perbadanan itu dan hendaklah disahkan oleh orang itu, dan segala surat-surat, suratan dan lain-lain suratcara yang berupa dimeterikan dengan meteri yang tersebut itu, yang disahkan seperti tersebut di atas, hendaklah sehingga akasnya dibuktikan, disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnyanya;

Dengan syarat bahawa apa-apa surat atau suratcara yang sekiranya disempurnakan oleh seorang yang bukannya suatu perbadanan tidak dikehendaki dicop dengan meteri boleh dengan demikian itu juga disempurnakan oleh perbadanan itu, dan mana-mana surat atau suratcara seumpama itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pegawai atau kakitangan perbadanan itu yang diberi kuasa amnya atau khasnya oleh perbadanan bagi maksud itu.

- (4) Meteri bagi tiap-tiap perbadanan hendaklah diiktiraf dalam hal rasmi dan kehakiman.

Serahkan harta benda

11. (1) Segala harta benda yang boleh dipindah atau tidak daripada segala jenis pada masa mula berjalan Undang-undang ini yang di dalam milik Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi penggunaan am hendaklah dengan tiada payah dipindah milikan atau ditukar terserah kepada Majlis dan demikian juga segala harta atau lain yang bersangkutan dengan harta-harta itu sebelum mula berjalan kuasa Undang-undang ini.

- (2) DYMM Sultan boleh dengan surat perintahnya serahkan kepada Majlis apa-apa harta benda yang boleh dipindah atau tiada pada masa sebelum mula berjalan kuasa Undang-undang ini telah terserah pada siapa-siapa atau satu kuasa di dalam Negeri ini bagi kegunaan Agama Islam atau harta benda yang beramanah bagi Agama ataupun derma bagi daerah orang-orang yang beragama Islam dan apabila berjalan kuasa perintahnya itu harta benda yang ditujukan itu hendaklah dengan tiada payah dipindah milikan atau ditukarkan tetapi harta benda yang tiada boleh dipindah hendaklah lepas didaftarkan terserah kepada Majlis dan demikian juga segala harta benda atau lain yang bersangkut paut dengan harta benda itu sebelum berjalan surat perintah itu.

Serahkan kuasa

12. Segala hak-hak kuasa kewajipan dan tanggungan sebelum mula berjalan Undang-undang ini telah terserah terletak kepada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu hendaklah pada mula berjalan Undang-undang ini terserah dan terletak kepada Majlis terkecuali mana-mana yang berlawanan dengan tujuan-tujuan Undang-undang ini.

Ahli-ahli Majlis

13. (1) Majlis hendaklah mengandungi ahli-ahli seperti berikut:-

- (a) Pengerusi
- (b) Timbalan Pengerusi
- (c) Setiausaha
- (d) Tiga orang ahli tetap menurut jawatannya (Ex Officio members); dan
- (e) Tidak lebih dari 8 orang ahli yang lain

- (2) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas nasihat daripada Menteri Besar.

- (3) Setiausaha hendaklah daripada orang yang menyandang jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

- (4) Tiga orang ahli tetap menurut jawatannya (Ex Officio members) hendaklah daripada orang-orang bagi sentiasa yang menyandang jawatan-jawatan seperti berikut:-

- (a) Mufti, Jabatan Agama Islam Selangor
- (b) Kadi Besar Selangor
- (c) Pegawai Kewangan Selangor

- (5) Bagi baki (8) lapan orang ahli-ahli hendaklah dipilih daripada orang-orang yang mewakili masyarakat Islam yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas nasihat daripada Menteri Besar.

- (6) Menteri Besar hendaklah mengemukakan nama-nama Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang lain kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk kelulusan dan jawatan-jawatannya hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan.

- (7) Ahli-ahli Majlis selain daripada ahli-ahli menurut jawatannya (Ex Officio members) hendaklah dilantik bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. [Sel. Enak.11/72]

Sel. Enak. 11/72

14. Seorang Ahli Majlis yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula selama satu masa atau masa-masa tempoh jawatannya selepas tamat masa perkhidmatannya itu.

15. Lantikan mana-mana Ahli Mesyuarat Majlis putuslah:-

- (a) Apabila dia mati; atau
- (b) Jika ia dengan bersurat dengan DYMM Sultan menerusi Pengerusi meminta berhenti daripada lantikannya; atau
- (c) Jika dia tiada di dalam Negeri selama lebih daripada tiga bulan dengan tiada mendapat kebenaran yang bertulis daripada Pengerusi bagi DYMM Sultan.
- Membatalkan lantikan* 16. DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh membatalkan lantikan mana-mana Ahli Mesyuarat atau Setiausaha kepada Majlis:-
- (a) Jika kelakuannya baik berkenaan dengan kewajipan di atas pekerjaannya ataupun difikirkan oleh DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan menjadi buruk nama Majlis; atau
- (b) Jika dia dengan apa-apa sebab tiada boleh membuat kewajipan di dalam pekerjaannya; atau
- (c) Jika dia dengan tiada apa-apa sebab yang dibenarkan oleh Pengerusi tiada hadir di dalam tiga kali Mesyuarat Majlis itu berturut-turut
- Sel. Enak. 11/72* (d) Dengan nasihat dari Majlis
- Lantikan sementara* 17. Jika sekiranya sebab ketiadaan sementara ataupun sebab keuzuran mana-mana Ahli Mesyuarat atau Setiausaha kepada Majlis. DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh melantik seorang bagi sementara menggantikannya. Lantikan sementara itu akan putus apabila ahli yang digantikannya itu memberi kenyataan kepada Pengerusi ia balik membuat kewajipan pekerjaannya.
- Lantikan hendaklah disiarkan* 18. Semua lantikan-lantikan di dalam bahagian ini di dalam Undang-undang ini hendaklah disiarkan di dalam Warta Kerajaan.

PERATURAN MESYUARAT

- Orang luar hadir pada masa mesyuarat* 19. Pengerusi boleh menjemput siapa-siapa yang bukan Ahli Mesyuarat hadir bersama jika sekiranya kehadiran orang-orang itu berfaedah kepada mesyuarat itu. Siapa-siapa yang dijemput bolehlah mengambil bahagian di dalam perbahasan itu tetapi tiada boleh mengundi.

- Pengerusi* 20. Pengerusi hendaklah mengetuai segala Majlis Mesyuarat jika ianya tiada DYMM Sultan boleh melantik mana-mana ahli yang lain menjadi Pemangku Pengerusi. Tetapi DYMM Sultan jika hadir bolehlah mengetuai mesyuarat.
- Cukup bilangan ahli* 21. Satu rundingan pun melainkan rundingan menanggungkan mesyuarat tiada dijalankan dan satu ketetapan dan perbuatan tiada sah melainkan satu pertiga (1/3) daripada ahli-ahli hadir termasuk Pengerusi atau seorang yang diangkat seperti yang tersebut di dalam Fasal yang di atas tadi menjadi Pemangku Pengerusi.
- Kegunaan Mohor* 22. (1) Mohor Majlis tiada boleh digunakan melainkan menjalankan ketetapan Majlis Mesyuarat.
- (2) Mana-mana surat yang berkehendakkan Mohor Majlis hendaklah dicop di hadapan Setiausaha dan dua orang ahli hendaklah mereka itu menurunkan sains menjadi saksi. Sains yang semacam itu memadailah menjadi keterangan iaitu Mohor Majlis telah dicopkan dan Mohor itu ialah Mohor Majlis supaya sah pada Undang-undang.
- (3) Surat-surat yang tersebut hendaklah dibuat dengan menggunakan Mohor Majlis:-
- (a) Surat-surat yang wajib didaftarkan di dalam Pejabat Tanah; dan
- (b) Surat-surat Tauliah kepada Pegawai-pegawai Masjid mana-mana Masjid; dan
- (c) Surat-surat menguasai siapa-siapa mewakilkan Majlis di atas satu-satu perkara bagi pihak Majlis; dan
- (d) Surat-surat itu dan lain-lain surat yang akan diperintahkan oleh DYMM daripada satu masa kepada satu masa.
- Menjalankan pekerjaan* 23. (1) Melainkan daripada apa-apa yang sudah disebutkan di dalam Undang-undang ini segala pekerjaan Majlis hendaklah dijalankan di dalam mesyuarat yang dipanggil daripada satu masa kepada satu masa mengikut ketetapan yang lebih daripada ahli yang hadir dan boleh mengundi.

- (2) Keputusan yang bertulis yang disain oleh semua Ahli Majlis. Melainkan di atas perkara-perkara khas atau jenis perkara khas mengikut perintah DYMM Sultan sama juga maknanya dengan ketetapan yang dipersetujukan mengikut Fasal ini pecahan (1).
- Memanggil Mesyuarat* 24. (1) Semua Mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.
- (2) Pengerusi bolehlah pada bila-bila masa memerintahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.
- (3) Mana-mana empat orang Ahli Majlis boleh pada bila-bila masa dengan bersurat meminta Setiausaha memanggil Mesyuarat Majlis. Tetapi jika berbuat demikian hendaklah memberitahu Setiausaha apa-apa perkara yang hendak dimesyuaratkan itu.
- (4) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat di dalam empat belas hari daripada masa menerima perintah atau kehendak mengikut pecahan (2) dan (3) di dalam Fasal ini.
- (5) Sekurang-kurangnya hendaklah diberi tempoh tujuh hari mengadakan mana-mana mesyuarat. Tetapi Pengerusi jika di atas perkara yang tergepar bolehlah memerintahkan tiada payah diberi panggil bertempoh.
- (6) Syarat-syarat memanggil mesyuarat bolehlah dihantar dengan pos pada tempat tinggal ahli mesyuarat itu jika dekat. Yang demikian boleh dianggap seperti dihantar kepadanya. Tiada payahlah dihantar surat panggilan mesyuarat kepada ahli yang tidak ada di dalam Negeri ini.
- Kuasa Pengerusi* 25. Pengerusi hendaklah berkuasa menjalankan segala rundingan dan bahasan pada masa mesyuarat Majlis dan bertanggungjawab kepada DYMM Sultan.
- Kewajipan dan kuasa Setiausaha* 26. Tertakluk kepada apa-apa perintah yang diberi oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah menjaga semua perkara tulis menulis dan surat-surat Majlis termasuk buku kira-kira, geran-geran, dan akaun-akaun jamin dan hendaklah juga bertanggungjawab di atas memungut, menerangkan kira-kira dan mengeluarkan duit-duit Majlis dan juga hendaklah menjalankan segala kewajipan yang ditanggungkan kepadanya oleh Undang-undang ini atau diuntukkan kepadanya oleh Pengerusi.

- Minit-minit* 27. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala Mesyuarat Majlis dan pada tiap-tiap mesyuarat, Minit Mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan serta tertakluklah kepada apa-apa pindaan yang dibuat.
- (2) Minit-minit hendaklah dengan secara ringkas dan mengandungi keputusan-keputusan sahaja dan perkara-perkara yang mustahak.
- (3) Dengan seberapa segera lepas tiap-tiap Mesyuarat satu salinan Rang Minit Mesyuarat hendaklah disebarkan kepada DYMM Sultan. Jika pada masa mengesahkan Minit itu dipinda, DYMM Sultan hendaklah diberitahu dengan serta merta apa-apa pindaan itu.
- (4) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan supaya menentukan keputusan-keputusan dari Majlis dapat dilaksanakan.
- Antara perkara-perkara yang dimesyuaratkan dan diundi* 28. (1) Pengerusi hendaklah menetapkan tertib perkara-perkara yang hendak dimesyuaratkan.
- (2) Pengerusi boleh menentukan tertib ahli-ahli yang hendak bercakap di dalam mesyuarat dan boleh juga menyuruh mana-mana ahli berhenti daripada bercakap di dalam mesyuarat.
- (3) Pengerusi boleh membuat undi dan jika pada masa satu ketetapan undinya sama boleh Pengerusi mempunyai undi yang kedua.
- Salinan ketetapan yang diakui* 29. Satu salinan daripada mana ketetapan yang diakui sah oleh Setiausaha yang demikian itu. Ketetapan itu bolehlah menjadi cukup bagi menerangkan hal itu dan semua Mahkamah hendaklah mengambil pandangan di atas tandatangan Setiausaha.
- Kehadiran Majlis* 30. Majlis ini boleh menghadiri mana-mana Mahkamah termasuk Mahkamah-mahkamah yang lain daripada Mahkamah-mahkamah Agama, atau Pejabat Kerajaan diwakili oleh Pengerusi atau Setiausaha atau mana-mana orang yang dilantik bagi semua atau satu perkara yang dikhaskan dengan Mohor Majlis.
- Cuti* 31. (1) Pengerusi hendaklah, jika hendak pergi cuti atau sebab yang lain lebih daripada empat belas hari memohon cuti kepada DYMM Sultan maka bolehlah DYMM Sultan itu memerintahkan.

- (2) Mana-mana ahli Majlis yang lain atau Setiausaha begitu juga hendaklah meminta cuti kepada Pengerusi yang boleh memberi cuti atau menyembahkan kepada DYMM Sultan bagi titahnya.

Perkara yang tergepar. Sel. Enak. 11/72

32. Di dalam perkara yang tergepar Pengerusi boleh, lepas berunding dengan Menteri Besar membuat atau suruh buat bagi pihak Majlis apa-apa perbuatan atau perkara yang diagak sah boleh dibuat dengan ketetapan Mesyuarat Majlis.

Tetapi di dalam perkara yang semacam ini Mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil di dalam seminggu bagi mengaku dan mengesahkan perbuatan itu. Sekiranya Majlis tiada mahu mengaku dan mengesahkan perbuatan itu, DYMM Sultan bolehlah memberi perintah di atas perkara itu yang difikirkan patut.

Menyerahkan kuasa

33. (1) Majlis boleh dengan ketetapan di dalam mesyuarat yang dipersetujui oleh DYMM Sultan menyerahkan kepada Pengerusi atau Setiausaha atau mana-mana Jawatankuasa Majlis mana tanggungan dan kuasanya yang bukan hukuman atau yang boleh dikirakan hukum mana-mana yang difikirkan patut. Bagaimana di dalam Fasal ini kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis di dalam Fasal 41 dan 42 di dalam Undang-undang ini, hendaklah dianggap seperti dikirakan hukum.

- (2) Maka bertanggunglah kepada tiap-tiap Jawatankuasa Majlis atau tiap-tiap seorang itu kumpulan orang yang telah menerima kuasa-kuasa Majlis memberitahu Majlis apa-apa perbuatan atau perkara yang telah dibuatnya bagi menjalankan penyerahan itu.

[Sel. Ent. 11/72]

- (3) Dengan tidak menghiraukan Seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) dan dengan tidak mencatitkan yang berkenaan Majlis hendaklah berkuasa melantik Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil atau Jawatankuasa-jawatankuasa Khas untuk membantu dalam kerja-kerjanya.

Rahsia

34. Segala ketetapan dan bahasan Mesyuarat Majlis itu hendaklah dirahsiakan dan seorang ahli ataupun pekerja tiada boleh menyata atau memberitahu kepada siapa-siapa lain daripada DYMM Sultan atau Menteri Besar atau kepada mana-mana Ahli Majlis apa-apa perkara yang telah berbangkit di dalam mana-mana Mesyuarat melainkan dia sudah dibenarkan membuat demikian.

Tetapi peraturan Fasal ini tiada dijalankan jika segala ketetapan Mesyuarat dan perkara-perkara yang dibahaskan di dalam Mesyuarat itu sudah disembahkan dan mendapat persetujuan DYMM Sultan.

Ahli-ahli ialah orang-orang Kerajaan

35. Ahli-ahli Majlis hendaklah dianggap menjadi orang Kerajaan sebagaimana disebut di dalam Panel Code (Undang-undang Jenayah).

Majlis membuat peraturan sendiri

36. Majlis bolehlah tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam Undang-undang itu memutuskan segala soalan berkaitan dengan peraturan dan perjalanannya.

YANG BERKUASA DI DALAM PERKARA-PERKARA AGAMA

Kuasa Majlis

37. Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri ini. Hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam Negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara-perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini.

Undang-undang hendak dianggap

38. Majlis hendaklah memandang dan mengikut Undang-undang yang berjalan kuasa-kuasanya di dalam Negeri ini, perkara-perkara hukum Syarak dan Adat Istiadat yang dahulu-dahulu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu.

Jabatan Agama Islam

- 38A.(1) Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah bertanggungjawab dan memberi kesan kepada dasar-dasar dan keputusan-keputusan yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam.

[Sel. Enak. 11/72]

- (2) Ketua Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah digelar 'Pengarah, Jabatan Agama Islam Selangor. Dia hendaklah dibantu oleh Kadi Besar dan pada peringkat Daerah dibantu oleh Kadi Daerah'.

Lantikan Mufti

39. DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh melantik seorang yang layak dan patut menjadi Mufti Negeri Selangor.

Jawatankuasa Undang-undang Agama

40. (1) Hendaklah diadakan satu Jawatankuasa Undang-undang Agama bagi Majlis yang mengandungi Mufti, dan tiada lebih daripada dua orang ahli Majlis lagi, dan tidak lebih daripada dua lagi yang layak dan patut daripada ahli Majlis atau tidak.

- (2) Ahli-ahli Jawatankuasa Undang-undang Agama lain daripada Mufti hendaklah dilantik oleh DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan bagi sepanjang masa yang ditentukannya. Kenyataan lantikan itu hendaklah diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan.
- (3) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang Agama. Bila dua tiada hadir Kadi Besar hendaklah menjadi Pengerusi dan bila kedua-duanya tiada Pengerusi hendaklah dilantik oleh DYMM Sultan.
- (4) Maka cukuplah Jemaahnya itu jika Pengerusi dan dua ahli yang lain daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Agama Hadir.
- (5) Tertakluk kepada Undang-undang Jawatankuasa Agama berkuasalah membuat peraturan sendiri.
- (6) Ahli Jawatankuasa Agama hendaklah dianggap menjadi orang Kerajaan di dalam Panel Code (Undang-undang Jenayah).

Fatwa

41. (1) Siapa-siapa pun boleh dengan bersurat kepada Setiausaha meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara Agama Islam atau Nas atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu, apabila diterima permintaan yang demikian hendaklah Setiausaha dengan serta merta menghantar permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang Agama.
- (2) Jawatankuasa Undang-undang Agama hendaklah menimbangkan tiap-tiap permintaan yang demikian dan hendaklah melainkan pada fikirannya perkara itu satu perkara yang sangat kecil atau dengan satu sebab yang patut tiada payah dijawab. Menyediakan Rang Fatwa di atas pertanyaan itu. Jika sekiranya Rang Fatwa itu dipersetujui dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Undang-undang Agama atau Ahli Jawatankuasa yang hadir dan boleh mengundi, Pengerusi hendaklah bagi pihak dan dengan nama Majlis dengan serta merta mengeluarkan satu fatwa sebagai yang dipersetujui itu. Jika sekiranya di dalam satu perkara itu hendaklah mengeluarkan fatwa mengikut fikiran ramai di antara ahli-ahlinya. Tetapi di atas dasar yang munasabah bagi ganti mengeluarkan fatwa boleh menyerahkan perkara itu kepada DYMM Sultan bagi keputusannya.

- (3) Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusannya yang demikian itu.
- (4) Jika di dalam mana-mana Mahkamah yang lain daripada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi apa-apa soalan Agama Islam atau Nas ataupun Undang-undang Adat Istiadat Melayu hendaklah dijatuhkan hukuman dan Mahkamah itu meminta fikiran Majlis di atas soalan itu. Soalan itu hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Agama Islam. Maka Jawatankuasa itu hendaklah bagi pihak dan dengan nama Majlis memberi fikirannya di atas perkara itu mengikut fikiran yang ramai daripada ahli-ahlinya dan disahkan fikiran itu kepada Mahkamah yang meminta fikiran.

*Keputusan-
keputusan dan
Fatwa hendaklah
diikut*

42. (1) Pada ketika membuat atau mengeluarkan apa-apa fatwa seperti yang tersebut di atas tadi Majlis dan Jawatankuasa Agama Islam hendaklah kelazimannya mengikut Kul yang muktamad di dalam Mazhab Shafie. Tetapi jika fikiran diikuti Kul itu akan berlawanan dengan faedah umum. Majlis atau Jawatankuasa Agama bolehlah melainkan diperintahkan oleh DYMM Sultan yang lain, ikut Kul-kul yang daif daripada Mazhab Shafie.

Tetapi demikian juga jika sekiranya difikirkannya dengan Kul yang muktamad atau Kul daif daripada Mazhab Shafie yang berlawanan dengan faedah umum. Majlis atau Jawatankuasa Agama boleh dengan izin yang khas oleh DYMM Sultan ikut kul-kul salah satu daripada tiga Mazhab yang lain yang mana-mana difikirkan munasabah tetapi di dalam mana-mana fatwa yang dibuat dengan jalan ini hendaklah diterangkan dengan jelas peraturan-peraturan dan dasar-dasarnya yang hendak diikuti.

- (2) Pada masa membuat dan mengeluarkan mana-mana fatwa di dalam Fasal ini Majlis hendaklah menganggap dengan saksamanya kepada Adat Istiadat Melayu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu yang terpakai di dalam Negeri ini.
- (3) Apa-apa fatwa yang diberi oleh Majlis baik dengan terus daripada atau menerusi Jawatankuasa Agama ataupun apa-apa keputusan di atas mana-mana soal yang dibuat oleh DYMM Sultan mengikut seperti yang tersebut di atas tadi hendaklah Majlis mengambil

keputusan yang demikian atau dengan perintah DYMM Sultan, diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan dan dengan itu terikatlah semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri.

BAHAGIAN YANG KETIGA

MAHKAMAH SYARIAH

Lantikan

43. (1) DYMM Sultan boleh melantik sesiapa yang layak menjadi Kadi Besar bagi Negeri ini dan demikian juga melantik sesiapa menjadi Kadi bagi Kariah-kariah yang ditentukan dan juga boleh menarik balik lantikan itu.

Lantikan-lantikan yang demikian hendaklah diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan.

- (2) DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan selepas berunding dengan Majlis, boleh daripada satu masa ke satu masa mengurniakan atau menarik balik surat tauliah kepada Kadi Besar atau Kadi dan juga boleh mengikut surat-surat tauliah itu menghadkan kuasa yang boleh dijalankan oleh Kadi Besar atau Kadi yang diberi oleh Undang-undang ini atau mana-mana Undang-undang lain.
- (3) Dikecualikan apa-apa yang telah disebutkan kuasa Mahkamah dan kuasa yang lain hendaklah seperti yang diberikan di dalam Undang-undang ini atau Undang-undang yang lain.

*Pertubuhan
Mahkamah
Syariah*

44. (1) DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh menubuhkan dengan mengisytiharkan di dalam Warta Kerajaan Mahkamah Kadi Besar bagi Negeri.
- (2) DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh dengan mengisytiharkan di dalam Warta Kerajaan menubuhkan Mahkamah-mahkamah Kadi di tempat-tempat yang difikirkan patut dan boleh menghadkan kariahnya.

*Hak kuasa
Mahkamah &
Kuasa Kadi Besar*

45. (1) Mahkamah Kadi Besar hendaklah berkuasa di dalam seluruh Negeri dan diketuai oleh Kadi Besar.

- (2) Tertakluk kepada yang ditentukan di dalam Undang-undang ini Mahkamah Kadi hendaklah berkuasa di atas perkara Mal atau Jenayah atau lain perkara yang disebutkan lepas ini kelak yang timbul daripada hal-hal kuasa yang dibenarkan mengikut yang tersebut di dalam Fasal yang sudah ataupun jika had-had itu tiada disebutkan di dalam Negeri ini dan hendaklah diketuai oleh Kadi yang dilantik baginya,

- (3) Mahkamah Kadi Besar hendaklah:-

- (a) Di dalam kuasa jenayah apa-apa kesalahan orang Islam dan boleh diseksa di dalam Undang-undang ini dan boleh menjatuhkan hukum seksa yang ditentukan bagi kesalahan itu;
- (b) Di dalam kuasa mal, membicarakan, memutuskan segala perbicaraan itu jika kedua-dua pihak yang dibicarakan itu orang yang beragama Islam yang berkaitan dengan;

- (1) Bertunang lanang, kahwin, cerai, membatalkan akad nikah atau berperak;
- (2) Memberikan harta benda atau tuntutan di atas harta yang berbangkit daripada perkara yang tersebut di atas pecahan (b) (1);
- (3) Nafkah tanggungan anak-anak benar menjaga atau merumahkan kanak-kanak;
- (4) Bahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian;
- (5) Menentukan orang-orang yang boleh mendapat bahagian harta pesaka;
- (6) Wasiat atau pemberian masa hendak mati yang dibuat oleh si mati yang beragama Islam.
- (7) Pemberian yang tiada bersyarat atau penjelasan yang tiada bersyarat di atas wang tunai atau yang berharga dibuat oleh seseorang yang beragama Islam;
- (8) Wakaf atau nazar; atau

- (9) Lain-lain perkara kuasanya telah diberi oleh mana-mana Undang-undang.

Tetapi Mahkamah Kadi Besar itu tiada boleh pada lazimnya membicarakan kesalahan jenayah atau membicarakan dan memutuskan apa-apa perbicaraan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Kadi.

- (4) Mahkamah Kadi hendaklah:-

- (a) Di dalam kuasa jenayah, membicarakan apa-apa kesalahan yang dibuat oleh orang Islam dan boleh dihukum di dalam Undang-undang ini tetapi setinggi-tinggi hukuman yang ditentukan oleh undang-undang di atas kesalahan itu ialah tiada lebih tiga (3) bulan penjara atau denda yang tiada lebih daripada RM500.00 atau keduanya dan boleh menjatuhkan hukum yang demikian itu.
- (b) Di dalam kuasa mal, membicarakan dan membuat perbicaraan di atas segala perkara yang dikuasakan kepada Mahkamah Kadi Besar membicarakan dan memutuskannya. Tetapi hanya tuntutan yang dibicarakan tiada boleh lebih daripada RM2,000.00 atau tiada boleh dinilai atau dihargaikan.

- (5) Keputusan atau hukuman Mahkamah Kadi Besar atau Kadi tiada boleh sekali mengenai hak milik orang-orang kafir.

- (6) Satupun tiada yang ada di dalam Undang-undang ini boleh mengenai kuasa Mahkamah Mal. Jika ada berlawanan oleh sebab berbangkit daripada keputusan Mahkamah Kadi Besar dan Kadi atau keputusan Mahkamah Mal menjatuhkan hukuman di dalam kuasanya, keputusan Mahkamah Mal hendaklah dipakai.

Ulangbicara

46. (1) Ulang bicara daripada Mahkamah Kadi Besar dan Kadi hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Ulangbicara yang ditubuhkan di belakang kelak.
- (a) Di dalam kuasa jenayah, oleh seseorang di dapati salah dan dijatuhkan hukum jel atau denda yang tiada kurang daripada RM50.00, ulangbicara itu boleh dibawa kerana di atas

kesalahan itu boleh dibawa kerana di atas kesalahan yang telah didapati atau di atas hukum yang telah dijatuhkan atau kedua-duanya.

- (b) Di dalam kuasa Mal:

- (1) Oleh seseorang yang tiada puas hati dengan hukuman jika harga perkara yang dituntut itu tiada kurang daripada RM150.00;
- (2) Di atas segala perkara di atas hukuman berkenaan dengan diri oleh seseorang tiada puas hati di atas hukuman itu;
- (3) Di dalam segala perkara berkaitan dengan nafkah tanggungan oleh seseorang yang tiada puas hati di atas hukuman. Tetapi ulangbicara tiada boleh dibuat di atas hukuman yang telah dijatuhkan dengan persetujuannya sendiri dan

- (c) Di dalam lain-lain perkara jika dibenarkan oleh Jawatankuasa Ulangbicara.

- (2) DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan hendaklah mengangkat pada tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya tujuh (7) orang Islam menjadi satu daftar orang-orang daripada itu bolehlah dipilih tiga (3) orang menjadi Jawatankuasa Ulangbicara.

- (3) Apabila seseorang meminta Ulangbicara di atas hukuman Mahkamah Kadi Besar atau Kadi atau meminta kebenaran Ulangbicara mengikut Fasal ini pecahan (1) hendaklah Yang Dipertua memilih tiga (3) orang menjadi Jawatankuasa Ulangbicara. Seorang daripada orang-orang itu yang menjadi Pengerusinya hendaklah orang yang menjadi atau sudah menjadi Majistret di dalam mana-mana Negeri Melayu.

- (4) Di dalam mana-mana Ulangbicara Jawatankuasa Ulangbicara bolehlah:-

- (a) Di dalam perkara jenayah, batalkan pendapatan salah, batalkan atau kurangkan hukum, atau perintahkan dibicarakan semula;

(b) Di dalam perkara Mal ditetapkan, dibalikkan atau ubah hukuman yang membicarakan boleh menjalankan membuat perintahan sebagai Mahkamah yang membicarakan patut sudah membuatnya, ataupun perintahan dibicarakan semula.

(5) Apabila satu Ulangbicara sudah diserahkan atau satu permintaan kebenaran dengan Ulangbicara sudah dibuat kepada Jawatankuasa Ulangbicara. Ulangbicara itu hendaklah dibuat dengan memberi atau macam mana jalan yang ditentukan tetapi hendaklah dibuat empat belas (14) hari daripada kejadian perbuatan, kelalaian, hukuman perintah atau pendapatan yang dipinta Ulangbicara atau permintaan kebenaran Ulangbicara atau permintaan kebenaran Ulangbicara telah dibuat berkenaan dengan atau sekiranya sipeminta tiada tahu perkara yang demikian itu telah berlaku dan tiada boleh macam mana ikhtiar pun tahu hendaklah di dalam empat belas (14) hari selepas daripada perkara-perkara itu ditahunya, tetapi Jawatankuasa Ulangbicara apabila membicarakan permintaan kebenaran Ulangbicara bolehlah di atas perkara yang difikirkan patut memanjangkan masa meminta Ulangbicara dengan tiada mengirakan masanya sudah habis.

(6) DYMM Sultan boleh membuat peraturan menentukan macam mana hendak meminta Ulangbicara atau permintaan kebenaran Ulangbicara.

Surat Keterangan Harta Pusaka 47. Jika pada masa bicara yang berkaitan dengan kuasa di atas harta pusaka orang yang beragama Islam mana-mana Mahkamah dan sesiapa yang berkuasa di atas hal itu yang lain daripada Mahkamah Kadi Besar dan Kadi wajib menentukan orang-orang yang berhak di dalam bahagian-bahagian yang orang demikian itu berhak. Mahkamah Kadi jika harga harta itu tiada lebih daripada RM5,000.00 Mahkamah Kadi Besar, dengan permintaan Mahkamah atau sesiapa yang berkuasa di dalam perkara itu, ataupun dengan permintaan sesiapa yang menuntut bahagian dan apabila dibayarnya belanja yang ditetapkan. Bolehlah menerangkan di atas perkara-perkara yang bersangkutan didapati oleh Mahkamah siapa-siapa yang berkuasa di atas perkara itu. Fikirannya siapa-siapakah orang yang berhak, di atas harta itu Mahkamah Kadi Besar atau Kadi boleh, sebelum memberi keterangan di atas fikirannya, membicarakan tuntutan-tuntutan itu di atas perkara Undang-undang, tetapi tiada boleh mendengar keterangan atau membuat pendapatan di atas hal-hal yang berlaku atau terjadi.

Jika perkara itu terlalu payah bolehlah diserahkan kepada Jawatankuasa Agama bagi fikirannya dan hendaklah apabila fikiran itu sudah diberi membuat keterangan mengesahkan mengikut fikiran itu.

PERATURAN AM

- Cap* 48. (1) Mahkamah Kadi Besar dan tiap-tiap Mahkamah Kadi hendaklah mempunyai dan memakai cap yang dipersetujui oleh DYMM Sultan.
- (2) Surat panggilan yang dikeluarkan oleh Mahkamah itu hendaklah mengandungi cap dan tandatangan Ketua Pegawai Mahkamah itu.
- Bahasa* 49. (1) Bahasa di dalam Mahkamah hendaklah bahasa Melayu.
- (2) Surat-surat atau perbicaraan boleh ditulis atau dicop dengan jawi atau rumi.
- (3) Tiap-tiap Mahkamah hendaklah menyimpan segala peringatan yang cukup dan betul di atas segala perbicaraan dan juga kira wang masuk yang betul lagi cukup terang dan bertanggunglah menyatakan segala wang yang diterima mengikut peraturan yang disebutkan di dalam General Order yang berkaitan dengan hal ehwal wang.
- Peguam* 50. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang tersebut di dalam mana undang-undang peguam tiada berhak mengambil bahagian di dalam Mahkamah bagi pihak mana bahagian di dalam satu bicara keadaannya berlawanan dengan Undang-undang Agama Islam.
- (2) Mana-mana peguam yang mengambil bahagian di dalam perbicaraan hendaklah bercakap di dalam Bahasa Mahkamah ataupun menerusi Jurubahasa yang dipersetujui oleh Mahkamah.
- Kehadiran Dengan Wakil* 51. Tiap-tiap pihak di dalam mana-mana perbicaraan hendaklah hadir sendiri di dalam perbicaraan perkara jenayah dan di dalam perkara Mal hadir sendiri atau dengan wakil.
- Menyampaikan Panggilan* 52. (1) Surat Panggilan Mahkamah hendaklah dihantar oleh Pegawai Mahkamah atau oleh orang lain yang dikuasakan oleh Mahkamah

itu dan boleh dihantarkan di mana-mana tempat di dalam Negeri pada bila-bila masa.

- (2) Di dalam perkara jenayah hendaklah kepada orang itu sendiri.
- (3) Di dalam perkara Mal hendaklah orang itu sendiri melainkan dengan sebab-sebab yang tertentu. Mahkamah hendaklah memerintahkan hantaran dengan jalan lain (*substituted service*) hendaklah dihantar dengan jalan apa yang diperintahkan oleh Mahkamah itu dan boleh dipakai seperti dihantar kepada orang itu sendiri.
- (4) Hantaran kepada orang itu sendiri hendaklah diberikan salinan yang pertama atau salinan yang dicop dan ditandatangani oleh orang itu sendiri. Jikalau orang itu tiada mahu menerimanya bolehlah surat ditunjukkan kepadanya dan tinggalkan dekat dengan dia.
- (5) Sesiapa yang sudah menghantar surat atau saman atau notis hendaklah dengan serta merta menyerahkan kepada Mahkamah suatu permintaan menunjukkan tempat waktu dan macam-macam ia menyampaikan.
- (6) Menghantarkan surat panggilan bolehlah diterangkan dengan cukup.

Keterangan

53. (1) Mahkamah hendaklah mengikut segala Peraturan Agama Islam berkaitan dengan bilangan kedudukan dan rupa pendirian saksi-saksi atau keterangan yang dikehendaki bagi menerangkan satu-satu perkara. Melainkan daripada yang telah disebutkan Mahkamah hendaklah mengambil perhatian di atas undang-undang keterangan yang berjalan kuasanya pada masa itu di dalam Negeri dan hendaklah mengikut di atas dasar undang-undang itu. Tetapi tidaklah dikehendaki mengikutnya semua sekali.
- (2) Mahkamah berkuasa mengambil sumpah dan pengakuan yang kuat. Segala keterangan hendaklah dibuat dengan sumpah yang dipakai dan dibuat oleh orang-orang Islam tetapi Mahkamah di atas perkara yang tertentu bolehlah meninggalkan sumpah dan mengambil keterangan dengan pengakuan. Pengakuan hendaklah dibuat seperti ini:-

“Bahawa saya Polan bin Polan dengan sesungguhnya dengan suci hati mengaku perkara yang hendak saya sebut di dalam Bicara ini semuanya benar tiadalah apa-apa yang tidak benar melainkan yang benar belaka”

Baik dengan bersumpah ataupun dengan pengakuan seorang saksi hendaklah menyatakan yang benar.

- (3) Jika pada fikiran Mahkamah mana-mana saksi yang sengajanya membuat keterangan yang bohong di dalam mana-mana perbicaraan. Mahkamah bolehlah menyatakan kepada Pendakwaraya ataupun Timbalannya ataupun boleh menjalan kuasa yang ditentukan di dalam Fasal (12) di dalam Undang-undang Sumpah dan Pengakuan 1949 (Oath and Affirmations Ordinance, 1949 F. of Malaya 51/1949) yang diberikan kepada Majistret-Majistret Yang Pertama di dalam perkara-perkara yang serupa itu dan hendaklah kepada had-had dan syarat-syarat yang ditentukan di dalam Fasal itu. Sesiapa yang dihukum mengikut Fasal ini hendaklah berhak meminta Ulangbicara seumpama ianya dihukum di dalam Undang-undang itu.

*Panggilan
Memberi
Keterangan dan
Menunjukkan
Surat-surat*

54. (1) Tertakluk kepada mana-mana Undang-undang yang lain, Mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada siapa-siapa memberi keterangan ataupun menunjukkan surat atau kuasa yang ada di dalam simpanannya. Tiap-tiap saman yang semacam itu hendaklah diberi kepada orang itu. Tiap-tiap orang yang menerima itu baik orang Islam atau tidak bertanggung pada Undang-undang mengikut perintah.

- (2) Mahkamah itu bolehlah sebelum mengeluarkan saman memerintahkan membayar belanja tambang dan makan kepada saksi jika ia tinggal lima (5) batu jauhnya daripada Mahkamah itu.

Menangguhkan

55. Mahkamah itu boleh di atas perkara yang cukup menangguhkan perbicaraan daripada satu masa ke satu masa dari setempat ke satu tempat. Melainkan yang tersebut di atas itu perbicaraan di dalam Mahkamah Kadi hendaklah dijalankan di dalam rumah Mahkamah Kadi dan perbicaraan di dalam Mahkamah Kadi Besar hendaklah dijalankan di dalam rumah Mahkamah Kadi Besar atau di rumah Mahkamah mana-mana Kadi.

Masa 56. Mahkamah itu boleh menetapkan dan boleh pada mana masa memanjangkan atau memendekkan masa bagi membuat apa-apa atau perkara dan jika tidak mengikut perintah yang dibuat boleh menjalankan. Jika seperti pihak yang tiada mengikut perintahnya itu tidak hadir.

*Mahkamah
Terbuka* 57. Tiap-tiap perbicaraan hendaklah terbuka kepada orang ramai, tetapi mana-mana Mahkamah itu boleh mengeluarkan perintah iaitu semuanya atau sebahagian daripada perbicaraan itu boleh dijalankan di dalam Mahkamah yang tertutup jika Mahkamah itu puashati iaitu perbuatan yang demikian patut dan boleh mendapat keadilan.

PERATURAN DI DALAM PERBICARAAN JENAYAH

*Kebenaran
Majlis* 58. Pendakwaan tiada boleh dilakukan di atas kesalahan di dalam Fasal 164, 165, 167, 168, 169 atau 172 di dalam Undang-undang ini melainkan dengan mengikut ketetapan Majlis membenarkan pendakwaan itu dan satu salinan ketetapan itu yang disahkan hendaklah ditunjukkan kepada Mahkamah sebelum saman atau waran dikeluarkan. Salinan ketetapan yang disahkan itu hendaklah dijadikan sebahagian daripada peringatan di dalam perbicaraan itu.

Pengaduan 59. (1) Pengaduan yang berkehendakkan pendakwaan hendaklah dibuat dengan bertulis atau dengan cakap kepada Ketua Mahkamah itu. Jika dibahas dengan cakap hendaklah dituliskan oleh Ketua Mahkamah itu dengan jalan manapun hendaklah ianya menyuruh sipengadu itu bersumpah atau membuat pengakuan di atas kebenaran pengaduan itu.

(2) Boleh Mahkamah itu tiada mahu mengambil apa-apa langkah di atas pengaduan itu jika Mahkamah itu tiada puas hati yang beralas kesalahan yang dituduhkan itu tiada berlaku.

*Saman dan
Waran* 60. (1) Apabila penerima pengaduan iaitu satu kesalahan sudah berlaku di dalam kuasanya membicarakan Mahkamah itu bolehlah mengeluarkan saman kepada orang yang kena tuduh menyuruh dia hadir di Mahkamah itu pada masa dan tempat yang ditentukan.

(2) Saman itu hendaklah menyebutkan keadaan kesalahan yang dituduhkan dan Fasal di dalam Undang-undang ini kesalahan itu boleh dihukumkan.

(3) Jika orang yang dituduh itu tidak mengikut perintah saman yang sudah diberikan kepadanya ataupun jika kesalahan itu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara dan jika di atas alasan yang kuat dipercayai. Satu saman tidak akan berjaya dari sebab orang yang dituduh tiada dapat dijumpai atau dia tiada mengikut perintah saman itu Mahkamah itu boleh mengeluarkan waran memerintahkan Chief Police Officer dan mana-mana Pegawai Polis di dalam Negeri ini menangkap orang yang dituduh itu dan dibawa ke dalam Mahkamah itu. Waran itu hendaklah mengandungi perkara yang disebutkan di dalam pecahan (2) di dalam Fasal ini, orang yang dituduh itu hendaklah ditangkap dan dibawa ke dalam Mahkamah itu.

*Menangkap
Dengan Tiada
Waran*

61. Mana-mana Pegawai Polis, jika Pegawai Polis diketahui tiada, mana-mana Penghulu atau mana-mana Imam boleh menangkap dengan tiada waran:

(a) Siapa-siapa yang sudah membuat kesalahan atau mencuba membuat kesalahan di hadapannya iaitu kesalahan di dalam Undang-undang ini yang berkenaan dengan memecahkan keamanan; atau

(b) Siapa-siapa yang sudah membuat kesalahan di hadapannya di dalam Undang-undang ini dan tiada mahu atau tiada memberi nama dan tempat tinggalnya yang penuh lagi terang; atau

(c) Siapa-siapa di atasnya waran sudah dikeluarkan dan berjalan lagi di dalam Undang-undang ini sungguhpun waran itu tiada di dalam tangan Pegawai Polis.

Dan hendaklah membawa ataupun mengikhtikarkan membawa orang yang dituduh itu ke dalam Mahkamah itu dengan tiada lengah selama-lamanya 24 jam daripada masa orang itu ditangkap.

62. Satupun tiada terkandung di dalam Fasal-fasal yang lalu hendak menghadkan atau mengenai kuasa-kuasa menangkap atau memeriksa yang diberikan kepada siapa-siapa oleh Undang-undang Peraturan Jenayah atau mana-mana Undang-undang pada masa ini berjalan kuatkuasanya yang berkaitan dengan Peraturan Jenayah bagi Mahkamah Awam.

63. (1) Bila seseorang yang dituduh dibawa ke dalam Mahkamah, Mahkamah itu boleh membicarakan tuduhan di atas orang itu atau tangguhkan perbicaraan itu di atas apa-apa syarat yang difikirkan patut beberapa lama yang difikirkan berpatutan dan boleh juga membenarkan jaminan kepada orang itu. Jaminan itu boleh diambil dengan wang tunai, atau dengan surat akaun dengan atau tidak bercagaran. Mahkamah itu boleh pada masa mengeluarkan waran bagi menangkap. Dikuasakan polis membenarkan dengan apa-apa syarat Mahkamah tuntutan.
- (2) Jika perbicaraan di atas tuduhan kepada seseorang yang dituduh itu ditangguhkan. Oleh itu bolehlah ditahan di dalam lokap dengan waran dikeluarkan oleh Mahkamah itu atau tuduhan di dalam penjara sampai masa perbicaraan melainkan dengan jaminan.
- (3) Mana-mana Mahkamah tiada boleh menahan seseorang yang dituduh itu di dalam lokap pada masa lebih daripada lapan hari.

64. Pendakwaan hendaklah dijalankan oleh:-
- (a) siapa-siapa yang dilantik oleh DYMM Sultan mendakwa;
 - (b) siapa-siapa yang dilantik oleh Majlis mendakwa;
 - (c) Pendakwaraya atau Timbalannya;
 - (d) Pegawai Polis atau Penghulu;
 - (e) Imam di dalam kariahnya kesalah itu telah dilakukan;
 - (f) yang mengadu.

Seorangpun daripada orang-orang yang tersebut di dalam daftar itu tiada boleh mendakwa jika orang yang tersebut dahulu daripadanya ada dan mahu mendakwa.

65. (1) Tuduhan itu hendaklah dibuat oleh Pendakwa atau oleh Mahkamah dan hendaklah mengandungi keterangan cukup di atas kesalahan yang dituduh itu. Lebih daripada satu kesalahan boleh dituduh dengan berbilang-bilang dan dibicarakan bersama-sama jika berbangkit dari perkara yang serupa. Lebih daripada seorang

boleh dituduh dan dibicarakan bersama-sama di atas kesalahan yang serupa atau yang lain jika berbangkit daripada perkara yang serupa.

- (2) Tuduhan itu boleh diubah atau dipinda pada bila-bila masa sebelum dijatuhkan hukuman hukum tetapi orang yang dituduh itu hendaklah diberi peluang yang cukup bagi menyoal, memberi atau meminta keterangan melawan tuduhan itu.
- (3) Seseorang yang dituduh membuat satu-satu kesalahan bolehlah dihukum bagi bersubahat di atas membuat kesalahan itu.

66. (1) Kebenaran Pendakwa hendaklah diterangkan.
- (2) Orang yang dituduh hendaklah dituduh. Jika dia mengaku salah bolehlah dijatuhkan hukuman di atas pengakuannya.
- (3) Jika orang yang dituduh itu meminta dibicarakan atau tiada mahu mengaku. Pendakwa hendaklah menerangkan dengan ringkasnya perkara-perkara yang hendak diterangkan dan demikian juga Undang-undang yang berkaitan dan lepas itu panggil saksi-saksinya.
- (4) Tiap-tiap saksi hendaklah diperiksa oleh pihak yang memanggilnya dan boleh disoal oleh pihak yang sebelah. Soalan hendaklah ditujukan mendapat kebenaran. Pihak yang memanggilnya bolehlah pula memeriksanya sekali lagi di atas perkara yang disoal oleh pihak sebelah. Mahkamah boleh bertanya kepada mana-mana saksi bila-bila masa. Apa-apa soalan lagi boleh dibuat atau saksi-saksi boleh dipanggil semula dengan kebenaran Mahkamah.
- (5) Lepas mendengar keterangan saksi-saksi bagi pihak Pendakwa Mahkamah itu hendaklah membuang bicara itu atau menyuruh orang yang dituduh itu membuat pembelaan.
- (6) Jika disuruh membuat pembelaannya orang yang dituduh boleh bercakap kepada Mahkamah dan boleh memberi keterangan atau membuat kenyataan dengan tidak bersumpah atau pengakuan. Jika demikian dia tiada boleh disoal oleh Pendakwa tetapi tiadalah boleh dia disoal di atas kelakuannya atau di atas kesalahan yang tidak dituduh di atasnya.

- (7) Orang yang dituduh boleh memanggil saksi-saksinya.
- (8) Orang yang dituduh boleh menerangkan perbicaraan itu bagi dirinya.
- (9) Pendakwa bolehlah menjawab penerangan itu.
- (10) Mahkamah itu hendaklah menjatuhkan kesalahan ke atas atau lepaskan orang yang dituduh itu daripada tuduhan.
- (11) Jikalau yang didakwa didapati salah Mahkamah boleh diberitahu kesalahannya yang dahulu dan hendaklah dipandang di atas menimbang permintaan belas kasihan.
- (12) Mahkamah itu hendaklah menyatakan hukuman mengikut Undang-undang.
- (13) Pada bila-bila masa sebelum dijatuhkan pendapat Pendakwa bolehlah menarik balik dari perbicaraan itu hendaklah dibuang. Tetapi bila pengadu sendiri mendakwa dan jika ia tidak mewakili orang-orang yang tersebut di dalam daftar (a) sampai (c) di dalam Fasal 64 di dalam Undang-undang ini. Dia tiada boleh sekali-kali menarik balik dengan tiada kebenaran Mahkamah.
- (14) Hendaklah Mahkamah itu pada setiap masa memuaskan hatinya iaitu orang yang dituduh mengerti, keadaan dan makna perbicaraan itu dan ada peluang membela diri.
- (15) Semuanya keterangan hendaklah diambil di hadapan orang yang dituduh mengerti, keadaan dan makna perbicaraan itu dan ada peluang membela diri.
- (16) Mahkamah itu hendaklah membuat peringatan keterangan-keterangan dengan bertulis seperti bercakap dan juga membuat peringatan di atas pendapat dan hukuman yang dijatuhkannya.

Hukuman

67. (1) Satu Mahkamah yang menjatuhkan hukum penjara hendaklah menghantar orang yang kena penjara di dalam jagaan seorang Pegawai Polis ataupun seorang daripada Pegawai Mahkamah itu ke Penjara dan serahkan orang itu kepada Pegawai yang menjaga penjara itu bersama dengan waran menahannya dan ianya demikian itu hendaklah ditahan.

- (2) Jika orang yang kena hukum penjara itu sudah ditahan di dalam penjara, sementara belum dibicarakan masa ianya di dalam penjara itu boleh dikira sebahagian daripada masa di dalam tahanan mengikut hukuman itu.
- (3) Mahkamah itu boleh dengan fikirannya sendiri benarkan jaminan sebelum Ulangbicara. Tetapi jika Ulangbicara itu tiada diusahakan dengan rajinnya Mahkamah boleh mengeluarkan perintah menangkap orang itu balik dan hukuman di atasnya hendaklah dijalankan.
- (4) Melainkan yang ditentukan bagi satu-satu perkara hukuman penjara di dalam Undang-undang ini hendaklah kerja berat di atas laki-laki dan kerja ringan di atas perempuan.
- (5) Hukuman penjara bolehlah dijatuhkan jika tiada dibayar denda yang diperintahkan di bawah Undang-undang ini. Tetapi hukuman penjara itu tidaklah lebih daripada separuh daripada hukuman penjara jika ada yang ditentukan bagi kesalahan itu, atau tujuh hari sahaja jika kesalahan itu boleh dihukumkan dengan denda sahaja.

Hukuman Denda

68. (1) Satu Mahkamah yang menjatuhkan hukum denda bolehlah membayar masa membayar denda itu atau dibenarkan membayar dengan ansuran.
- (2) Denda bolehlah didapati dengan jalan disebutkan kemudian kelak bagi mendapat wang bayaran yang dihukumkan di dalam Bicara Mal.

Amaran dan jaminan diri

69. Sebagai ganti menjatuhkan hukuman di atas seseorang. Mahkamah itu boleh memberi amaran dan melepaskan orang itu atau sebagai ganti hukuman seseorang yang didapati salah. Mahkamah itu boleh membuat perintah ianya membuat perjanjian berkelakuan baik selama tiada lebih daripada setahun dengan menandatangani surat jaminan diri seberapa wang yang ditentukan dengan bercagar atau tidak atau disimpan wang. Jika didapati berlaku pecah janji di atas surat jaminan itu, Mahkamah itu boleh memerintahkan jaminan itu dijalankan dan dibayar dijadikan seperti denda, perintah yang semacam itu bolehlah dipinda ulangbicara.

Ampunan

70. (1) DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan bolehlah menukarkan, tahanan atau ampunan apa-apa hukuman atau sebahagian daripada hukuman.

- (2) Satupun tiada di dalam ini yang boleh mengenai sekali-kali hak DYMM Sultan menjalan ampun dan belas kasihannya.
71. (1) Tertakluk kepada apa-apa yang tersebut di dalam Fasal 46(1) (a) di dalam Undang-undang ini seseorang yang tiada puas hati di atas mana-mana hukuman atau perintah yang diperintahkan oleh satu Mahkamah di dalam mana-mana perbicaraan di dalam Undang-undang ini yang ianya seorang mengambil bahagian di dalamnya boleh meminta Ulangbicara dijadikan di dalam Fasal 46 Undang-undang ini.
- (2) Ulangbicara yang demikian itu hendaklah dihantar kepada Mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu. Satu permintaan Ulangbicara hendaklah dialamatkan kepada Jawatankuasa Ulangbicara sebutkan perkara-perkara hukuman yang dirayukan itu. Ulangbicara yang dikemukakan itu hendaklah dinyatakan di atas keputusan atau di atas hukuman atau di atas kedua-duanya dan alasan-alasan permintaan Ulangbicara itu dan hendaklah dibayar belanja yang ditentukan jika ada. Permintaan itu hendaklah dihantar sebelum lepas 14 hari daripada keputusan itu dijatuhkan melainkan dengan permintaan kepada Jawatankuasa Ulangbicara masa 14 hari itu dipanjangkan.
- (3) Apabila diterima permintaan yang demikian Mahkamah itu hendaklah menyediakan dan menghantarkan empat salinan kepada Yang Dipertua. Surat peringatan yang mengandungi satu salinan permintaan itu, satu salinan tuduhan, satu salinan kebenaran mendakwa jika ditunjukkan di dalam bicara, satu salinan keputusan Mahkamah itu atau perintah dan alasan-alasan itu hendaklah disahkan menyatakan betul dan ditandatangani oleh Ketua Mahkamah itu dan dicop. Orang yang meminta Ulangbicara itu hendaklah diberi satu salinan peringatan itu jika dikehendaknya lepas dibayarnya belanja yang ditentukan jika ada dan Mahkamah itu hendaklah menghantar satu salinan pula kepada Pendakwa dengan tiada bayaran. Siapa dia yang dikehendaki menjawab di dalam Ulangbicara itu.
- (4) Apabila diterima oleh Yang Dipertua salinan surat yang disebutkan di dalam pecahan Fasal ini di atas tadi Yang Dipertua hendaklah menghantarkannya kepada Jawatankuasa Ulangbicara yang dipilihnya bagi dibicarakan.

- (5) Jawatankuasa Ulangbicara itu hendaklah menetapkan hari bicara dan hendaklah memberitahu orang-orang yang bicara itu haribulan dan tempat bicara itu.
- (6) Pada masa bicara Jawatankuasa Ulangbicara hendaklah mendengar sipeminta Ulangbicara dan jika difikirkan berkehendakkan dengar pula menjawab kepada Ulangbicara itu dan lepas itu bolehlah mengeluarkan perintah mengikut Fasal 46(4) (a) Undang-undang ini seperti yang difikirkan berpatutan.

- Memberi-berikan harta* 72. Mahkamah boleh mengeluarkan perintah bagi memberikan harta yang dibawa ke dalamnya pada masa perbicaraan Jenayah.
- Khilaf mengikut peraturan* 73. Oleh kerana tidak betul mengikut peraturan atau tidak dapat kebenaran yang dikehendaki mengikut Fasal 66 tiada boleh menjadikan perbicaraan itu salah pada Undang-undang atau batal melainkan menunjukkan tiada adil atau kepayahan kepada yang dituduh.
- Perkara-perkara yang tiada peraturan* 74. Di dalam perkara-perkara perbuatan yang lazim ataupun peraturan di dalam perbicaraan jenayah Mahkamah itu hendaklah meninggalkan jalan yang tiada adil dan menjalankan dengan segeranya dan boleh juga mengambil pandangan kepada perbuatan dan peraturan yang didapati di dalam Mahkamah Awam di dalam perkara jenayah.
- Nafkah* 75. Perbicaraan di dalam Undang-undang ini yang berkenaan dengan nafkah orang di dalam tanggungan hendaklah dijadikan Perbicaraan Mal.

PERATURAN PERBICARAAN MAL

- Tuntutan* 76. (1) Semua perbicaraan di dalam Mahkamah Kadi Besar atau Kadi hendaklah dengan menghantar tuntutan yang bertulis atau dengan membuat pengaduan sendiri kepada Ketua Mahkamah itu, dua dengan jalan manapun belanja yang ditentukan hendaklah dibayar. Jika pengaduan dibuat dengan cakap Mahkamah itu hendaklah menulis tuntutan itu bagi pihak penuntut dan hendaklah ditandatangani dan diserahkannya.
- (2) Tuntutan itu hendaklah mengandungi nama-nama, alamat-alamat dan penerangan di atas mereka kedua-dua-dua pihaknya. Penyata yang

pendek di atas hal tuntutan itu dan juga keterangan timbangan dan keputusan yang dikehendaki.

Mencantum dan menyatukan

77. Lebih daripada seorang boleh dicantumkan menjadi penuntut atau yang kena tuntutan dan juga lebih daripada satu hal tuntutan boleh dibuat di dalam perbicaraan. Tetapi Mahkamah boleh memerintahkan di lain-lain perbicaraannya. Mahkamah itu boleh juga dikehendaki menjalankan dua atau lebih perbicaraan dengan sekali jika perbicaraan itu berbangkit daripada perkara-perkara yang serupa tuntutan pihak-pihak itu juga.

Saman dan menyampaikannya

78. (1) Lain daripada salinan tuntutan yang pertama hendaklah si penuntut menyerahkan kepada Mahkamah salinan yang mencukupi sekeping seorang bagi yang kena tuntutan.
- (2) Mahkamah itu hendaklah mengeluarkan saman kepada seorang yang kena tuntutan dan hendaklah disuruh sampaikan saman bersama dengan satu salinan tuntutan itu kepada yang kena tuntutan. Saman itu hendaklah memerintahkan yang kena tuntutan hadir menjawab tuntutan itu di tempat haribulan dan waktu yang ditentukan dan hendaklah juga memberi amaran iaitu jika dia tiada hadir Mahkamah boleh membenarkan tuntutan itu sungguhpun dia tiada hadir.

Orang sudah mati atau tiada upaya hadir

79. (1) Seorangpun tiada boleh hadir melainkan orang yang sebenarnya menjadi kuasa atau memegang amanah harta yang sudah disahkan amanahnya itu, bagi pihak harta pusaka orang yang sudah mati.

Tetapi seseorang waris boleh menuntut bahagiannya kepada seseorang yang memiliki harta pusaka yang ianya mengikut undang-undang tiada berhak.

- (2) Jika satu-satu pihak di dalam perbicaraan budak yang tiada cukup umur ataupun seorang tiada sempurna akalnya Mahkamah boleh melantik seorang yang patut dan yang tidak mempunyai faedah yang berlawanan dengan budak ataupun yang tiada sempurna akal itu, mewakilinya di dalam perbicaraan itu, penjaga yang sah di sisi undang-undang atau yang lazim bagi seorang budak perempuan ataupun Jawatankuasa bagi seorang tiada sempurna akal jika ada hendaklah pada lazimnya dilantik jika ianya bersetuju mewakilinya.

Penolakan

80. (1) Siapa-siapa yang kena tuntutan bolehlah menyerahkan penolakannya yang bertulis dan hendaklah memberi sekeping salinan kepada Mahkamah dan sekeping kepada seseorang yang menuntut kepada ianya akan disuruh sampaikan oleh Mahkamah itu.
- (2) Jika yang kena tuntutan tidak menyerahkan penolakannya pada mula-mula ia hadir dan tiada mahu membuat demikian tetapi hendak menolak tuntutan itu Mahkamah hendaklah meminta ianya dengan bercakap alasan-alasan penolakannya dan tidaklah boleh ianya membawa alasan-alasan yang lain dengan tiada kebenaran Mahkamah itu.
- (3) Jika yang kena tuntutan hendak membuat penolakannya Mahkamah hendaklah menetapkan di dalam masa yang tentu ianya dikehendaki membuatnya, pada lazimnya masa itu tiadalah kurang daripada tujuh hari sebelum dimulakan perbicaraan.
- (4) Jika yang kena tuntutan hendak membangkitkan perkara-perkara bagi membawa tuntutan yang berlawanan Mahkamah bolehlah membenarkan ianya membuat yang demikian ataupun menyuruh ianya memulakan perbicaraan yang lain.

Perintah sementara perbicaraan belum diputuskan

81. Mahkamah itu boleh dengan permintaan mana-mana pihak membuat perintah sementara dengan tujuan menyelamatkan harta yang berbangkit di dalam perbicaraan itu atau menjaga keselamatan hak-hak mana-mana pihak sebelum bicara atau menyenangkan perbicaraan itu atau boleh membenarkan pindaan mana-mana perbicaraan, membetulkan mana-mana kesalahan dengan syarat-syarat yang adil. Permintaan yang demikian bolehlah dibuat dengan cakap tetapi mana-mana pihak hendaklah diberi peluang membela bagi pihaknya.

Menarik balik dan berselesai

82. (1) Yang menuntut boleh menarik balik perbicaraan pada bila-bila masa sebelum hukum dijatuhkan tetapi terpaksa membayar belanja perbicaraan itu, dan tiada boleh membawa perbicaraan baru di atas perkara itu juga dengan tiada kebenaran Mahkamah itu.
- (2) Pihak-pihak yang mengambil bahagian di dalam mana-mana perbicaraan boleh membuat penyelesaian pada bila-bila masa. Mahkamah hendaklah jika dipinta oleh mana-mana pihak mengambil ingatan di atas syarat-syarat penyelesaian itu.

Tetapi wakil amanah harta pusaka ataupun wakil yang dilantik mengikut di dalam Fasal 79 pecahan (2) di dalam Undang-undang ini tiada boleh menarik balik mana-mana perbicaraan dengan tiada kebenaran Mahkamah yang akan menimbangkan hak-hak waris harta pusaka ataupun orang-orang yang diwakili.

Perbicaraan

83. (1) Jika pada masa perbicaraan yang menuntut tiada hadir perbicaraan itu bolehlah dibuang. Jika yang menuntut hadir tetapi yang kena tuntutan tiada hadir yang menuntut boleh menerangkan tuntutannya dan Mahkamah bolehlah menjatuhkan hukuman.

Tetapi Mahkamah itu:

- (a) Boleh dengan fikirannya sendiri menangguhkan perbicaraan itu; dan
 - (b) Boleh menjalankan perbicaraan di atas tuntutan yang berlawanan sungguhpun perbicaraan itu sudah dibuang.
- (2) Jika yang kena tuntutan hadir dan mengaku di atas tuntutan itu Mahkamah bolehlah menjatuhkan hukumannya dengan tiada payah mengambil penerangan.
- (3) Jika yang kena tuntutan hendak membela dirinya hukuman akan dijatuhkan jika tiada diambil keterangan berhak memulakan perbicaraan.
- (4) Tiap-tiap pihak boleh menerangkan pendiriannya masing-masing dan lepas itu memberi keterangan dan mengambil saksi-saksinya siapa yang akan diperiksa dan disoal. Diperiksa semula dan ditanya oleh Mahkamah dan dipanggil balik macam yang disebutkan di dalam Fasal 66 di dalam Undang-undang ini bagi perbicaraan jenayah. Lepas selesai memberi keterangan tiap-tiap pihak bolehlah menerangkan balik kebenarannya masing-masing tetapi pihak yang memulakan perbicaraan hendaklah yang kemudian sekali bercakap.
- (5) Mahkamah bolehlah mengambil keterangan yang difikirkan mustahak. Tetapi mana-mana pihak pun tiada boleh dipaksa memberi keterangan jika dia tiada suka.

Hukuman

- (6) Lepas itu Mahkamah hendaklah memberi hukumannya di dalam Mahkamah terbuka kepada ramai pada masa itu juga atau pada masa yang lain tetapi pihak-pihak yang bersangkutan hendaklah diberitahu.
84. (1) Tiap-tiap hukuman Mahkamah lepas dibicarakan hendaklah dituliskan, diharibulankan dan ditandatangani oleh Ketua Mahkamah itu, dicop dan hendaklah disimpan bagi peringatan mana-mana pihak hendaklah diberi satu salinan hukuman itu jika dibayarnya belanja yang ditentukan.
- (2) Hukuman boleh menerangkan hak bagi pihak-pihak yang bersangkutan ataupun boleh memerintahkan mana-mana pihak membuat apa-apa atau perkara termasuklah membayar wang atau kedua-duanya.

Perbelanjaan

85. Mahkamah itu boleh dengan dikiranya sendiri memerintahkan mana-mana pihak membayar perbelanjaan bicara itu termasuk tambang dan belanja makan orang-orang yang mengambil bahagian di dalam perbicaraan itu dan saksi-saksinya dan hendaklah Mahkamah itu sendiri mengira berapa banyak wang yang diperintakkannya patut dibayar.

Menjalankan hukuman

86. (1) Jika siapa-siapa yang terikat kepada mana-mana hukuman atau perintahnya yang dijatuhkan oleh satu-satu Mahkamah tiada mengikut hukuman atau perintah itu di dalam masa yang berpatutan Mahkamah itu bolehlah dengan permintaan siapa-siapa yang ada hak atau mendapat faedah di atas hukuman atau perintah itu, ataupun dengan kehendak Mahkamah itu sendiri menghantar satu salinan hukuman dan perintahnya itu disahkan kepada mana-mana Mahkamah Majistret yang berkuasa di tempat itu bersama-sama dengan satu permintaan iaitu hukuman atau perintahnya bolehlah dijalankan. Maka tertanggunglah di atas Mahkamah Majistret menjalankan hukuman atau perintahnya itu dan menggunakan apa-apa kuasa di atas perkara yang demikian termasuklah kuasa menangkap dan menahan dan mengeluarkan saman orang yang berhutang (Judgement debtor summon) seperti serupa jika sekiranya hukuman atau perintah itu dikeluarkannya sendiri.

Tetapi jika banyak wang yang akan dibayar di dalam hukum atau perintah itu atau harga benda yang menjadi perkara itu lebih

daripada RM500.00, mana-mana yang tersebut di atas ini tadi perkataan 'Mahkamah Majistret' diganti dengan 'Mahkamah Sessions' dan perkataan 'Majistret' digantikan 'Yang Dipertua'.

(2) Mahkamah Kadi Besar hendaklah mempunyai kuasa berkenaan menjalankan hukuman atau perintahnya sendiri seperti kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang dipunyai oleh Majistret berkenaan dengan menjalankan hukuman atau perintahnya Mahkamah Majistret itu sendiri mengikut perintah 21, 22 dan 24. Peraturan Mahkamah Rendah 1950 atau mana-mana peraturan yang serupa yang harus dikeluarkan kelak melainkan dan dikecualikan Mahkamah Kadi Besar tiada boleh menjalankan hukuman atau perintahnya di atas harta-harta yang tiada boleh dianjak. Kadi Besar hendaklah berkuasa melantik mana-mana seorang Pegawai Rendah membuat pekerjaan (Bailiff) tukang lelong.

(3) Mahkamah Kadi bolehlah bagi menggantikan perjalanan yang disebutkan di dalam Fasal ini pecahan (1) meminta Kadi Besar menjalankan hukuman atau perintahnya maka dengan itu Mahkamah Kadi Besar bolehlah menjalankan hukuman atau perintahnya itu dan menggunakan kuasa-kuasa yang berkaitan seperti yang diberikan kepada Mahkamah Majistret di dalam Fasal ini pecahan (1).

Keterangan yang diambil dahulu 87. Mahkamah itu bolehlah, jika pada fikirannya seseorang saksi di dalam mana-mana perbicaraan-perbicaraan tiada dapat memberi keterangan pada masa perbicaraan mengambil keterangan yang bertulis daripada saksi yang demikian itu dan keterangan yang demikian boleh dimasukkan di dalam perbicaraan kelak.

Tetapi pihak yang berlawanan hendaklah diberi peluang hadir dan menyoal saksi itu.

Membuat biadab di dalam Mahkamah 88. (1) Jika siapa-siapa membuat kelakuan yang biadab di dalam Mahkamah yang boleh mengganggu perjalanan Mahkamah itu, maka Mahkamah itu bolehlah menyuruh orang itu ditangkap oleh mana-mana Pegawai Polis atau Pegawai Mahkamah itu dan ditahan sampai Mahkamah itu ditutup pada hari itu baharulah dilepaskan ianya dengan tiada mengambil perhatian kepada perbicaraan itu.

(2) Jika siapa-siapa yang ditangkap mengikut pecahan (1) itu di atas ini ataupun membuat kelakuan biadab yang mengganggu kuasa Mahkamah itu. Mahkamah itu hendaklah merepotkan hal itu kepada Pendakwa Raya atau Timbalannya atau kepada Chief Police Officer.

Orang-orang miskin 89. Yang Dipertua atau siapa-siapa yang dikuasakannya di atas perkara itu bolehlah dengan bertulis membenarkan pada siapa-siapa membuat tuntutan. Penolakan atau meminta ulangbicara di dalam mana-mana perbicaraan sebagai orang miskin. Jika demikian belanja-belanja Mahkamah yang biasanya patut dibayar tiadalah payah dibayar oleh orang itu tetapi hendaklah bayaran itu disebutkan tiada payah dibayar.

90. (1) Tertakluk kepada Fasal 46 (1) (b) di dalam undang-undang ini mana-mana pihak di dalam satu-satu perbicaraan di dalam Mahkamah Kadi Besar atau Kadi bolehlah meminta ulangbicara di atas hukuman atau perintah Mahkamah itu kepada Jawatankuasa yang dijadikan di dalam Fasal 46 di dalam Undang-undang ini.

(2) Permintaan Ulangbicara itu hendaklah diserahkan kepada Mahkamah yang menjatuhkan hukuman atau perintah itu dengan menghantar satu notis Ulangbicara dialamatkan kepada Mahkamah itu dan membayar belanja yang ditentukan. Mahkamah itu hendaklah menghantar satu salinan notis itu kepada pihak yang sebelah dengan seberapa segeranya.

(3) Notis Ulangbicara tiada boleh diserahkan lewat daripada 14 hari lepas hukuman ataupun perintah dijatuhkan atau dikeluarkan. Tetapi jika permintaan diserahkan kepada Jawatankuasa Ulangbicara maka Jawatankuasa itu bolehlah jika difikirkannya patut di atas sebab yang munasabah dan mendatangkan keadilan memberi kebenaran membuat permintaan Ulangbicara di dalam masa yang dipanjangkan itu lepas daripada masa 14 hari berapa lama yang difikirkan patut.

(4) Apabila diterima notis Ulangbicara Ketua Mahkamah itu hendaklah membuat dan menandatangani alasan hukumannya dan hendaklah dihantar kepada yang meminta Ulangbicara apabila dibayar bayaran yang ditetapkan. Satu salinan peringatan perbicaraan dan salinan surat-surat yang lain yang dikehendaki

oleh yang meminta Ulangbicara bagi membolehkan dia membuat buku peringatan.

- (5) Apabila surat-surat yang disebutkan di dalam pecahan di atas ini tadi sudah siap Mahkamah hendaklah memberi notis kepada yang meminta Ulangbicara dan di dalam 21 hari selepas daripada menerima notis itu yang meminta Ulangbicara hendaklah menyerahkan salinan-salinan buku peringatan Ulangbicara yang cukup. Empat salinan buku peringatan Ulangbicara itu hendaklah dihantar kepada Yang Dipertua dan satu salinan kepada seseorang pihak yang sebelah. Buku peringatan itu hendaklah mengandungi satu permintaan Ulangbicara dialamatkan kepada Jawatankuasa Ulangbicara menyatakan alasan-alasan bantahan yang dikemukakan di atas hukuman atau perintah yang dikehendaki Ulangbicara itu. Satu salinan penyata tuntutan (Plaint) satu salinan surat penolakan (Defence) satu salinan perintahan sementara. Satu salinan peringatan bicara. Selain salinan semuanya benda yang ditunjukkan kepada Mahkamah atau surat-surat satu salinan hukuman dan perintahan satu salinan notis Ulangbicara dan faharasat. Jika buku peringatan Ulangbicara itu tiada betul atau diserahkan lepas daripada masa yang dihadkan atau jika salah seorang daripada pihak sebelah belum mendapatnya. Mahkamah itu hendaklah memberitahu Yang Dipertua perkara-perkara itu.

- (6) Pihak yang sebelah bolehlah memberi notis kepada Mahkamah itu dan juga kepada pihak sebelahnya menyatakan hukuman atau perintah yang hendak di Ulangbicara itu patut diubah dan notis itu hendaklah menjadi Ulangbicara yang berlawanan.

- (7) Mahkamah itu boleh dengan fikirannya sendiri memberi perintah menangguhkan menjalankan hukuman atau perintah sebelum perbincangan Ulangbicara.

Perbicaraan Ulangbicara 91. (1) Apabila menerima buku peringatan Ulangbicara yang dibuat mengikut Fasal di atas tadi di dalam Undang-undang ini Yang Dipertua hendaklah mengangkat satu Jawatankuasa Ulangbicara membicarakan Ulangbicara itu.

- (2) Jawatankuasa Ulangbicara itu hendaklah ditetapkan satu hari bagi mendengar Ulangbicara itu dan hendaklah memberitahu pihak-

pihak yang mengambil bahagian di dalam Ulangbicara itu, haribulan, tempat Ulangbicara akan dijalankan.

- (3) Pada hari yang ditetapkan atau pada mana-mana hari jika Ulangbicara ditangguhkan oleh Jawatankuasa Ulangbicara hendaklah mendengar hujah-hujah daripada kedua-dua pihak dan mengambil perhatian kepada mana tempat di dalam buku peringatan Ulangbicara dan lepas itu hendaklah mengeluarkan perintah mengikut Fasal 46(4) (b) Undang-undang ini seperti yang difikirkan berpatutan.

Salah Peraturan 92. Ulangbicara tiada boleh disahkan atau dibenarkan atau bicara semula tiada boleh diperintahkannya oleh sebab salah peraturan atau salah menerima atau menolak keterangan-keterangan melainkan keadilan tidak dijalankan.

Perkara-perkara yang tidak disebutkan 93. Di dalam perkara perbuatan dan peraturan di atas perkara bicara Mal yang tidak disebutkan di dalam Undang-undang ini Mahkamah itu boleh membuat apa-apa peraturan yang saksama yang boleh menolakan tiada adil dan menyelesaikan perkara-perkara yang bersabit di antara kedua-dua pihak dan bolehlah bagi amnya sekiranya tiada berlanggar dengan apa-apa yang tersebut di atas tadi mengikut perbuatan dan peraturan Mahkamah Awam Rendah yang berjalan pada masa itu.

BAHAGIAN YANG KEEMPAT

HAL EHWAL WANG AMANAH

Mengadakan Baitulmal 94. (1) Satu kumpulan Wang yang dinamakan Baitulmal hendaklah diadakan. Kumpulan Wang itu hendaklah mengandungi wang tunai dan harta yang boleh dianjak atau tidak iaitu mengikut Undang-undang Islam atau mengikut Undang-undang ini atau peraturan-peraturan yang dibuat mengikut Undang-undang ini menambah ataupun didermakan oleh siapa-siapa kepada Kumpulan Wang itu.

(2) Semuanya wang dan harta di dalam Kumpulan Wang itu hendaklah terserah kepada Majlis yang akan mentadbirkan wang-wang itu dan harta mengikut peraturan yang dibuat di bawah Undang-undang ini.

Tetapi wang-wang simpanan harta-harta dan wang-wang yang terpulang kepada milik Majlis bolehlah dijual, didapati atau dipindah yang dibenarkan mana-mana Undang-undang yang berjalan kuatkuasanya pada masa itu ataupun harta-harta yang tiada boleh dianjak di dalam Negeri Selangor.

- (3) Tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam Undang-undang ini Majlis dengan kebenaran DYMM Sultan bolehlah membuat peraturan bagi mengumpul, mentadbir dan memberikan segala harta kumpulan wang itu.

Investment in immovable property. (Sel. Enak. 3/78)

94. With the approval of His Highness the Sultan in Council, the Majlis may:-
- purchase, exchange, lease and hold land buildings and other immovable property;
 - building houses, flats, tenements, shops, shophouses or any other building;
 - Sell land, houses, flats, tenements, shops, shophouses or any other building.

Wakaf dan Nazar

95. Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung di dalam mana-mana surat atau akuan-akuan membuat, mentadbirkan atau menguasainya, Majlis hendaklah menjadi Nadzir yang tunggal di dalam segala harta wakaf baik wakaf am atau wakaf khas ataupun nadzar am dan juga segala harta amanah daripada apa, rupa dan jenis menjadi khairat bagi menyokong mengelokkan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Undang-undang Islam hingga harta-harta yang berkaitan dengannya sahaja dan yang ada di dalam Negeri Selangor. Jika orang yang berwakaf atau bernadzar atau berkhairat telah bermastautin di dalam Negeri Selangor hingga kesemua harta yang berkaitan dengannya di mana-mana juga tempatnya.

Serahan

96. (1) Semua harta yang tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam Fasal di atas ini tadi jika bertempat di dalam Negeri Selangor terserahlah kepada Majlis dengan tiada payah surat pindah milik. Serah atau tukarkan melainkan harta yang tiada boleh dipindah lepas didaftarkan di dalam Undang-undang Land Code bagi wakil amanah wakaf atau nadzar am yang bersangkutan.

- (2) Majlis hendaklah mengambil langkah dengan menjalankan yang patut mengambil serahan harta-harta yang demikian yang ada di dalam Negeri lain daripada Selangor.

Had-had bagi membuat derma

97. (1) Baik dengan jalan surat wasiat atau tidak sesiapa pun tidak boleh mewakafkan atau bernadzarkan hartanya lebih satu pertiga (1/3) daripada segala hartanya. Jika dibuatnya juga lebih daripada satu pertiga itu tidaklah sah.
- (2) Tiap-tiap wakaf khas atau nadzar yang dibuat lepas berjalan Undang-undang ini tiada sah dan tiada boleh dipakai melainkan:-
- DYMM Sultan di dalam Mesyuarat Kerajaan hendaklah membenarkan dan mengesahkan perbuatan itu; atau
 - Perkara itu telah dibuat oleh yang berwakaf atau bernadzar masa dia sedang sakit teruk dan telah mati oleh sebab penyakit itu dan wakaf atau nadzar itu dibuat dengan bertulis serta ditandatangani di hadapan dua orang Islam yang baligh dan yang tinggal di dalam kampung itu juga.
- (3) Fasal ini tidak hendak digunakan bagi mengesahkan surat wasiatnya wakaf atau nadzar yang tidak sah di dalam Undang-undang Agama Islam.

Pendapatan daripada wakaf dan nadzar

98. (1) Pendapatan daripada wakaf khas jika diterima oleh Majlis hendaklah digunakan mengikut apa-apa yang tersebut di dalam surat wakaf itu.
- (2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf yang lain dan nadzar am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada kumpulan wang.

Modal wakaf Nadzar Am

99. (1) Tertakluk kepada apa-apa yang terkandung di dalam pecahan (2) dan (3) di dalam Fasal ini harta modal dan harta-harta yang berkenaan dengan wakaf dan nadzar am yang sah tiada boleh menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang tetapi hendaklah digunakan bagi memanjangkan wakaf atau nadzar am itu dan disimpan di dalam kira-kira yang berasingan.
- (2) Jika oleh sebab lamanya atau perubahan masa tiada menjadi

faedah perjalanan mengikut apa yang terkandung di dalam surat wakaf atau nadzar am. Majlis hendaklah membuat satu cadangan bagi menggunakan harta dan lain milik bagi yang berkenaan dengannya jalan yang lain yang akan serupa jika dibandingkan dengan yang dimaksudkan di dalam syarat-syarat surat wakaf atau nadzar am itu dan hendaklah menggunakan wakaf atau nadzar am itu demikian.

Tetapi Majlis bolehlah dengan persetujuan DYMM Sultan yang bertulis perintahkan iaitu dan harta-harta yang lain hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian Kumpulan Wang.

- (3) Jika syarat-syarat bagi mana wakaf atau nadzar am tidak mengatitkan dengan terangnya bagaimana dengan menggunakan harta modal dan harta-harta yang lain yang berkenaan dengannya ataupun tiada tentu bagaimana menggunakan harta yang demikian maka bolehlah Majlis memerintahkan harta modal dan harta yang lain itu hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian Kumpulan Wang.
- (4) Segala surat-surat menjadikan atau menerangkan atau mengenai mana-mana wakaf atau nadzar am bersama-sama dengan man surat tanda milik atau surat akuan yang berkaitan dengannya hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

Membuat Surat-surat

100. Jika pada fikiran Majlis makna dan tujuannya di atas surat wakaf atau nadzar am atau akuan menjadikan atau mengenai mana-mana wakaf atau nadzar am tidak terang dan tiada tentu. Majlis boleh memulangkan kepada Jawatankuasa Agama bagi fikirannya di atas makna dan tujuannya dan hendaklah mengikut fikiran yang diberi oleh Jawatankuasa atau bilangan yang ramai daripadanya melainkan DYMM Sultan memerintahkan yang lain daripada itu.

KIRA-KIRA

Report Tahunan (Sel. Enak. 3/79)

101. Majlis hendaklah menyuruh simpan kira-kira Kumpulan Wang itu yang penuh dan betul dan hendaklah seberapa segera lepas akhir Zulhijjah pada tiap-tiap tahun Islam dan dikeluarkan dan diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan satu report atau penyata di atas perjalanan Majlis di dalam tahun yang lalu bersama-sama dengan timbangan kira-kira

Kumpulan Wang itu pada akhir Zulhijjah. Kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu. Dan juga daftar harta-harta dan wang-wang simpanan bagi Kumpulan Wang itu serta menunjukkan harga belian jika diberi dan harga diagakkan pada akhir Zulhijjah.

ZAKAT DAN FITRAH

Kuasa Majlis

102. Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah menjadi kewajipan kepada Majlis memungut zakat dan fitrah yang wajib dibayar oleh orang-orang dan membahagikannya mengikut Undang-undang Agama Islam dengan peraturan yang dibuatnya bagi pihak dan dengan kebenaran DYMM Sultan. Dan tertakluk kepada apa-apa yang tersebut di dalam Undang-undang ini.

Peraturan

103. (1) Majlis dengan persetujuan DYMM Sultan bolehlah membuat peraturan dan mengatitkan segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal memungut, mentadbirkan dan memberikan zakat dan fitrah.
 - (2) Dengan tidak memasukkan maksud am yang tersebut di atas itu Majlis dengan persetujuan DYMM Sultan boleh membuat peraturan:-
 - (a) Menentukan daripada satu masa kepada satu masa banyaknya zakat dan fitrah yang hendak dibayar oleh orang-orang Islam di dalam Negeri Selangor.
 - (b) Menentukan bagaimana zakat dan fitrah hendak dituntut;
 - (c) Bagi melantik wakil yang akan memungut zakat dan fitrah; dan
 - (d) Menentukan denda-denda bagi siapa-siapa yang memungut atau membayar zakat dan fitrah yang tiada mendapat kuasa daripada Majlis.

Timbangan semula

104. Siapa-siapa boleh membuat bangkangan kepada Majlis di atas tuntutan bayaran zakat dan fitrah. Majlis hendaklah menimbang bangkangan itu dan boleh memerintahkan iaitu orang itu hendaklah membayar banyak zakat dan fitrah yang dituntut atasnya. Ataupun dikurang

banyak tuntutan itu sebagaimana yang difikirkan betul dan patut atau dikeluarkan perintah iaitu orang itu dibebaskan daripada membayar zakat dan fitrah atau kedua-duanya di dalam mana-mana tahun atau beberapa tahun. Keputusan Majlis di atas bangkangan itu tidak boleh sekali-kali jadi soalan di dalam mana-mana Mahkamah.

PUNGUTAN KHAIRAT

*Pungutan
Khairat*

105. (1) Majlis bolehlah memungut atau boleh mengeluarkan surat kebenaran kepada siapa-siapa atau kumpulan orang-orang menguasai orang atau orang-orang itu memungut wang atau apa-apa pemberian kerana khairat bagi menyokong dan menggalakkan Agama Islam mengikut Undang-undang Agama Islam dan bolehlah juga dengan surat kebenaran (Licence) yang demikian itu menentukan syarat-syarat yang difikirkannya patut.
- (2) Hendaklah dipandang seperti satu syarat yang tertentu tiap-tiap surat kebenaran (Licence) iaitu orang yang mendapat kebenaran memungut wang atau apa-apa pemberian yang lain mengikut yang dicontohkan yang bertertib nombornya:-
- (a) Mengeluarkan resit di atas tiap-tiap wang yang dipungut;
 - (b) Menyimpan kira-kira yang betul lagi penuh di atas wang yang dipungut dan yang dikeluarkan dengan disokong oleh boucer;
 - (c) Menunjukkan segala potongan resit kira-kira dan baucer-baucer bagi disiasat dan diperiksa oleh Majlis bila-bila dikehendaki;
 - (d) Digunakan dan dikeluarkan semua wang yang telah dipungut mengikut syarat-syarat surat kebenaran dan jika tiada peraturan bagaimana menggunakan wang itu yang telah disyaratkan membayar dengan jelas segera wang itu kepada Majlis.
- (3) Wang yang dipungut mengikut Fasal ini bolehlah digunakan bagi yang tertentu jika diperintahkan oleh Majlis demikian tetapi jika tiada perintah yang demikian itu hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian Kumpulan Wang.

- (4) Seorompokun tiada boleh membuat pungutan atau mengambil bahagian di dalam pungutan wang bagi penggunaan yang telah disebutkan melainkan dengan kebenaran daripada Majlis atau dengan adanya surat kebenaran dan menjalankan maksud-maksud surat kebenaran yang demikian itu.

BAHAGIAN YANG KELIMA

MASJID-MASJID

*Majlis menjadi
wakil amanah*

106. Dengan tiada menghiraukan apa-apa yang ditentukan di dalam surat kuasa yang tertulis Majlis hendaklah menjadi wakil amanah semua hartanya yang tiada boleh diubah di mana-mana masjid itu terdiri atau yang dipunyainya dan digunakan bagi masjid itu yang lain daripada tanah Kerajaan atau tanah yang disimpan khas bagi faedah umum. Hendaklah apabila sudah didaftarkan mengikut Undang-undang Tanah (Land Code) dan dengan tiada payah dengan surat tukar milik beri dan tukar terserah kepada Majlis mengikut tujuan Undang-undang itu.

Membuat Masjid

107. (1) Seorompokun tiada boleh mendirikan masjid atau menjadikan atau menggunakan mana-mana rumah bagi atau seperti masjid dengan tiada mendapat kebenaran yang bertulis daripada Majlis.
- (2) Kebenaran yang demikian tiada boleh diberi melainkan tapak masjid yang akan dicadangkan itu atau sebelum dibina atau diberikan dijadikan wakaf.

*Membaiki
Kawasannya*

108. (1) Tertanggunglah kepada Majlis bagi menentukan iaitu segala masjid di dalam Negeri ini dijaga dengan betul dan baik dan kawasan masjid itu hendaklah dijagai di dalam keadaan bersih. Majlis bolehlah memungut wang dan menggunakan atau menguasai pungutan dan menggunakan wang khas bagi membaiki dan belanja menjaga kebersihan kawasan masjid atau membayar belanja membaiki masjid dan kawasannya daripada Kumpulan Wang.
- (2) Tertanggunglah kepada Imam Masjid memberitahu dengan segeranya bagi membaiki masjid dan membaiki sendiri atau menjaga pekerjaan membaiki masjid bagi wakil dan atau pihak Majlis.

- (3) Rupa bangunan masjid-masjid tiada boleh diubah dengan tiada kebenaran yang bertulis daripada Majlis dan Majlis bolehlah memerintahkan mana-mana Jawatankuasa Masjid menjaga masjid yang di dalam jagaannya di dalam keadaan yang baik.

*Sempadan
Kariah*

109. Majlis hendaklah berkuasa pada bila-bila masa bagi menentukan sempadan-sempadan kariah masjid mengubah dan mengalih sempadan-sempadan itu. Jika berbangkit perbalahan di atas sempadan-sempadan masjid perkara itu hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Agama bagi fikirannya.

Daftar Pegawai

110. Majlis hendaklah menyimpan satu daftar pegawai-pegawai masjid bagi tiap-tiap masjid hendaklah menjadi tanggungan kepada tiap-tiap pegawai masjid dengan seberapa segeranya memberitahu Majlis di atas apa-apa jawatan yang kosong dan perubahan yang berkenaan dengan masjid itu.

Melantik

Pegawai Masjid

111. (1) Tertanggunglah kepada Jawatankuasa Agama apabila tahu iaitu satu jawatan pegawai masjid di dalam Negeri ini sudah kosong atau akan kosong menyiasat siapa-siapa orang yang layak bagi jawatan itu dan lepas diperiksa di atas kelayakannya dua atau lebih daripada orang-orang itu hendaklah dicadangkan bagi pilihan ramai.
- (2) Pilihan itu hendaklah diadakan di dalam kariah bagi semua orang Islam yang sudah cukup umur lazimnya bermastautin di dalam kariah itu. Orang-orang itu berkuasa membuang undinya. Orang-orang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Agama sahaja yang boleh masuk.
- (3) Majlis apabila puas hati iaitu satu calon sudah dipilih dengan jalan yang disebutkan tadi hendaklah menyembahkan namanya kepada DYMM Sultan dengan sokongan iaitu orang itu dilantik memenuhi jawatan yang kosong itu.
- (4) DYMM Sultan boleh melantik sesiapa sahaja yang layak dan patut menjadi seorang pegawai masjid bagi mana-mana masjid.
- (5) Tiap-tiap orang yang telah dilantik menjadi seorang pegawai masjid hendaklah diberi tauliah dengan cap mohor DYMM Sultan.

*Memberhentikan
pegawai*

112. (1) Tiap-tiap pegawai masjid hendaklah memegang jawatannya selagi disukai oleh DYMM Sultan dan boleh juga diberhentikan oleh DYMM Sultan di atas apa-apa fasal yang munasabah.

- (2) Tertanggunglah kepada Majlis menyembahkan kepada DYMM Sultan apa-apa kelakuan yang aib yang dilakukan oleh mana-mana pegawai masjid baik bagi membuat pekerjaannya atau lain-lain hal dan menyembahkan cadangannya.

*Kuasa dan
Tanggungannya*

113. (1) Pegawai masjid mana-mana masjid hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang terkandung di dalam tauliahnya.

“Pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan atau sebarang kewajipan yang tersebut di dalam ini. Pegawai Masjid itu hendaklah dipandang menjadi kakitangan Kerajaan iaitu mengikut kandungan makna Undang-undang Penal Code”

- (2) Dengan syarat dipersetujukan oleh DYMM Sultan Majlis itu bolehlah membuat peraturan-peraturan bagi:

- (a) Melantik suatu Jawatankuasa Kariah;
- (b) Menentukan peraturan bagaimana ahli-ahli Jawatankuasa Kariah itu boleh dilantik; dan
- (c) Menentukan kewajipan-kewajipan dan pekerjaan-pekerjaan Jawatankuasa Kariah.

- (3) Jawatankuasa bersama dengan pegawai masjid tempatan hendaklah:

- (a) Bertanggungjawab di atas baik perjalanan masjid dan segala tanah perkuburan yang di dalam kariahnya;
- (b) Bertanggungjawab di atas kelakuan anak buah masjidnya berkenaan dengan Agama Islam; dan
- (c) Memberitahu dengan segeranya kepada Majlis segala perkara-perkara yang terjadi di dalam kariah itu dan yang patut diketahui oleh Majlis.

**BAHAGIAN YANG KEENAM
KAHWIN DAN CERAI**

Berkenaan 114. Adalah bahagian ini hendaklah dijalankan di atas orang-orang yang beragama Islam.

Lantikan kerana mengakadkan nikah dan mendaftarkan nikah dan cerai 115. DYMM Sultan boleh melantik mereka-mereka bagi menikahkan orang-orang Islam dan bagi melantik siapa-siapa menjadi pegawai mendaftarkan nikah dan cerai di dalam sesuatu tempat yang telah ditetapkan di dalam surat kuasanya.

Mengakadkan dan mendaftarkan nikah 116. (1) Nikah-nikah hendaklah diakadkan mengikut Undang-undang Islam dan adat Istiadat Melayu oleh mereka-mereka yang telah mendapat tauliah daripada DYMM Sultan.

Jika wali perempuan hendak nikah itu ada hadir maka berkuasalah wali itu mengakadkan nikah itu di hadapan dan dengan kebenaran Imam.

(2) Jika nikah itu diakadkan oleh wali maka hendaklah ia bersama-sama dengan dua orang saksi di dalam tempoh 7 hari daripada tarikh nikah itu memberi kenyataan keadaan nikah itu kepada Pendaftaran di dalam kariah itu yang nikah itu telah diakadkan dan hendaklah membayar belanja pendaftaran itu. Bila Pendaftaran telah menerima kenyataan hal-hal nikah itu hendaklah dimasukkan ke dalam buku daftar yang telah disediakan dan hendaklah mengeluarkan satu surat keterangan nikah.

(3) Siapa-siapa yang telah dilantik di bawah Fasal 120 dalam Undang-undang ini mengakadkan nikah dengan kehendak wali si perempuan yang hendak dinikahkan itu bolehlah mengakadkan pekerjaan nikah itu.

Tetapi sebelum mengakadkan nikah itu hendaklah ia menyiasat dengan cukup supaya puas hatinya iaitu tiada sesuatu perkara yang menghalang mengikut Undang-undang Islam dan Adat Melayu kerana nikah itu dan tiadalah boleh ia menyempurnakan pekerjaan nikah itu sehingga dia telah puas hati. Bagi menyiasat hal yang tersebut maka bolehlah ia menyuruh siapa-siapa juga orang yang beragama Islam hadir di hadapannya serta memberi keterangan atau menunjukkan surat-surat yang ada padanya.

(4) Jika perempuan yang hendak nikah itu tiada berwali atau jika ada wali tetapi tiada membenarkan nikah itu dengan tiada sebab-sebab yang munasabah. Maka nikah itu bolehlah diakadkan oleh pendaftar di kariah perempuan yang dinikahkan itu diam tetapi sebelum mengakadkan nikah itu, maka Pendaftar hendaklah menjalankan siasatan sebagaimana yang tersebut di dalam pecahan (3) di dalam Fasal ini dan jika wali tiada mahu membenarkan perkahwinan itu maka bolehlah juga mendapat kebenaran daripada DYMM Sultan. Kerana menyiasat di bawah Fasal ini Pendaftar bolehlah menggunakan semua kuasa pecahan (3) Fasal ini.

(5) Pada masa mengakad nikah selain daripada nikah yang telah diakadkan oleh wali atau seorang pegawai pendaftar mereka yang mengakadkan nikah itu hendaklah menuliskan hal-hal nikah itu ke dalam buku daftar yang telah sedia itu dan hendaklah di dalam tempoh 7 hari daripada tarikh nikah itu menghantar hal-hal nikah itu kepada Pendaftar di dalam kariah nikah itu diakadkan. Pendaftar bila menerima bayaran pendaftaran yang ditentukan itu hendaklah menuliskan hal-hal itu ke dalam buku daftar yang disediakan olehnya dan hendaklah mengeluarkan surat keterangan nikah itu. Satu kepada suami dan satu kepada isteri.

Nikah janda

117. Jika perempuan yang hendak nikah itu janda:-

(a) Tidaklah boleh ia nikah kepada laki-laki yang lain daripada suaminya yang telah menceraikan dia dahulu pada bila-bila masa sebelum habis iddah yang dikira mengikut Undang-undang Islam; atau

(b) Tidak boleh ianya nikah melainkan terlebih dahulu hendaklah ia menunjukkan:-

(1) Suatu surat keterangan mati suaminya yang dahulu; atau

(2) Surat-surat keterangan cerai yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang yang berjalan kuatkuasanya; atau

(3) Satu salinan yang telah disahkan daripada buku daftar cerai; atau

(4) Satu surat keterangan jika dipintanya lepas daripada siasatan yang halus oleh Kadi yang berkuasa di tempat si perempuan itu tinggal mengatakan ianya seorang janda.

- (c) Jikalau perempuan itu telah diceraikan sebelum dahul maka tiadalah boleh ia berkahwin lain daripada suami yang mula-mula di dalam masa seumpama cerai yang beriddah melainkan dengan kebenaran Kadi di tempat perempuan itu tinggal;
- (d) Jikalau cerai itu talak tiga tidaklah boleh perempuan itu berbalik (nikah) dengan suaminya yang asal melainkan perempuan itu hendaklah nikah dengan lelaki yang lain terlebih dahulu dan bersetubuh dengan suaminya itu dan sah bercerai pula dengan suaminya itu.

Tempat nikah 118. (1) Tiap-tiap nikah hendaklah diadakan di dalam kariah Masjid di mana tempat perempuan itu biasa diam.

Jikalau Pendaftar Kariah itu telah puas hati bolehlah ia membenarkan nikah itu di mana-mana jua.

- (2) Tiap-tiap nikah hendaklah didaftarkan dan bayarannya hendaklah dibayar di mana nikah itu berlaku.

Pertunangan 119. (1) Jikalau seseorang membuat perjanjian tunangan dengan percakapan atau tulisan atau dengan sendirinya atau melalui seorang wakil mengikut undang-undang Islam dan telah ingkar daripada perjanjiannya dengan tiada sebab yang munasabah daripada berkahwin dengan perempuan itu pada hal pihak perempuan suka menyempurnakannya. Pihak yang membuat kesalahan itu hendaklah membayar kepada si perempuan wang sebanyak mana yang ditetapkan di dalam perjanjian dahulu kerana ingkar daripada perjanjiannya dan jika laki-laki hendaklah membayar kerugiannya sebanyak maskahwin serta dengan wang yang telah dibelanjakan untuk persiapan perkahwinan itu, atau jikalau pihak perempuan ingkar hendaklah mengembalikan segala pemberian si laki-laki jika ada dan lain-lain kerugian boleh dituntut di dalam Mahkamah.

Maskahwin dan pemberian 120. (1) Maskahwin biasanya dibayar oleh si laki-laki atau wakilnya kepada si perempuan yang akan menjadi isterinya ataupun kepada

wakil si perempuan itu di hadapan Pendaftar dan sekurang-kurangnya dua orang saksi.

- (2) Pendaftar hendaklah menuliskan tiap-tiap nikah itu ke dalam Buku Daftarnya:

(a) Banyak Maskawin;

(b) Banyak pemberian; jika ada;

(c) Banyak maskawin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak dibayar pada waktu akad nikah; dan

(d) Cadangan yang telah diberi kerana bayaran maskawin atau pemberian.

Mendaftarkan cerai

121. Di dalam tempoh 7 hari daripada tarikh cerai itu si suami hendaklah memberitahu hal cerai itu kepada Pendaftar di mana tempat cerai itu berlaku. Pendaftar bila menerima bayaran itu hendaklah menuliskan hal-hal cerai ke dalam buku daftarnya yang sedia ada dan hendaklah mengeluarkan surat keterangan cerai yang tersebut satu untuk suami dan satu untuk isteri dengan tidak kena bayaran. Jikalau surat cerai boleh dirujuk maka tiadalah payah dikeluarkan surat cerai kepada perempuan hingga sampai habis iddah iaitu pada masa cerai itu boleh dirujuk.

122. (1) Di dalam masa 7 hari daripada dirujuk cerai itu si laki-laki hendaklah memberitahu rujuk itu kepada Pendaftar yang telah mendaftarkan cerai itu dan juga hendaklah menunjukkan kepada Pegawai Pendaftar surat keterangan cerai yang telah diberikan kepadanya di bawah Fasal 126 dalam Undang-undang ini.

(2) Pendaftar hendaklah menyiasat supaya puas hati yang cerai itu telah dirujuk mengikut Undang-undang. Dalam tiap-tiap perkara yang mana rujuk itu berlaku lepas daripada tempoh sebulan daripada tarikh cerai itu. Penyiasatan hendaklah dijalankan kepada kedua-dua mereka iaitu suami dan isteri.

(3) Jikalau Pendaftar telah puas hati yang cerai itu telah dirujuk mengikut Undang-undang bolehlah ia membuat peringatan bila

ia telah menerima bayaran daftar rujuk yang tersebut di dalam daftar cerai dan di dalam surat keterangan cerai.

- (4) Di dalam Fasal ini membatalkan cerai maknanya di dalam Undang-undang Islam 'Rujuk'.
 - (5) Di dalam perkara membatalkan cerai ini Pendaftar hendaklah membuat peringatan di dalam buku daftar cerai dan hendaklah memansuhkan surat keterangan cerai itu.
- Cerai Fasakh* 123. (1) Mana-mana Kadi yang berkuasa di dalam hal ini bolehlah menerima permintaan daripada perempuan yang telah berkahwin kerana bercerai yang dikatakan dalam Undang-undang Islam 'Fasakh' atau cerai ta'lik.
- (2) Apabila menerima permintaan yang demikian maka Kadi itu hendaklah menyuruh menghantar notis kepada suami si perempuan itu.
 - (3) Jikalau dibuat di hadapan Kadi dengan sumpah mengatakan si suami itu tiada ada dalam Negeri ini oleh kerana itu tiada dapat disampaikan surat memberitahu itu kepadanya. Tuan Kadi bolehlah memberi perintah surat panggilan itu diberikan kepada saudaranya yang ikrab atau jika sekiranya diketahui tiada ada saudaranya dalam Negeri ini yang boleh diberikan surat panggilan itu tiada payahlah dihantar notis.
 - (4) Jikalau pada masa dibicarakan suami si perempuan itu ada hadir maka keterangan menghantar surat panggilan hendaklah dibuat dengan bersumpah melainkan Kadi itu memerintahkan tiada payah dikeluarkan surat panggilan.
 - (5) Maka Kadi hendaklah lepas daripada itu memasukkan perkara itu di dalam buku yang telah disimpannya untuk kegunaan yang demikian keterangan dengan bersumpah daripada perempuan itu serta dengan sekurang-kurangnya dua orang saksi membuat demikian juga dan kemudian itu bolehlah jika ia telah puas hati iaitu lulus di dalam Undang-undang Islam Kadi itu membuat perintah atau hukuman yang sah pada Undang-undang.
 - (6) Kadi yang mengeluarkan perintah atau hukuman di bawah Fasal

ini apabila menerima bayaran hendaklah memasukkan hal-hal dan jenis cerai di dalam buku daftar yang disimpannya bagi perkara ini dan hendaklah mengeluarkan satu surat keterangan cerai, satu untuk suami dan satu untuk isteri dengan tiadalah payah surat keterangan cerai itu diberikan kepada isteri itu hingga habis iddah di dalam masa cerai itu boleh dirujuk menurut undang-undang.

- (7) Buku daftar itu hendaklah ditandatangani oleh Kadi, si perempuan yang telah menerima perintah atau hukuman dan semua saksi-saksi yang telah memberi keterangan kepada Kadi.

Ulangbicara 125. (1) Siapa-siapa tiada puas hati di atas perintah di bawah Fasal 128 (6) dalam Undang-undang ini bolehlah meminta Ulangbicara kepada Pengarah (Subst. Sel. Enak.11/72).

(2) Apabila menerima permintaan Ulangbicara yang demikian Pengarah hendaklah menyerahkan kepada suatu Jawatankuasa Ulangbicara yang dilantiknya menurut kehendak Fasal 46 dalam Undang-undang ini.

(3) Maka Jawatankuasa Ulangbicara itu hendaklah menyiasat perintah Kadi itu mengikut peraturan yang sesuai kepadanya dan hendaklah ada seorang menetapkan atau memansuhkan perintah Kadi itu.

Pemberian 126. (1) Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh kepada isteri meminta kepada Kadi kerana pemberian saguhati atau mut'ah yang telah diceraikan dan Kadi itu lepas daripada mendengar kedua-dua pihak bolehlah memerintahkan pembayaran yang berpatutan mengikut Undang-undang Islam.

Memeriksa buku- 127. Daftar-daftar kahwin dan cerai di bawah Undang-undang ini hendaklah *buku daftar dan* pada bila-bila masa terbuka kepada siapa-siapa yang meminta *cabutan daripada* kebenaran hendak melihatnya kepada Pendaftar atau pegawai yang *daftar itu* menyimpan buku-buku daftar itu yang berkehendakkan salinan yang sebenar atau memberi cabutan daripada daftar-daftar itu apa-apa surat keterangan atau potongan surat atau lain-lain surat apabila dibayar bayaran yang ditetapkan.

Keterangan 128. Daftar-daftar dan tiap-tiap salinan atau cabutan yang disahkan dan

diakui oleh Pendaftar atau Pegawai yang menjaganya iaitu salinan yang benar daripada daftar-daftar itu atupun surat-surat keterangan yang dikeluarkan oleh seseorang Pendaftar menurut Fasal 121 (5), 126 dan 128 (6) dalam Undang-undang ini hendaklah diterima menjadi keterangan di dalam semua Mahkamah-mahkamah dan perbicaraan-perbicaraan dalam Negeri ini iaitu hari-hari bulan dan apa-apa yang terkandung atau yang disebutkan di dalam daftar-daftar salinan-salinan cabutan atau surat-surat keterangan.

*Menyimpan
buku-buku daftar
dan buku-buku
peringatan*

129. (1) Tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyimpan dengan selamatnya satu buku daftar yang diserahkan di dalam jagaannya dan jikalau dia meninggalkan kariahnya atau berhenti daripada jawatannya hendaklah ia menyerahkan semua buku-buku peringatan yang disimpannya kepada Pengarah (Subst Sel. Enak. 3/79)

(2) Bila Pendaftar mati maka buku-buku daftar dan buku-buku peringatan hendaklah dengan serta-merta diserahkan kepada Pengarah.

(3) Apabila sahaja satu-satu daftar sudah penuh Pendaftar hendaklah menyerahkan kepada Pengarah supaya disimpannya dengan selamat.

Sangka mati

130. (1) Jikalau suami sebarang perempuan telah meninggal (mati) atau telah dipercayai dia telah mati atau beritanya pun tidak kedengaran beberapa lama oleh sebab keadaan yang demikian iaitu patutlah dia dipandang mengikut Undang-undang Islam seperti mati bagi membolehkan isterinya berkahwin lagi tetapi surat keterangan mati di bawah Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati F.M.S. Cap.190 tidak boleh didapati maka seorang Kadi bolehlah di atas permintaan si perempuan dan lepas daripada penyiasatan yang betul mengeluarkan mengikut Undang-undang Islam satu surat keterangan yang menyifatkan kematian suaminya itu lepas daripada itu si isteri itu bolehlah berkahwin lagi mengikut Undang-undang ini dan surat keterangan kematian si suami itu di dalam mana Fasal 122 (1) dalam Undang-undang ini.

(2) Mengikut sebagaimana yang telah tersebut seorang perempuan tiada boleh dibenarkan berkahwin lagi dengan tiada surat keterangan yang dikeluarkan di bawah pecahan (1) di dalam Fasal ini dengan tiada menghiraukan iaitu Mahkamah Tinggi telah memberi kebenaran penyiasatan kematian si suaminya.

*Pegawai
Pendaftar yang
dilantik di bawah
undang-undang
ini jadi kakitangan
Kerajaan*

(3) Surat keterangan yang telah dikeluarkan di bawah pecahan (1) di dalam Fasal ini hendaklah didaftarkan seperti cerai.

*Membetulkan
atau
membatalkan
daftar atau surat-
surat keterangan*

131. Tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Undang-undang ini hendaklah dipandang menjadi kakitangan Kerajaan di dalam makna Undang-undang Jenayah (Penal Code) dan bolehlah menerima sebarang sumpah pengakuan bagi dipakai di dalam Undang-undang ini.

132. (1) Jika nampaknya sebarang tulisan di dalam buku daftar yang disimpan atau sebarang surat-surat keterangan yang dikeluarkan di bawah Undang-undang ini telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-undang ini atau dikeluarkan mengikut mana yang didapati dengan silap atau mengandungi kesilapan yang patut dibetulkan maka berkuasalah Pengarah selepas daripada menerima keterangan daripada Jawatankuasa yang telah dilantiknya menyiasat perkara itu memerintahkan pada membatalkan atau membetulkan sebarang tulisan atau surat keterangan itu.

(2) Apabila menerima sebarang perintah Pendaftar yang membuat tulisan atau mengeluarkan surat keterangan yang tersebut atau orang yang menjalankan pekerjaan itu hendaklah dengan tulisan atau surat keterangan itu mengikut syarat-syarat perintah itu.

(3) Siapa-siapa yang telah menerima surat keterangan yang tersebut di atas itu hendaklah dengan serta-merta menyerahkan surat keterangan itu kepada Pendaftar yang mengeluarkannya atau kepada orang yang menjalankan pekerjaan di pejabat itu apabila menerima perintahan yang tertulis menyuruh ianya membuat demikian.

(4) Tidak boleh dikeluarkan perintahan di bawah Fasal ini yang meragukan sebarang orang melainkan ia telah diberi peluang membela dirinya samada dengan sendirinya atau dengan peguamnya di hadapan Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik menurut di bawah pecahan (1) Fasal ini.

(5) Kuasa-kuasa membetulkan atau membatalkan yang dikuasakan oleh Fasal ini termasuklah pada segala tulisan-tulisan yang dibuat atau surat-surat keterangan yang dikeluarkan sebelum berjalan kuatkuasa Undang-undang ini.

- (6) Pengarah atau mana-mana Pendaftar salah satu daripadanya hendaklah memberikan kepada Jawatankuasa yang dilantik di bawah pecahan (1) dalam Fasal ini mana-mana buku daftar yang dikehendaki oleh Jawatankuasa itu yang ada di dalam simpanannya.

*Majlis
Menentukan
Borang Daftar*

133. (1) Majlis hendaklah menetapkan borang-borang daftar yang hendak disimpan dan surat-surat keterangan yang dikeluarkan dan bayaran-bayaran yang hendak dibayar mengikut Fasal 121, 126 dan 128 dalam Undang-undang ini.
- (2) Segala bayaran yang diterima mengikut kehendak-kehendak di dalam bahagian ini dalam Undang-undang ini hendaklah digunakan mengikut perintah Pengarah.

BAHAGIAN YANG KETUJUH NAFKAH TANGGUNGAN

*Undang-undang
No. 36 Tahun
1950 tiada
mengenai*

134. (1) Undang-undang (nafkah) perempuan yang telah berkahwin dan kanak-kanak tahun 1950 tiada digunakan di dalam Negeri Selangor di atas sebarang tuntutan nafkah di antara seorang Islam dengan seorang Islam.
- (2) Bahagian ini di dalam Undang-undang ini hendaklah digunakan di atas tuntutan seorang dengan seorang Islam.

Isteri-isteri

135. (1) Seorang perempuan boleh dengan permintaannya di dalam Mahkamah Kadi mendapat satu permintaan di atas suaminya kerana bayaran daripada satu masa ke satu masa sebanyak mana wang berkenaan dengan nafkahnya yang patut mengikut Undang-undang Islam.
- (2) Seseorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh dengan permintaannya di Mahkamah Kadi mendapat permintaan di atas suaminya yang dahulu kerana bayaran di dalam Iddahnya. Jikalau cerai itu dengan talak satu atau dua ataupun di dalam tempoh perempuan itu mengandung dengan suaminya yang dahulu. Sebanyak mana nafkah yang patut diterimanya mengikut Undang-undang Islam.

*Kanak-kanak
Kecil Yang Halal*

136. (1) Seorang anak kecil di bawah umur lima belas tahun bolehlah dengan permintaan di dalam Mahkamah Kadi dibuat dengan sendirinya atau melalui wakil sebagaimana yang disebutkan di dalam Fasal 79 (2) dalam Undang-undang ini mendapat perintah di atas bapanya yang benar ataupun siapa-siapa orang lain yang patut menanggung anak itu mengikut Undang-undang Islam. Membayar dari satu masa ke satu masa belanja yang patut mengikut Undang-undang Islam.

- (2) Maka hendaklah memadai bagi menolak sebarang permintaan iaitu si peminta itu ada mempunyai harta yang cukup bagi menanggung dirinya.

*Orang yang uzur
dan berpenyakit*

137. (1) Siapa-siapa yang tiada dapat kerana keuzurannya atau berpenyakit, menanggung dirinya maka bolehlah dengan permintaan Mahkamah Kadi mendapat perintah di atas sebarang orang mengikut Undang-undang Islam yang wajib menanggungnya membayar daripada satu masa ke satu masa sebanyak mana nafkahnya yang sepatutnya.

- (2) Tiada upaya kerana kemiskinan hendaklah memadai jadi keterangan bagi pihak penjawab kepada sebarang permintaan.

Anak luar nikah

138. (1) Siapa-siapa tidak mengambil berat atau enggan daripada menanggung dirinya sendiri. Maka Mahkamah Kadi bila mendapat keterangan yang cukup bolehlah memerintahkan orang itu membayar belanja anaknya itu tiap-tiap bulan sebanyak mana yang patut difikirkan oleh Mahkamah. Jikalau tuntutan itu di atas Pak Sanggup (al-zani) hendaklah dibawa ke Mahkamah Majistret.

- (2) Maka belanja yang tersebut hendaklah dibayar daripada tarikh anak itu ditinggalkan atau daripada tarikh yang kemudiannya sebagaimana yang tersebut di dalam perintah itu.

*Mengubah dan
membatalkan
perintahan*

139. Sebarang perintah yang telah dibuat di bawah Fasal Undang-undang ini bolehlah dibatalkan atau diubah dengan permintaan siapa-siapa juga yang bersangkutan paut apabila didapati keterangan yang mengubah keadaannya.

*Menetapkan
hukuman*

140. Dengan tiada memandang kepada hak-hak siapa di atas sebarang perintah yang telah diperbuat di bawah Fasal ini di dalam Undang-undang ini iaitu hukuman daripada Mahkamah Majistret atau

Mahkamah Chief Kadi mengikut Fasal 86 dalam Undang-undang ini. Mahkamah yang telah memberi perintah itu bolehlah dengan tiada menghiraukan sebarang apa yang tersebut di dalam Undang-undang ini bagi menghadkan kuasa jenayahnya atau kuasa menyiksa jika dengan sengaja enggan menyempurnakan hukuman atau perintah. Menghukumkan orang itu di penjara selama jikalau perintah itu kerana bayaran bulanan satu minggu bagi perbelanjaan sebulan yang tidak dibayar atau bagi sebarang hal yang lain satu bulan.

BAHAGIAN YANG KEDELAPAN MASUK ISLAM

*Daftar Orang
Masuk Islam* 141. Majlis hendaklah mengadakan satu daftar untuk semua orang yang telah dimasukkan Agama Islam di dalam Negeri ini bersama-sama dengan kenyataan dia masuk Islam itu menurut yang disebutkan di dalam peraturan.

*Mengawal orang-
orang masuk
Islam* 142. Sesiapapun tiada boleh dimasukkan Agama Islam melainkan mengikut apa-apa yang terkandung di dalam Undang-undang ini atau sebarang peraturan yang telah diperbuat di bawah Undang-undang ini.

*Kanak-kanak
kecil tiada boleh
dimasukkan
Agama Islam* 143. Tiada boleh siapa-siapa yang belum cukup baligh dimasukkan ke Agama Islam.

*Kenyataan
memasukkan
Islam* 144. Sebarang orang Islam yang dimasukkan sebarang orang ke Agama Islam hendaklah dengan serta-merta memberi kenyataan kepada Majlis dengan keterangan-keterangan yang mustahak.

BAHAGIAN YANG KESEMBILAN KESALAHAN-KESALAHAN

(Kadar Baru Denda dan Hukuman Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Negeri Selangor Pindaan Oktober, 1983)

Permintaan 145. (1) Lain daripada yang telah disebutkan di dalam Undang-undang ini, bahagian ini hendaklah digunakan kepada orang yang beragama Islam sahaja.

(2) Lain daripada yang telah disebutkan di dalam Undang-undang ini sebarang kesalahan di bawah Undang-undang ini tiada boleh dibicarakan di dalam sebarang Mahkamah lain daripada Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi.

*Tidak
Sembahyang
Jumaat* 146. Sebarang laki-laki yang berumur lima belas tahun atau lebih tidak hadir ke masjid kerana sembahyang Jumaat tertakluk kepada apa-apa yang tersebut di bawah ini. Bolehlah dihukumkan denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau penjara dua bulan atau keduanya sekali bagi kesalahan pertama, lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara atau keduanya sekali bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Tetapi tiada menjadi kesalahan kepada siapa-siapa jika sebab dia tiada hadir itu kerana keuzuran yang dimaafkan oleh Undang-undang Islam.

Mabuk 147. Siapa-siapa juga di dalam mana-mana kedai atau lain-lain tempat keramaian membeli atau menjual atau meminum sebarang arak boleh dihukum dengan denda tiada lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali samada pada kesalahan pertama atau kesalahan seterusnya. Dosa besar.

Tetapi tidak menjadi kesalahan kepada siapa-siapa yang membeli atau menjual sebagai wakil orang-orang yang tidak beragama Islam.

*Menjual dan
membeli makan
dalam bulan
Ramadhan* 148. Siapa-siapa jua pada waktu siang hari di dalam bulan Ramadhan membeli kerana hendak dimakan dengan serta-merta atau menjual pada orang yang beragama Islam kerana dimakan dengan serta merta atau memakan sebarang makanan dan minuman atau tembakau bolehlah dihukum denda tiada lebih daripada tiga ratus ringgit atau dua bulan penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama dan lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara bagi kesalahan kedua.

*Berkenaan
Ramadhan
Hariraya Haji/
Fitrah* 149. Siapa-siapa juga tidak taat mengikut titah perintah DYMM Sultan berkenaan memulakan Ramadhan atau Hari Raya Haji atau Hari Raya Fitrah boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara atau keduanya sekali.

*Anggapan di atas
penggaji* 150. Maka siapa-siapa yang sudah melanggar Fasal 151 atau 152 dalam Undang-undang ini telah menjual sebarang makanan yang di dalam jagaannya yang mana ianya sebagai orang gaji, maka orang yang

menggaji orang itu hendaklah dianggap subahat di dalam kesalahan itu menyebabkan kesalahan itu berlaku oleh kerana persubahatannya, melainkan diterangkan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang gajinya itu tidak dengan setahunya atau kebenarannya yang orang itu telah membuat demikian. Hukumannya sama seperti Fasal 151/152.

Meninggalkan Isteri 151. (1) Siapa-siapa yang tidak bersama dengan isterinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah balik bersama isterinya itu tidak atau bantah daripada mengikut perintahan itu, hendaklah dihukum dengan penjara tidak lebih daripada dua bulan atau denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau keduanya sekali.

(2) Siapa-siapa menyiksa isterinya hendaklah dihukum dengan penjara tidak lebih daripada dua bulan atau denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau keduanya sekali.

Isteri yang tidak taat 152. Mana-mana perempuan yang tiada taat kepada perintah yang diberi oleh suaminya mengikut Undang-undang Islam, hendaklah didenda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi kali pertama, lima ratus ringgit bagi kesalahan kedua.

Tetapi jika diterangkan iaitu suaminya sudah didapati salah kerana memaki atau menyiksanya lebih daripada sekali dalam tahun lepas memadailah bagi membelanya di dalam pendakwaannya itu.

Berkhalwat 153. (1) Siapa-siapa orang Islam laki-laki yang dijumpai berkhalwat dengan seorang perempuan yang beragama Islam atau tidak, lain daripada perempuan oleh sebab tali persaudaraan atau jadi anak angkat ianya tidak boleh mengikut Undang-undang Agama Islam berkahwin dengannya hendaklah jadi salah berkhalwat itu dan hendaklah disiksa dengan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau dengan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau keduanya sekali atau jika didapati kesalahan kedua kalinya atau kesalahan yang lain lagi selepas daripada itu hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

(2) Siapa-siapa orang perempuan Islam bersubahat di atas kesalahan pecahan satu (1) di dalam Fasal ini hendaklah disiksa dengan penjara kerja ringan tiada lebih daripada tiga bulan atau dengan

denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit dan jika didapati di atas kesalahan kedua dan lain lagi lepas daripada itu yang serupa, hendaklah dipenjarakan tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

(3) Siapa-siapa perempuan Islam dijumpai berkhalwat dengan mana-mana lelaki yang tiada beragama Islam hendaklah disiksa serupa dengan membuat kesalahan dalam Fasal ini pecahan dua (2) Sel. Enak. 3/79.

(4) Pengarah boleh memerintahkan iaitu mana-mana perempuan yang didapati salah dalam fasal ini hendaklah ditahan di dalam sebuah rumah yang dipersetujui oleh Majlis Agama Islam seberapa lama yang difikirkan oleh Pengarah patut, tetapi tiada lebih daripada enam (6) bulan.

Berzina 154. (1) Mana-mana laki-laki yang melafazkan menceraikan isterinya dan berbalik semula dengan tiada rujuk yang sah hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada empat belas hari atau dengan denda tidak lebih daripada lima puluh ringgit atau jika isterinya itu pada masa berbalik itu tiada tahu ianya sudah diceraikan dengan penjara tiada lebih daripada satu bulan atau dengan denda tidak lebih daripada seratus ringgit.

(2) Mana-mana perempuan yang bersubahat di atas kesalahan yang boleh disiksa di bawah pecahan di dalam Fasal ini boleh disiksa dengan penjara kerja ringan selama tiada lebih daripada dua puluh lima ringgit.

(3) Lain daripada perkara-perkara yang disebutkan di dalam pecahan satu (1) dan dua (2) di dalam Fasal ini siapa-siapa yang didapati salah kerana berzina baik pihak yang lain itu beragama Islam atau tidak bolehlah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan ataupun denda tiada lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Nikah yang tiada sah 155. Siapa-siapa yang menikahkan atau membuat peraturan menikahkan satu-satu perkahwinan di antara kedua-dua orang Islam melanggar peraturan-peraturan yang disebutkan di dalam bahagian yang keenam Undang-undang ini atau sengaja menjalankan peraturan mengahwinkan yang tidak sah mengikut bahagian yang keenam hendaklah disiksa

dengan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau dengan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau kedua-duanya sekali.

*Tiada
merepotkan atau
mendaftarkan*

156. (1) Siapa-siapa yang diwajibkan melapor atau merepotkan kepada Pendaftar mana-mana perkahwinan atau penceraian dengan sengaja cuai atau tiada membuat demikian itu hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara atau keduanya sekali.
- (2) Siapa-siapa yang diwajibkan melapor atau merepotkan atau sudah membuat demikian kepada pendaftar mana-mana perkahwinan atau penceraian dan sudah dipinta oleh Pendaftar menerangkan atau mengeluarkan dan menandatangani mana-mana surat yang wajib bagi maksud mengenai pendaftaran itu dengan disengaja cuai atau tidak membuat lebih daripada lima ratus ringgit atau tiga bulan penjara atau keduanya sekali.
- (3) Siapa-siapa memberi kepada pendaftar penerangan atau penyata yang bohong atau salah yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang hendak diambil perhatian atau didaftarkan oleh pendaftar mengikut yang dikehendaki di dalam Undang-undang ini hendaklah disiksa dengan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

*Merepotkan
masuk Islam*

157. Siapa-siapa yang wajib menyatakan kepada Majlis mengikut Fasal 148 di dalam Undang-undang ini kemasukan seorang menjadi Islam dengan sengaja atau tidak membuat yang demikian itu hendaklah didenda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau dua bulan penjara atau keduanya sekali.

*Kesalahan
memakai wang*

158. Siapa-siapa menjadi pegawai Masjid atau seorang ahli Jawatankuasa Kariah dan telah menerima habuan atau wang-wang yang lain yang hendak dibahagi mengikut Undang-undang ini di antara pegawai masjid atau anak-anak Kariah itu dengan tidak betul memakai atau menyimpan atau tidak dapat memulangkan balik wang itu hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau dengan tidak lebih daripada satu ribu ringgit dan Mahkamah bolehlah membuat perintah bagi membayar seberapa banyak wang yang menjadi perkara itu.

Tetapi dakwaan tidak boleh dimajukan di bawah Fasal ini daripada delapan belas bulan daripada berlakunya kesalahan itu.

*Tidak membuat
kewajipan di
dalam Undang-
undang*

159. Siapa-siapa yang disanggupkan oleh Undang-undang ini kewajipannya mendaftarkan apa-apa perkara atau perjalanan atau membuat, menyediakan, menyimpan atau menjaga daftar menunjukkan bayaran kenyataan buku kira-kira anggaran perbelanjaan daftar resit (Counterfoil) buku mesyuarat atau pungutan khairat atau mengeluarkan surat keterangan resit atau salinan yang sah, tidak mahu atau sengaja tidak membuat kewajipan itu atau dijalankan tetapi dijalankan dengan jalan yang salah atau tiada betul hendaklah disiksa dengan penjara selama tiada lebih daripada tiga bulan atau dengan denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau kedua-duanya sekali.

*Memecahkan
Rahsia*

160. Siapa-siapa melanggar Undang-undang ini di dalam Fasal 34 dengan memecahkan atau memberitahu kepada siapa-siapa yang tiada berhak mendapat tahu apa-apa perkara iaitu tanggungannya merahsiakan. Hendaklah disiksa ianya dengan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

*Masjid yang
tiada kebenaran*

161. Siapa-siapa melanggar Undang-undang ini di atas Fasal 112 mendirikan mana-mana masjid dijadikan atau menggunakan mana-mana tanah atau tempat sebagai masjid dengan tiada mendapat kebenaran yang bertulis daripada Majlis hendaklah didenda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau keduanya sekali.

Mengajar Agama

162. Siapa-siapa melainkan di rumahnya sendiri dan di hadapan ahli rumahnya sahaja, mengajar atau menerang lain-lain pengajaran mana-mana ilmu Agama Islam dengan tidak mendapat kebenaran yang bertulis dari Kadi hendaklah disiksa dengan penjara lamanya tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau keduanya sekali.

Ilmu Salah

163. Siapa-siapa mengajar ataupun menerangkan kepada orang ramai apa-apa ilmu agama atau membuat apa-apa temasya atau perbuatan yang berkaitan dengan agama Islam di atas jalan berlawanan dengan Undang-undang Agama Islam hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

Fatwa

164. Jika siapa-siapa yang lain daripada Mufti atau seorang yang menjalankan kuasanya mengikut Undang-undang ini mengeluarkan, mencuba mengeluarkan apa-apa fatwa atau hukuman di atas apa-apa

soalan Agama Islam atau Undang-undang Agama Islam atau Nas atau Adat Istiadat Melayu hendaklah disiksa selama tidak lebih daripada enam bulan penjara atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Kitab-kitab

165. Siapa-siapa mengecap atau membuat bagi dijual bagi dikeluarkan dengan percuma mana-mana kitab atau surat yang memberi atau mencuba memberi keterangan atau fatwa di atas apa-apa perkara Agama Islam atau Nas atau Istiadat Melayu hendaklah, jika kitab atau surat itu mengandungi apa-apa perkara berlawanan dengan Agama Islam atau Nas ataupun fatwa disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Menggunakan Qur'an di tempat yang bukan-bukan

166. Siapa-siapa di dalam bermain wayang atau di tempat permainan dan kesukaan menggunakan ayat Qur'an atau perkataan yang keagamaan kepada orang yang beragama Islam, olok-olokan, ajuk-ajukan bagi mengejek atau menyenda apa perkataan atau temasya yang berkaitan dengan Agama Islam hendaklah disiksa dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Melanggar perintah Agama

167. Siapa-siapa yang didapati salah sebab membantah titah perintah DYMM Sultan sebagai Ketua Agama Negeri atau perintah Majlis atau mana-mana Jawatankuasa Majlis atau ahli Majlis atau pegawai-pegawainya yang berkenaan atau mana-mana Mahkamah atau Yang Dipertua Mahkamah yang berkenaan atau mana-mana Pegawai Masjid hendaklah disiksa dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Melanggar hukuman Agama Islam

168. Siapa-siapa dengan perkataan atau bertulis atau dengan pertunjukan yang nyata memberi malu atau membawa kepada mempersenda-sandakan Agama Islam atau perjalanan mana-mana Mazhab Agama Islam atau ajaran mana-mana guru Agama yang bertauliah atau mana-mana fatwa yang sahnya dikeluarkan oleh Yang Dipertua atau di bawah Undang-undang ini hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau keduanya sekali.

Tiada membayar zakat fitrah

169. (1) Siapa-siapa yang wajib zakat dan fitrah dan tidak dapat mengikut Fasal 109 di dalam Undang-undang ini batalan atau ubahan

daripada tanggungan itu tiada mahu atau sengaja tiada membayar kewajipan itu dan barangsiapa menghasut atau memujuk mana-mana orang yang beragama Islam supaya engkar daripada membayar zakat atau fitrah hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau keduanya sekali.

(2) Kedapatan salah di dalam Fasal ini tiadalah boleh menjadi melepaskan hutang.

(3) Zakat dan fitrah yang terhutang oleh siapa-siapa atau harganya bolehlah didapati seperti beras, padi, binatang atau wang yang jadi soalan sudah diperintahkan menyerahkannya kepada Majlis oleh perintahan Mahkamah yang sah atau seumpama harganya itu boleh didapati seperti denda yang dijatuhkan mengikut Undang-undang ini.

Hasutan meninggalkan kewajipan Agama

170. Siapa-siapa yang menghasut atau menyuruh mana-mana orang yang beragama Islam daripada menghadiri masjid atau menghadiri pengajaran Agama hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau keduanya sekali.

Mencuba dan bersubahat

171. Siapa-siapa mencuba membuat kesalahan atau bersubahat di atas membuat kesalahan di dalam Undang-undang ini hendaklah disiksa atau didenda sebagai dia telah membuat kesalahan itu.

**KADAR BARU DENDA DAN HUKUMAN KESALAHAN
DI BAWAH UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

Bil.	Bil. Fasal	Jenis Kesalahan	Kadar Denda Semasa	Denda Baru Yang Dicapadangkan
1.	150	Tidak sembahyang Jumaat.	RM25.00 atau Penjara Seminggu.	RM300.00 atau penjara 2 bulan atau keduanya sekali bagi kesalahan pertama; RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali bagi kesalahan kedua dan seterusnya.
2.	151	Mabuk.	RM25.00	RM1000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali - Dosa besar.
3.	152	Menjual/membeli makanan di siang Ramadhan dimakan serta merta.	RM25.00	RM300.00 atau 2 bulan penjara atau keduanya sekali bagi kesalahan pertama, dan RM500.00 atau 3 bulan penjara bagi kesalahan kedua.
4.	153	Berkenaan Ramadhan Hariraya Haji/Fitrah.	RM25.00	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
5.	154	Anggapan di atas penggaji.	-	Sama seperti 152/151.
6.	155	Meninggalkan isteri.	RM50.00 atau penjara 14 hari.	RM300.00 atau penjara 2 bulan atau keduanya sekali.
7.	156	Isteri yang tiada taat.	RM10.00 atau penjara 7 hari/ RM25.00	RM200.00 bagi kali pertama. RM500.00 bagi kali kedua.
8.	157	Berkhalwat.	RM200.00 atau penjara 2 bulan.	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali bagi kesalahan pertama. RM1000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Bil.	Bil. Fasal	Jenis Kesalahan	Kadar Denda Semasa	Denda Baru Yang Dicapadangkan
9.	158	Berzina.	RM500.00 atau penjara 6 bulan	RM1000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
10.	159	Nikah yang tiada sah	RM100.00 atau penjara satu bulan.	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
11.	160	Tidak merepotkan atau mendaftarkan.	(1 & 2) Denda RM25.00 - (3) denda RM100.00	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
12.	161	Merepotkan masuk Islam.	RM25.00	RM300.00 atau dua bulan penjara atau keduanya sekali.
13.	162	Kesalahan memakai wang.	RM250.00 atau penjara tiga bulan	RM1,000.00 atau penjara 6 bulan.
14.	163	Tidak membuat kewajipan di dalam Undang-undang.	Denda RM250.00 atau penjara 3 bulan	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
15.	164	Memecah rahsia.	RM250.00 atau penjara 3 bulan	RM500.00 atau penjara 3 bulan.
16.	165	Masjid yang tiada kebenaran.	RM1000.00	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
17.	166	Mengajar Agama.	RM100.00 atau penjara satu bulan	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
18.	167	Ilmu salah.	RM250.00 atau penjara 3 bulan	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.

Bil.	Bil. Fasal	Jenis Kesalahan	Kadar Denda Semasa	Denda Baru Yang Dicadangkan
19.	168	Fatwa.	RM250.00 atau penjara 3 bulan	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
20.	169	Kitab-kitab.	RM500.00 atau penjara 6 bulan	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
21.	170	Menggunakan Qur'an di tempat yang bukan-bukan.	RM100.00 atau penjara 1 bulan	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
22.	171	Melanggar perintah Agama.	RM100.00 atau penjara 1 bulan	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
23.	172	Melanggar hukuman Agama.	RM500.00 atau penjara 6 bulan.	RM1,000.00 atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali.
24.	173	Tiada membayar zakat fitrah.	RM100.00 atau penjara 7 hari.	Denda RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
25.	174	Asutan (Hasutan) meninggalkan kewajipan agama.	RM50.00 atau penjara 14 hari.	RM500.00 atau 3 bulan penjara atau keduanya sekali.
26.	175	Mencuba dan bersubahat.	seperti yang ada	Seperti yang ada.

Bayaran Pelajaran (Untuk Peperiksaan)

	Kadar semasa	Kadar Baru dicadangkan
SRA	RM2.00	RM5.00
SPA	RM5.00	RM10.00

BAHAGIAN YANG KESEPULUH

LAIN-LAIN PERKARA

- Wang Simpanan Pekerja* 172. (1) Majlis hendaklah berkuasa menubuhkan dan mentadbirkan Wang Simpanan Pekerja bagi faedah mana atau kesemua pekerja Majlis itu.
- (2) Majlis sendiri hendaklah menjadi Wakil Amanah yang tunggal bagi Wang Simpanan Pekerja dan hendaklah memegang semua Wang Tunai simpanan wang harta-harta yang berkaitan dengannya.
- (3) Majlis boleh melantik satu Jawatankuasa mentadbirkan mana-mana wang Simpanan Pekerja, Jawatankuasa mentadbirkan itu bolehlah mengandungi orang-orang bukan Ahli Majlis dan orang-orang yang mendapat faedah daripada Wang Simpanan Simpanan Pekerja itu.
- (4) Bolehlah menyimpan mana-mana wang tunai atau harta yang dipunyai oleh mana-mana Wang Simpanan Pekerja di dalam mana-mana simpanan yang dikuasakan oleh Undang-undang ini bagi menyimpan Kumpulan Wang dan juga hendaklah mempunyai kuasa memindahkan simpanan menggunakan Bank dan perkara yang serupa dengan Kumpulan Wang.
- (5) Majlis bolehlah memberi kepada Wang Simpanan Pekerja itu wang tunai atau harta-harta yang menjadi Kumpulan Wang.
- (6) Majlis boleh dengan dipersetujui oleh DYMM Sultan membuat peraturan-peraturan bagi mengatur:-
- Menubuhkan, mengaturkan, mentadbirkan dan menjalankan Wang Simpanan Pekerja;
 - Perjalanan Jawatankuasa mentadbir;
 - Peraturan mesyuarat orang-orang yang menyimpan wang di dalam Wang Simpanan Pekerja itu;
 - Menentukan siapa-siapa yang boleh menyimpan wang ke dalam Wang Simpanan Pekerja itu;

- (e) Banyak wang yang boleh disimpan dan syarat-syarat bagaimana menerima dan mengeluarkan wang simpanan itu;
- (f) Masukkan Wang Simpanan Pekerja yang lain atau pertubuhan yang serupa itu;
- (g) Menukar, meminta peraturan-peraturan bagi mentadbirkan Wang Simpanan Pekerja.
- (h) Menyelesaikan Wang Simpanan Pekerja.

- (7) Majlis bolehlah memberhentikan Wang Simpanan Pekerja.
- (8) Belanja berjalan dan mentadbirkan mana-mana Wang Simpanan Pekerja hendaklah dibayar daripada Wang Simpanan Pekerja itu.

*Perlindungan
Majlis dan Ahli-
ahlinya dan
Pekerja-
pekerjanya*

173. (1) Ahli Majlis tidak bertanggungjawab di atas kerugian disebabkan oleh atau terjadi daripada simpanan yang dibuat mengikut yang tersebut di dalam Undang-undang ini ataupun tidak berjaya memungut atau mendapat mana-mana wang atau harta hak Majlis melainkan kerugian itu disebabkan oleh kelalaian yang disengajakan atau ditipu.
- (2) Ahli Majlis dan pekerja-pekerja Majlis wakil atau orang yang menjalankan yang dikuasakan oleh Majlis tidak bertanggungjawab bagi dirinya di atas mana dakwa atau tuntutan oleh sebab perbuatan perkara atau benda yang betul dan benar dibuat atau tidak dibuat bagi menjalankan atau menjalankan mana-mana hak atau kuasa majlis atau ahlinya.

Peraturan

174. DYMM Sultan di dalam mesyuarat Kerajaan boleh dengan mengisytiharkan di dalam Warta Kerajaan membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan segala kehendak-kehendak Undang-undang ini dan khasnya dengan tidak merosakkan bagi amnya yang tersebut di hadapan ini. Peraturan-peraturan itu bolehlah membuat:-
- 1. Peraturan Mesyuarat Majlis contoh dan kaedah membuat surat-surat oleh majlis dan melantik Pegawai Rendah Majlis;
 - 2. Bayaran-bayaran yang hendak dibayar berkenaan dengan perbuatan atau benda yang hendak dibuat mengikut dan

dikehendaki oleh undang-undang ini dan kaedah memungut dan mengeluarkan bayaran-bayaran itu;

- 3. Kuasa-kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Agama perjalanan dan peraturan berkenaan dengan semua perkara di dalam kuasanya itu;
- 4. Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis kewajipan-kewajipan dan perjalanannya.
- 5. Perjalanan dan peraturan Mahkamah-mahkamah Kadi Besar dan Kadi di dalam mana-mana peraturan itu hendaklah berkuasa DYMM Sultan menyebutkannya, iaitu mana-mana perkara yang disebutkan di dalam Fasal 48 di dalam Undang-undang ini tidak berjalan kuatkuasanya;
- 6. Borang-borang daftar, buku kira-kira, kenyataan kira-kira, anggaran dan lain-lain surat atau buku yang hendak digunakan berkaitan dengan perbuatan atau benda yang akan dibuat dibawa atau mengikut undang-undang ini.
- 7. Memungut membelanjakan dan memberikan harta simpanan dan wang-wang yang dipunyai dan terserah kepada majlis daripada satu masa ke satu masa;
- 8. Menggunakan bank dan kira-kira di bank dibuka dan dijalankan oleh Majlis;
- 9. Mentadbirkan pungutan khairat dan mengeluarkan pendapatan lebih daripada pungutan itu;
- 10. Mentadbirkan mana-mana masjid dan tanah perkuburan dan segala perkara yang berkaitan;
- 11. Kuasa dan kewajipan-kewajipan mana-mana pegawai-pegawai masjid.
- 12. Mentadbirkan pilihan bagi memilih pegawai masjid;
- 13. Menentukan dan mengisytiharkan sempadan-sempadan kariah;

14. Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pendaftar perkahwinan dan cerai orang-orang Islam.
 15. Menjaga dan memberi pelajaran kepada mualaf-mualaf yang muda oleh majlis dan kaedah mendaftarkan mualaf; dan
 16. Mentadbirkan tempat-tempat Pelajaran Agama Islam dan sekolah-sekolah Agama Islam.
175. Semua peraturan, isytiharan, perintahan, notis, borang kebenaran mengecualikan dan lantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau dengan mengikut mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh undang-undang ini berjalan kuasanya selagi yang diisytiharkan itu tiada berselisih dengan atau digantikan oleh undang-undang ini. Sebelum peraturan-peraturan perintahan-perintahannya kebenaran-kebenaran atau lantikan-lantikan yang dikeluarkan dibuat mengikut di bawah undang-undang ini.
176. Undang-undang yang disenaraikan di dalam sijil kepada undang-undang ini memansuhkan. Dimansuhkan sehad yang disebutkan di dalam ruangan yang ketiga kepada sijil itu.

**KADAR-KADAR BAYARAN DI MAHKAMAH
SYARIAH NEGERI SELANGOR**

1. Kadar-kadar bayaran di bawah ini telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor serta berkuatkuasa mulai daripada 1 Februari 1981.
2. Semua Pemungut Hasil Jabatan Agama Islam Selangor/Kadi adalah dikehendaki memungut kadar yang baharu ini mulai daripada tarikh yang tersebut di perenggan satu di atas.

Kadar bayaran adalah seperti berikut:-

Perkara-perkara	Bayaran Lama (1)		Bayaran Baru Sekarang (2)	
	RM	Sen	RM	Sen
Bayaran kerana pembahagian harta (Faraid) bagi satu lapis	4.00			10.00
Bayaran tiap-tiap satu lapis yang berikut	-			5.00
Pendaftaran Nikah	4.00			10.00
Pendaftaran Cerai	4.00			25.00
Pendaftaran Cerai Taklik, Pasah	4.00			10.00
Pendaftaran Rujuk	4.00			5.00
Salinan kepada daftar nikah	4.00			5.00
Salinan kepada daftar cerai	-			5.00
Salinan kepada daftar rujuk	-			5.00
BAHAGIAN MAL (SIVIL)				
Bayaran Aduan	5.00			10.00
Panggilan	0.50			1.00
Panggilan kepada saksi	0.50			1.00
Pemberitahu	0.50			2.00

Perkara-perkara	Bayaran Lama		Bayaran Baru Sekarang	
	(1)		(2)	
	RM	Sen	RM	Sen
Mendaftarkan surat sumpah dan lain-lain	0.50		1.00	
Pemberitahu mengenai perlantikan Peguam	0.50		2.00	
Terjemahan surat-surat yang berkenaan (Bagi 100 perkataan)	1.00		2.00	
Terjemahan surat-surat yang telah disahkan (Bagi 100 perkataan)	1.40		2.00	
Perintah kepada Mahkamah	1.00		5.00	
Mengeluarkan perintah Mahkamah	2.00		5.00	
Mengeluarkan daftar perjalanan perbicaraan Mahkamah (Bagi tiap-tiap 100 perkataan)	1.00		2.00	
Menghantar surat-surat yang tersebut di atas	0.50		2.00	
Lain-lain daftar (Rekod)	1.50		2.00	
Permintaan kerana Ulangbicara	5.00		50.00	
Permintaan kerana menjalankan hukum/Perintah Mahkamah	1.00		5.00	
Bayaran kerana upah lelong				
(a) Bagi lelong yang pertama		5% daripada harga barang pada lelong pertama.		
(b) Bagi tiap-tiap RM100.00 nilai lelong yang berikutnya	1.00		5%	
Pemberitahu melarang menjual harta-harta	0.50		1.00	
Kerana menghantar ke dalam Jil	0.50		2.00	
Surat Perjanjian	0.50		5.00	
Mencari surat yang berkenaan	0.50		2.00	
Pemberitahu Ulangbicara	1.00		10.00	

Perkara-perkara	Bayaran Lama		Bayaran Baru Sekarang	
	(1)		(2)	
	RM	Sen	RM	Sen
Bayaran kepada menghantar perkara-perkara yang tersebut di atas				
(a) Bagi satu batu yang pertama	0.50		2.00	
(b) Bagi tiap-tiap batu yang berikutnya.	0.10		0.40	
Menunjukkan barang-barang yang ditunjukkan dalam Mahkamah masa bicara sebagai bukti.	0.50		2.00	
BAHAGIAN JENAYAH				
Panggilan	1.00		2.00	
Pemberitahu	1.00		2.00	
Amaran kepada menangkap	1.00		2.00	
Waran siasat	1.00		2.00	
Isytiharan	1.00		2.00	
Mendaftar Sumpah	1.00		2.00	
Menunjukkan barang-barang yang ditunjukkan di dalam Mahkamah masa perbicaraan	0.50		2.00	

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor
Bil. 3/1952

ATURAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(FITRAH & ZAKAT)
PINDAAN TAHUN 1969

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 108 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952, Majlis dengan diperkenankan Duli Yang Maha Mulia Sultan, adalah dengan ini membuat aturan-aturan seperti berikut:

Nama ringkas (1) Aturan ini bolehlah dinamakan aturan Pentadbiran Agama Islam (Fitrah & Zakat) pindaan tahun 1969.

FITRAH

*Fitrah dibayar
sekali setahun* (2) Semua orang Islam hendaklah membayar fitrah mengikut undang-undang Agama Islam setahun sekali sekian banyaknya dengan pada sekian-sekian masa seperti yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

*Membayar
kepada pemungut* (3) Semua pembayaran fitrah hendaklah dibuat kepada pemungut-pemungut yang dilantik oleh Majlis, pembayaran yang dibuat kepada orang-orang yang tidak dibenarkan tidak akan diakui sah.

Pembahagian (4) Semua wang pungutan fitrah hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut bagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan menurut Undang-undang Islam.

*Daftar pungutan
akan disimpan* (5) Tiap-tiap seorang pemungut hendaklah menyimpan sesuatu daftar berkenaan semua wang pungutan fitrah yang diterimanya dan hendaklah dia mengeluarkan resit sipembayarannya bagi tiap-tiap pungutan dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh Majlis.

*Buku Kira-kira
dan pembahagian* (6) Tiap-tiap seorang pemungut hendaklah menyimpan buku kira-kira dengan sempurna berkenaan semua pembahagian dan pembayaran Fitrah yang dibuat olehnya mengikut peraturan dan hendaklah ia mendapat (menerima) surat akuan bagi segala pembahagian dengan pembayaran yang demikian.

*Membentangkan
daftar* (7) Tiap-tiap seorang pemungut hendaklah membentangkan kepada Majlis semua rekod-rekod pungutan dan pembahagian berkenaan pembayaran fitrah dalam masa empat minggu pada penghujung bulan Ramadhan.

Banci (8) Adalah sah dari segi undang-undang bagi seseorang pemungut yang dilantik oleh Majlis itu untuk mengambil banci semua orang Islam yang duduk dalam kariahnya yang mana dia telah dilantik itu.

ZAKAT

(9) Selepas sahaja musim menuai, jika padi yang dihasilkan dari sawah kepunyaan seseorang itu tidak kurang dari empat ratus gantang, tuan punya sawah yang berdaftar atau pemegang lesen tumpangan sementara atau mana-mana penanam padi itu hendaklah menyerahkan padi sebanyak sepuluh peratus daripada hasilnya itu kepada Majlis.

*Melantik
Pemungut* (10) Majlis bolehlah melantik pemungut-pemungut atau Jawatankuasa Daerah bagi maksud memungut zakat dalam sebuah kawasan.

Cara membayar (11) Majlis boleh dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan cara membayar zakat dan jua jumlahnya yang mesti dibayar serta waktunya zakat itu mesti dibayar mengikut undang-undang Islam.

*Salah membayar
kepada orang
yang tidak
dibenarkan* (12) Adalah salah jika seseorang itu dengan setahunnya membayar Fitrah dan zakat kepada seseorang yang tidak dibenarkan dan jua adalah salah bagi seseorang yang tidak mendapat kebenaran itu memungut zakat dan fitrah. Sesiapa yang didapati salah kerana melanggar peraturan ini, akan dikenakan denda mengikut bagaimana yang ditetapkan oleh fasal 173 (1) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam tahun 1952, seseorang yang didapati salah kerana melanggar peraturan ini tidaklah bermakna yang dia tidak diwajibkan lagi membayar fitrah atau zakat.

*Denda kerana
tidak
membentangkan
kenyataan hasil
tanaman* (13) Adalah menjadi kewajipan bagi seseorang tuan punya sawah membentangkan kenyataan berkenaan hasil padinya kepada Majlis ataupun kepada wakilnya apabila diminta secara bertulis atau dengan mulut, sesiapa yang didapati salah melanggar peraturan ini, ia akan dikenakan hukuman denda kepada hukuman yang telah ditetapkan dalam seksyen 171 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952, hukuman di bawah aturan ini tidaklah memberhentikan tanggungjawab mana-mana orang untuk memberi kenyataan (ritan).

Kuasa untuk mengambil banci tanaman

- (14) Adalah sah bagi seseorang pemungut atau wakil Majlis atau mana-mana Jawatankuasa Daerah yang telah dibenarkan oleh Majlis bagi pihaknya untuk memasuki mana-mana tanah yang bertanam untuk mengambil banci tanaman-tanaman yang ada atau yang telah diperolehi dari tanah itu dan adalah menjadi kewajipan bagi orang mengusahakan tanah itu dan orang yang memiliki jika orang Islam, memberi sebarang keterangan berkenaan tanah tersebut dan tanamannya jika diminta demikian oleh pemungut atau wakil atau Jawatankuasa itu.

(IPK.Sel 2333/51 Pt. 2. MUI.S 124/66)

Kuasa meminta kenyataan kewangan kepada badan perniagaan

- (15) Bagi maksud zakat, maka adalah sah dari segi undang-undang bagi Majlis meminta kepada seseorang itu sama ada bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak badan perniagaan yang diketuainya supaya membentangkan kenyataan lengkap berkenaan harta pendapatan dan tanggungan (Perbelanjaan) sendiri atau mengenai badan perniagaan itu seperti kedudukannya pada masa hujung tahun kewangan atau tahun kewangan badan perniagaan tersebut.

Bayaran zakat

- (16) Sesudah bayaran zakat ditaksirkan oleh Majlis dan surat pemberitahuan yang berkenaan sudah disampaikan atau dikirim dengan Register Pos (yang berdaftar) kepada orang yang berkenaan dengan taksiran bayaran zakat itu ataupun orang yang mengetuai badan perniagaan yang sudah ditaksirkan hartanya itu, maka wajiblah orang itu membayar zakatnya kepada Majlis dalam tempoh selama tiga puluh hari dari hari menerima pemberitahuan tersebut.

Tetapi syaratnya Majlis boleh juga melanjutkan tempoh untuk menjelaskan bayaran zakat itu.

PW. Bil. 428/1955

(Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1952)

Undang-undang Negeri Selangor Nombor 3 Tahun 1952

FITRAH

Maknanya:

Satu sukatan beras yang wajib dikeluarkan oleh seseorang Islam di hujung bulan Ramadhan pada tiap-tiap tahun bagi disedekah atau penggunaan yang disahkan oleh Agama Islam.

ZAKAT

Maknanya:

Bayaran di atas harta yang ditentukan pada tiap-tiap tahun mengikut Agama Islam.

ZAKAT DAN FITRAH

Kuasa Majlis

107. Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah menjadi kewajipan kepada Majlis memungut zakat dan fitrah yang wajib dibayar oleh orang-orang dan membahagikannya mengikut Undang-undang Agama Islam dengan peraturan yang dibuatnya bagi pihak dan dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan tertakluk kepada apa-apa yang tersebut dalam undang-undang ini.

Peraturan

108. '1' Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah membuat peraturan-peraturan dan mengaturkan segala perkara yang berkaitan dengan Hal Ehwal memungut, mentadbirkan dan memberikan zakat dan fitrah.

'2' Dengan tidak mencatitkan maksud am yang tersebut di atas itu Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan:-

- (a) Menentukan daripada satu masa kepada satu masa banyaknya zakat dan fitrah yang hendak dibayar oleh orang-orang Islam dalam Negeri Selangor.
- (b) Menentukan bagaimana zakat dan fitrah hendak dipungut.
- (c) Bagi melantik wakil yang akan memungut zakat dan fitrah dan;
- (d) Menentukan denda-denda bagi sesiapa yang memungut atau membayar zakat dan fitrah yang tidak mendapat kuasa dari Majlis.

Timbangan semula

109. Sesiapa pun boleh membuat bantangan kepada Majlis di atas tuntutan bayaran zakat dan fitrah, Majlis hendaklah menimbangkan bantangan itu dan boleh memerintahkan iaitu orang itu hendaklah membayar zakat dan fitrah yang dituntut di atasnya, ataupun dikurangkan banyak tuntutan itu sebagaimana yang difikirkan betul dan patut atau

dikeluarkan perintah iaitu orang itu dibebaskan daripada membayar zakat dan fitrah atau kedua-duanya di dalam mana-mana tahun atau beberapa tahun, keputusan Majlis di atas bangkangan itu tidak boleh sesekali menjadi soalan di dalam mana-mana mahkamah.

*Kesalahan
memakai wang*

162. Sesiapa menjadi seorang pegawai masjid atau seorang Ahli Jawatankuasa Kariah dan telah menerima mana-mana habuan atau wang-wang yang lain yang hendak dibahagikan mengikut undang-undang ini di antara pegawai masjid atau anak-anak kariah itu dengan tiada betul memakai atau menyimpan atau tidak dapat memulangkan balik wang itu hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada tiga bulan dan denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit dan mahkamah bolehlah membuat perintah bagi membayar kepada sesiapa-sesiapa yang berhak di atasnya seberapa banyak wang yang menjadi perkara itu.

Tetapi dakwaan itu tiada boleh dimajukan di bawah fasal ini lepas daripada delapan belas bulan daripada berlakunya kesalahan itu.

*Tiada membuat
kewajipan dalam
undang-undang*

163. Sesiapa yang disanggupkan oleh undang-undang ini kewajipannya mendaftarkan apa-apa perkara atau perjalanan atau membuat, menyedia, menyimpan atau menjaga daftar menunjukkan bayaran kenyataan, buku kira-kira anggaran perbelanjaan daftar resit (Counterfoil) buku mesyuarat atau pungutan khairat atau mengeluarkan surat keterangan resit atau salinan yang sah tiada mahu atau sengaja atau tiada membuat kewajipan itu atau dijalankan dengan jalan yang salah atau tiada betul hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada tiga bulan atau dengan denda tiada lebih daripada RM250.00 (Dua ratus lima puluh ringgit.)

*Melanggar
Perintah Agama*

171. Sesiapa yang didapati salah sebab membantah titah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Negeri atau Perintah Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, atau Ahli Majlis, atau pegawai-pegawainya atau mana-mana mahkamah atau pegawai yang menjalankan bicara, atau mana-mana pegawai masjid. Hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada sebulan atau dengan denda tidak lebih daripada RM100.00 (Satu ratus ringgit).

Tiada membayar

173. "1" (Pindaan 7/1961) Sesiapa yang wajib zakat atau fitrah dan tiada dapat mengikut fasal 109 di dalam undang-undang ini batalan upahan-upahan daripada tanggungan itu tiada mahu atau sengaja

tiada membayar kewajipan itu dan barangsiapa menghasut atau memujuk mana-mana orang yang beragama Islam supaya engkar daripada membayar zakat dan fitrah - hendaklah disiksa dengan penjara selama tidak lebih daripada tujuh hari atau denda tidak lebih daripada RM100 (Satu ratus ringgit)

"2" Kedapatan salah faham fasal ini tidak boleh menjadi melepaskan hutang.

"3" Zakat dan fitrah yang terhutang oleh sesiapa atau harganya bolehlah didapati seperti beras, padi, binatang atau wang yang jadi soalan sesudah diperintahkan menyerahkannya kepada Majlis oleh perintah Mahkamah yang sah atau seumpama harganya itu boleh didapati seperti denda yang dijatuhkan mengikut undang-undang ini.

Termaktub di Pejabat Majlis Agama Islam Selangor
Pada 10 Januari 1979

**UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 1952**

**Peraturan Kutipan dan Pembahagian Zakat Fitrah
Selangor Pindaan Tahun 1973**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Fasal 108 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor bilangan 3 tahun 1952 maka Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor dengan diperkenankan oleh DYMM Sultan adalah dengan ini membuat peraturan seperti berikut di bawah ini:

- Nama Ringkas* (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan Kutipan dan Pembahagian Zakat dan Fitrah Negeri Selangor tahun 1973 dan berjalan kuatkuasa daripada tarikh
- Takrif Perkataan* (2) Di dalam peraturan ini melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain maka perkataan-perkataan di bawah ini hendaklah diertikan seperti berikut:-

UNDANG-UNDANG ISLAM

Maknanya Hukum Syarak yang dipakai di dalam negeri ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Fasal 42 Undang-undang 3/1952. Undang-undang 3/1952 maknanya Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor bil. 3 tahun 1952 dan Undang-undang Pindaan yang dibuat selanjutnya dari masa ke semasa.

Dirham

Maknanya suatu timbangan perak yang menyamai 2.975 gram.

Fitrah

Maknanya pembayaran segantang baghdad beras atau gantinya atau harganya yang diwajibkan atas tiap-tiap orang Islam mengikut Hukum Syarak.

Gantang Baghdad

Maknanya sukatan beras yang menyamai 3 kati dan 12 tahlil.

Jawatankuasa Zakat Fitrah Negeri

Maknanya sebuah Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis bagi menasihatkan Majlis berkenaan ehwal pungutan/pembahagian Zamat dan Fitrah di dalam negeri ini.

Kadi

Maknanya seseorang Kadi Daerah yang dilantik di bawah Fasal 43 Undang-undang 3/1952.

Kariah Masjid

Kawasan satu-satu masjid yang ditentukan oleh kebiasaan penduduk di tempat itu atau ditentukan oleh Jawatankuasa menentukan kariah yang dilantik oleh Majlis daripada masa ke semasa.

Ketua Kampung

Maknanya seseorang Ketua yang dilantik oleh Pegawai Daerah bagi membantu Penghulu Mukim yang biasa dikenal dengan panggilan Tok Sidang atau Tok Lurah atau Tok Empat.

Muallaf

Maknanya seseorang yang baharu memeluk Agama Islam di bawah bahagian yang kedelapan Undang-undang 3/1952 yang sepatut dijinak-jinakkan.

Mahkamah

Maknanya Mahkamah Kadi Daerah atau Mahkamah Kadi Besar yang ditubuhkan di bawah Fasal 43 (1) dan (2) di dalam Undang-undang 3/1952.

Miskal

Maknanya suatu timbangan emas yang menyamai 4.25 gram.

Musim

Maknanya masa yang terlingkung di antara masa menurunkan benih bagi sesuatu tanaman yang terlibat dengan zakat sehingga mengetam.

Penghulu

Maknanya seseorang Penghulu yang mempunyai surat kuasa yang dikurnia oleh DYMM Sultan menguasai ianya menjalankan Undang-undang termasuklah seseorang Penolong Penghulu (Penghulu Muda) yang mempunyai kuasa demikian itu.

Pengarah

Maknanya Pengarah Jabatan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor yang dilantik di bawah Fasal 13 Undang-undang 3/1952 (38 A 2) Ent. 11/72.

Setiausaha

Maksudnya Kadi Daerah

Tauliah

Maknanya surat kuasa yang dikeluarkan oleh Pengarah pada tiap-tiap orang bagi membolehkan seseorang mengutip zakat atau fitrah.

Zakat

Maknanya sesuatu pembayaran yang diwajibkan oleh Hukum Syarak ke atas seseorang Islam atau Syarikat Perniagaan atau Syarikat Perusahaan dengan sebab ia memiliki emas atau perak atau wang tunai atau piutang atau simpanan wang atau menjalankan perniagaan atau memelihara binatang ternakan.

*Jawatankuasa
Zakat dan Fitrah
Negeri*

3. (i) Majlis daripada masa ke semasa hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Zakat dan Fitrah negeri bagi menasihatkan Majlis menjalankan kutipan dan pembahagian Zakat dan Fitrah di dalam Negeri ini yang mengandungi tidak kurang daripada 3 orang daripada Ahli Majlis dan tidak lebih daripada 12 orang yang berkelayakan bagi tujuan demikian itu samada daripada Ahli Majlis atau bukan.

*Jawatankuasa
Zakat dan Fitrah
Daerah*

- (ii) Pegawai Daerah di tiap-tiap Daerah Negeri ini hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Daerah yang mengandungi Ahli-ahli seperti berikut:
 - (a) Seorang Pengerusi iaitu Pegawai Daerah
 - (b) Naib Pengerusi
 - (c) Seorang Setiausaha iaitu Kadi Daerah
 - (d) Tidak lebih daripada 14 orang Ahli Jawatankuasa
 - (iii) Jawatankuasa yang tersebut di atas adalah bertanggungjawab menjalankan Undang-undang dan peraturan yang berkenaan kutipan dan pembahagian Zakat dan Fitrah sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
 - (iv) Jawatankuasa ini adalah berkuasa melantik Pegawai-pegawai dan Kakitangan yang berpatutan bagi melicinkan urusan Zakat dan Fitrah Daerah itu.
- Membayar Fitrah* 4.
- (i) Semua Orang Islam di dalam Negeri ini hendaklah membayar bagi dirinya dan Fitrah orang yang di bawah tanggungannya kepada Penolong Amil yang bertauliah di dalam kariah masjid yang ia tinggal di dalamnya atau kepada orang yang diperintahkan oleh Majlis atau yang diperintahkan oleh Mahkamah dibayar kepadanya.
 - (ii) Bayaran Fitrah itu hendaklah dibuat pada tiap-tiap tahun di dalam bulan Ramadan dan tidak lewat daripada Sembahyang Hari Raya.
 - (iii) Bayaran Fitrah itu hendaklah dengan beras daripada jenis biasa dijadikan makanannya kadar segantang Baghdad pada seorang itu dengan harganya sebanyak mana yang ditetapkan oleh Majlis.
 - (iv) Pembayaran Fitrah kepada mana-mana orang yang bukan Penolong Amil atau bukan orang diperintahkan oleh Majlis atau Mahkamah adalah tidak sah dan pembayar itu adalah disifatkan tidak membayar fitrahnya.
- Membayar Zakat* 5.
- (i) Seseorang Islam yang bertanam padi atau gandum atau jagung atau ragi atau sekoi dan pendapatannya pada satu musim atau dikumpulkan kepada musim yang berikutnya yang di dalam

*Membayar Zakat
tanaman, wang
atau barang*

tempoh 354 hari daripada tarikh menurunkan benih musim pertama dan mendapat hasil tidak kurang daripada 363 gantang Malaysia padi atau gandum atau ragi atau sekoi atau mendapat tidak kurang daripada 138 gantang jagung yang telah dibersihkan daripada tongkol-tongkol hendaklah membayar zakatnya kepada Penolong Amil yang bertauliah sebanyak 10% atau sebanyak mana yang ditetapkan oleh Majlis.

- (ii) Seseorang Islam yang menyimpan mata wang yang bernilai sebanyak RM292.80 Malaysia atau lebih atau mempunyai piutang atau saham perniagaan selama 12 bulan Kamariah hendaklah membayar zakatnya kepada Majlis sebanyak 2½% daripada jumlah simpanannya. Kadi Daerah bolehlah menerima wakil daripada pembayar bagi disampaikan kepada Majlis.
- (iii) Seseorang Islam yang menyimpan barang-barang emas, atau perak yang wajib dizakatkan mengikut hukum Syarak maka emas tidak kurang daripada 25 mayam dan 2.7108 saga atau jika perak tidak kurang daripada 200 dirham atau 64 mayam dan 2.378 saga dan tidak mengeluarkan zakatnya maka bolehlah Majlis menuntutnya kepada penyimpan yang tersebut itu supaya diserahkan zakatnya kepada Majlis atau wakilnya.
- (iv) Seseorang Islam yang berniaga berkongsi atau tidak selama 12 bulan Kamariah dan barang-barang jualannya, hutang dan wang tunai yang ada di akhir bulan kedua belas daripada tarikh ia memulakan berjumlah RM292.80 Malaysia atau lebih hendaklah ia membayar kepada Majlis atau wakilnya.
- (v) Seseorang Islam dengan berkongsi atau tidak menternak binatang ternakan iaitu lembu atau kerbau atau kedua-duanya sekali 30 ekor atau lebih atau kambing atau biri-biri atau kedua-duanya sekali 40 ekor dalam masa 12 bulan Kamariah, hendaklah membayar zakatnya kepada Majlis mengikut yang dinyatakan di dalam lampiran di hujung peraturan ini.

6. (1) Sebarang bayaran Zakat atau Fitrah yang terhutang kepada Majlis bolehlah dituntut di dalam Mahkamah.
- (2) Sesiapa yang wajib membayar Zakat/Fitrah dan tidak membayarnya dengan sengaja enggan sehingga lewat daripada

tempoh satu bulan adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang 3/1952.

- (3) Mana-mana Fitrah atau Zakat yang wajib dibayar oleh mana-mana orang samada dengan beras atau padi atau binatang ternakan atau barang-barang perniagaan bolehlah dituntut harganya yang bersamaan beras, padi, binatang ternakan atau barang-barang perniagaan yang telah diperintahkan oleh Mahkamah supaya diserahkan kepada Majlis.
- (4) Mana-mana orang yang gagal mengisi borang banci Zakat atau borang banci Fitrah yang disampaikan kepada atau tiada memberikan keterangan yang betul berkenaan dirinya dan Zakat Fitrahnya atau tidak memulangkan balik borang itu kepada Pegawai yang berkenaan sehingga tempoh yang ditentukan di dalam borang ini boleh didakwa di bawah Fasal 171 Undang-undang 3/1952.
- (5) Sesiapa yang wajib membayar Zakat atau Fitrah di bawah peraturan ini membayar zakat atau fitrahnya kepada mana-mana orang yang bukan Penolong Amil atau orang yang dibenarkan oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang 3/1952.
- (6) Sesiapa yang menerima atau mengutip Zakat atau Fitrah di dalam negeri ini dengan tiada tauliah atau kebenaran yang bertulis daripada Pengarah adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang 3/1952.

7. (1) Jawatankuasa Zakat Fitrah Daerah hendaklah pada tiap-tiap tahun Hijrah melantik Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah pada tiap-tiap kariah masjid di dalam daerahnya dengan jika boleh Penghulu atau Penolong Penghulu dan Ketua Kampung menjadi Ahli Jawatankuasa ini kerana jawatannya.
- (2) Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah hendaklah pada tiap-tiap tahun Hijrah tidak lewat daripada bulan Rejab yang sepatutnya melantik Penolong Amil bagi mengumpul dan mengutip Zamat Fitrah di dalam kariahnya.
- (3) Tidak lewat daripada 15 Ramadhan tiap-tiap Penolong Amil

hendaklah membuat banci penduduk Islam di dalam kawasan yang ditentukan baginya dan menyerahkan satu salinan banci itu kepada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kariahnya dan satu salinan kepada Jawatankuasa Daerah.

(4) Tiap-tiap Penolong Amil hendaklah menyimpan buku kira-kira kutipannya dengan sempurna dan hendaklah dia mengeluarkan resit yang ditentukan oleh Majlis kepada tiap-tiap pungutan Zakat atau Fitrah yang diterimanya.

(5) Tiap-tiap Penolong Amil hendaklah menuliskan di dalam buku kira-kira kutipannya sewa pembahagian yang dibayarnya dan belanja-belanja yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Zakat Fitrah Kariahnya mengeluarkan dan tiap-tiap pembahagian dan bayaran itu hendaklah ia menerima surat akuan yang bertanda tangan oleh yang menerimanya.

(6) Tiap-tiap Penolong Amil hendaklah menyerahkan kepada Majlis atau pihak yang ditentukan semua wang atau barang yang terpulung kepada Majlis bersama-sama dengan kira-kira dan surat-surat pembayaran tidak lewat daripada akhir bulan Syawal tiap-tiap tahun.

(7) Adalah sah dari segi Undang-undang bagi seseorang Penolong Amil atau sebarang orang yang dilantik oleh Majlis bagi mengambil banci semua orang Islam yang tinggal di dalam sesuatu kawasan.

(8) Adalah menjadi kesalahan ke atas mana-mana orang-orang Islam yang enggan atau melarikan diri daripada memberi keterangan yang diperlukan kepada tukang-tukang banci itu dan boleh dihukum di bawah Fasal 171 Undang-undang 3/1952.

Cara Mengutip Zakat Tanaman

(9) (1) Selepas sahaja musim menuai jika padi atau lain yang dihasilkan dari sawah kepunyaan seseorang atau berkongsi sebanyak mana yang tersebut di Fasal 3 ceraian 4 di dalam peraturan ini hendaklah menyerahkan zakatnya sebanyak 10% daripada pendapatannya kepada Penolong Amil atau sebarang orang yang dilantik oleh Majlis bagi tujuan itu atau 5% pada sawah atau bendang yang dibenarkan oleh Majlis membayar sebanyak itu.

(2) Manakala tanaman padi atau lain di mana-mana kawasan itu di dalam Negeri ini telah hampir dituai maka hendaklah Penolong Amil di kawasan itu mengambil banci tuan-tuan ladang dan membuat perhitungan sebanyak mana hasil yang akan diperolehi dan memberitahu tuan-tuan ladang itu anggaran kasar atas zakat yang wajib dibayar.

(3) Adalah sah di sisi Undang-undang bagi mana-mana Penolong Amil atau orang yang dilantik oleh Majlis bagi memasuki mana-mana sawah, bendang atau ladang atau tempat bercucuk tanam bagi tujuan mengambil banci hasil tanaman itu, tiap-tiap yang punya tanaman itu hendaklah dengan jujur memberikan apa-apa keterangan yang diminta oleh Penolong Amil atau orang yang dilantik oleh Majlis.

(4) Adalah menjadi kesalahan di bawah Undang-undang ini jika mana-mana orang yang enggan atau melarikan diri daripada memberikan keterangan yang diperlukan bagi tujuan ceraian 3 di dalam fasal ini.

(5) Harta-harta Zakat yang diserahkan kepada Penolong Amil itu bolehlah dijual kepada sesiapa dengan harga yang paling tinggi boleh didapati jika timbul perkara seperti di bawah ini:-

- a. Memindahkan ke tempat lain memerlukan upah.
- b. Takut rosak atau kecurian jika ditinggalkan di tempat diterimanya.
- c. Jika disampaikan kepada yang berhak menerimanya dengan berkurangan mutunya atau murah harganya.

(6) Tanggungjawab membayar zakat pada sebuah sawah adalah di atas yang mengusahakannya, tetapi jika yang mengusahakannya mengelakkan diri daripada membayar maka pemilik tanah itu adalah bertanggungjawab membayar kecuali jika ia (tuan tanah) melaporkan penduaan atau penyewaan kepada Setiausaha Zakat Fitrah Kariah.

Cara mengutip zakat perniagaan dan wang

(9) (1) Majlis boleh dengan perkenan DYMM Sultan di dalam mesyuarat menetapkan cara membayar zakat perniagaan dan juga jumlah

yang mesti dibayar serta waktu-waktunya mengikut Hukum Syarak.

- (2) Pengarah boleh meminta keterangan lengkap dan penuh daripada tiap-tiap peniaga di dalam negeri ini dengan tujuan mengutip zakatnya dan tiap-tiap peniaga hendaklah memberi keterangan-keterangan yang diperlukan kepada Pengarah di dalam tempoh yang tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh surat itu dikeluarkan.
- (3) Tiap-tiap peniaga yang telah ditetapkan oleh majlis jumlah yang wajib ia mengeluarkan zakatnya hendaklah dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh yang ditetapkan itu menyerahkan zakatnya kepada Jabatan Agama Islam dan Pengarah adalah boleh membenarkan zakat yang seperti itu dibayar dengan beransur-ansur sebagaimana yang patut pada timbangannya.
- (4) Mana-mana peniaga yang tiada menyerahkan zakatnya lewat daripada 1 bulan daripada tarikh ditetapkan kadar bayaran zakatnya tiada mendapat kebenaran daripada Pengarah adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Fasal 173 Undang-undang 3/1952.
- (5) Pengarah boleh meminta daripada mana-mana orang atau Syarikat Perniagaan atau Syarikat Perusahaan di dalam negeri ini jika diketahuinya orang atau Syarikat yang tersebut itu tidak membayar zakat wang simpanannya kepada Jabatan Agama daripada semasa ke semasa dan orang atau syarikat yang tersebut hendaklah memberikan sebarang keterangan yang diminta kerana tujuan itu tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh dikeluarkan surat permintaan itu.
- (6) Mana-mana orang atau Syarikat Perniagaan atau Syarikat Perusahaan yang tiada menyerahkan zakatnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah lewat daripada tempoh 1 bulan daripada tarikh ditetapkan itu bolehlah dihukum kerana melakukan kesalahan di dalam Undang-undang ini. Fasal 171 Undang-undang 3/1952.
- (7) Pengarah boleh menetapkan cara pembayaran zakat yang dikenakan kepada mana-mana orang atau syarikat atau

melanjutkan tempoh pembayaran sebagaimana yang difikirkannya.

Cara mengutip zakat emas atau perak

- (10) (1) Pengarah boleh meminta daripada mana-mana orang atau Badan Perniagaan atau Perusahaan yang diketahuinya menyimpan emas atau perak lebih daripada 12 bulan kadar 20 miskal emas sama dengan 25 mayam dan 2.7108 saga atau lebih atau kadar 200 dirham perak sama dengan 46 mayam dan 2.237 saga atau lebih dan orang atau badan tersebut hendaklah memberikan sebarang keterangan yang diminta itu di dalam tempoh tiada lewat daripada 30 hari daripada tarikh surat meminta keterangan itu dikeluarkan.
 - (2) Mana-mana orang atau badan yang diminta memberikan keterangan berkenaan ceraian (i) di atas enggan atau mengelakkan diri daripada memberikan keterangan selepas habis tempoh yang dibenarkan adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah peraturan Fasal 171 Undang-undang 3/1952.
 - (3) Pengarah bolehlah menetapkan cara pembayaran zakat emas atau perak dan menentukan masanya dari masa ke semasa.
 - (4) Mana-mana orang atau Badan Perniagaan atau Perusahaan yang tiada menyerahkan Zakat Emas atau Perak yang telah ditetapkan oleh Pengarah ke atasnya sehingga lewat daripada 1 bulan maka bolehlah dihukum kerana melakukan kesalahan di bawah Fasal 171 Undang-undang 3/1952.
- (11) 1. Pengarah hendaklah mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah mengadakan mesyuarat Jawatankuasanya untuk memilih Penolong Amil di dalam daerahnya.
 2. Nama-nama Penolong Amil yang telah dipilih dan mendapat persetujuan mesyuarat yang tersebut hendaklah Setiausaha Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Daerah itu menghantarkannya kepada Pengarah.
 3. Setelah Pengarah berpuas hati dengan nama Penolong Amil itu maka hendaklah ia mendaftarkan di dalam buku daftar Penolong Amil dan mengeluarkan surat tauliah yang bertandatangan sendiri atau bagi pihaknya dengan dimeterikan cap Mohor Majlis.

Lantikan Penolong Amil

4. Mana-mana Penolong Amil yang telah diberi surat tauliah itu boleh dipecat dengan satu-satu sebab yang munasabah yang difikirkannya dan manakala telah diperakui pemecatan maka hendaklah diberitahu kepada Amil yang berkenaan dengan bertulis dan dimeterikan dengan cap Mohor Majlis, dan kepada orang-orang di kawasan itu menerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah dan orang-orang yang membayar zakat atau fitrah di dalam kariah masjid yang Amilnya telah diberhentikan daripada jawatannya adalah disifatkan sebagai mengetahui akan keberhentiannya itu telah dihebahkan di dalam masjid dan dengan dipaparkan di atas papan kenyataan.
5. Tiap-tiap Penolong Amil hendaklah mengutip bayaran Zakat Tanaman atau Fitrah dan mengeluarkan resit atau sebarang tanda penerimaan yang ditentukan oleh Majlis dari masa ke semasa kepada tiap-tiap yang membayar zakat atau fitrah kepadanya.
6. Tiap-tiap Penolong Amil hendaklah di dalam tempoh 7 hari selepas menerima bayaran zakat dan fitrah, menyerahkan kepada Kadi Daerah semua wang kutipannya sebagai Fitrah atau Zakat selepas ditolak 1/8 bahagian yang ia berhak menerimanya di bawah peraturan ini dan mengeluarkan kepada Kadi Daerah untuk diperiksa semua salinan kedua-dua resit yang dikeluarkan dan resit asal bahagian Penolong Amil yang diterimanya sendiri.
7. Kadi atau Pengarah yang menerima Zakat Wang, Zakat Emas, Perak, Zakat Perniagaan atau Zakat Binatang Ternakan hendaklah mengeluarkan resit yang ditentukan oleh Majlis kepada pembayar-pembayar zakat tersebut.
8. Tiap-tiap Penolong Amil yang mengutip fitrah tidak lewat daripada 29 Syawal tiap-tiap tahun Hijrah dan Penolong Amil yang mengutip zakat menghantarkan menerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah semua zakat atau fitrah yang dikutipnya dan kira-kira lengkap berkenaan kepada Setiausaha.
9. Sesiapa juga yang dilantik oleh Pengarah boleh menerima bayaran zakat atau fitrah bagi pihaknya.

*Kuasa Kadi
menuntut dan
kewajipannya*

- (12).1. Dengan tiada menghalang kuasa Pengarah bagi membenarkan sebarang orang lain dengan bertulis untuk mana-mana daripada

kuasa yang tersebut maka Setiausaha adalah mempunyai kuasa seperti yang berikut:

- a. Menerima atau menuntut daripada seseorang Penolong Amil yang dilantik bagi menjalankan sebagai pengutip di dalam tempatnya. Sebarang kutipan yang didapati oleh Penolong Amil itu sebagai zakat atau fitrah.
- b. Menuntut daripada sebarang Penolong Amil salinan kedua resit yang dikeluarkannya atau baki resit asal yang tiada digunakan atau resit asal bagi bayaran yang dikeluarkannya.

2. Tiap-tiap Setiausaha hendaklah menyimpan satu Cash Book mengandungi kira-kira bayaran yang diterimanya daripada Penolong Amil dengan menunjukkan nama-nama orang yang Penolong Amil itu menerima daripadanya zakat atau fitrah dan banyaknya, haribulan Setiausaha itu menerima dan haribulan dan cara Setiausaha itu membayar kepada mana-mana pihak.
3. Tiap-tiap Setiausaha hendaklah dalam tempoh 7 hari daripada diterimanya, memasukkan wang-wang yang diterimanya daripada mana-mana Penolong Amil ke dalam sebuah Bank yang ditentukan oleh Pengarah bagi simpanan di dalam mana Majlis atau di dalam mana-mana cawangan Bendahari Negeri atau mana-mana Pejabat Pos bagi menghantarkan kepada Pengarah.
4. Apabila kutipan zakat dan fitrah telah selesai di dalam daerahnya ia akan mengutip daripada tiap-tiap Penolong Amil salinan kedua bagi resit yang dikeluarkan oleh Penolong Amil atau resit pembayaran atau jualan harta-harta zakat yang dibenarkan menjualnya dan akan menghantarkan kepada Pengarah di dalam tempoh satu bulan. Cash Book yang disimpan dan semua resit-resit dan wang yang terbaki di dalam Bank atau simpanannya bagi diperiksa oleh mana-mana orang yang diperintahkan oleh Majlis.
5. Majlis hendaklah melantik beberapa orang yang patut dan berkebolehan bagi memeriksa semua buku resit dan wang kepunyaan Majlis, samada pada Penolong Amil, Setiausaha atau Pengarah.

*Kuasa tambahan
Pengarah*

13. Bagi tambahan dan tidak mengurangkan kuasa yang diberi sebelum ini maka Pengarah adalah mempunyai kuasa seperti berikut:

1. Menyiasat sebarang bayaran zakat atau fitrah atau apa-apa buku kira-kira atau kertas-kertas yang disimpan dikeluarkan atau diterima oleh mana-mana Penolong Amil atau Setiausaha berkenaan sebarang kutipan zakat atau fitrah dan kuasa inilah juga membolehkan Pengarah itu memberi kuasa kepada sebarang orang bagi menjalankan siasatan bagi pihaknya dan di dalam keadaan yang demikian orang yang telah dikuasakan itu bolehlah menjalankan apa-apa kuatkuasa yang terkandung dalam peraturan ini.

2. Menerima, mengutip atau menuntut daripada sebarang orang, mana-mana wang yang diterima sebagai zakat dan fitrah yang terhutang pada Majlis.

*Kewajipan
Pengarah*

14. 1. Satu cash book menunjukkan kutipan zakat-zakat dan fitrah yang diterima dan bayaran yang dibuat.
2. Satu keterangan yang menunjukkan jumlah wang yang diterima daripada tiap seorang Penolong Amil dan jumlah yang diterimanya daripada zakat yang diserahkan kepada Pengarah atau Setiausaha.
3. Satu keterangan yang menunjukkan sebarang wang yang tersimpan di dalam kumpulan wang Majlis iaitu baki daripada jumlah wang yang dikutip ataupun dengan sebab jualan kutipan zakat-zakat atau fitrah.

Pembahagian

15. 1. Pembahagian zakat-zakat dan fitrah hendaklah ditentukan kepada asnaf-asnaf yang ditentukan oleh hukum Syarak seperti berikut:-
 - i. Amil iaitu Penolong Amil.
 - ii. Fakir iaitu seorang Islam yang tiada mempunyai harta atau pekerjaan atau yang berpendapatan daripada harta atau pekerjaan tidak sampai separuh daripada keperluan sara hidup orang yang di bawah tanggungannya.
 - iii. Miskin iaitu seseorang Islam yang mempunyai harta atau pekerjaan yang berpendapatan yang tidak cukup bagi keperluan hidupnya atau orang yang di bawah tanggungannya.
 - iv. Muallaf iaitu seseorang yang bukan Islam telah berpindah

ke Agama Islam menurut bahagian yang kedelapan di bawah Undang-undang 3/1952.

- v. Rikab iaitu menebus perhambaan maka Majlis bolehlah menentukan cara penggunaan bahagian ini dengan mengikut Kaul yang diluluskan oleh Jawatankuasa Undang-undang Agama Islam Selangor yang dilantik di bawah Fasal 40 Undang-undang 3/1952.

- vi. Gharimin iaitu seorang berhutang kerana mendamaikan perbalahan antara Orang Islam atau kerana muslihat kebajikan Agama Islam atau Orang-orang Islam.

- vii. Sabilillah iaitu peperangan meninggikan atau mempertahankan Agama Islam dan Majlis berkuasa menentukan pihak yang dirangkum oleh pengertian peperangan tersebut.

- viii. Ibnisabil iaitu seorang Islam yang keputusan perbelanjaan di dalam perjalanannya yang diharuskan oleh hukum Syarak atau seseorang yang hendak membuat pengembaraan yang diharuskan maka Majlis boleh menentukan syarat-syarat dan cara pembayaran bahagian ini.

2. Pengarah bolehlah mendapatkan kerjasama daripada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah bagi menentukan seseorang itu fakir atau miskin.

3. Pembayaran kepada fakir miskin bolehlah dengan memberikan tanah atau memberikan modal bagi menjalankan perusahaan atau dengan apa-apa yang disyorkan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri.

4. Pembayaran di dalam bahagian sabilillah, Pengarah bolehlah menerima nasihat dan syor-syor Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri dari masa ke semasa.

5. Pembahagian daripada bahagian muallaf bolehlah dengan memberikan modal atau memberikan tanah bagi menjalankan perusahaan atau dengan apa cara yang disyorkan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri mengikut Hukum Syarak bagi faedah dan kebajikan mereka.

6. Kesemua pembayaran hendaklah diperbuat oleh Pengarah bagi pihak Majlis.
7. Tidak ada sebarang pinjaman dibenarkan dan boleh diperbuat daripada wang kutipan zakat dan fitrah.

*Membentangkan
Penyata Lengkap*

16. Pengarah hendaklah tidak lewat daripada bulan Mac tiap-tiap tahun membentangkan kepada Majlis Penyata Lengkap berkenaan kutipan Zakat dan Fitrah sehingga 31 Disember, tahun yang sebelumnya dan bayaran yang dibuatnya mengikut daerah-daerah dalam negeri ini bagi dipersetujui oleh Majlis dan disebarkan kepada DYMM Sultan melalui Menteri Besar dan untuk pengetahuannya.

Memansuhkan

17. Dengan berjalannya kuatkuasa peraturan ini maka semua peraturan yang tersebut di bawah ini adalah dimansuhkan:-

- i. Aturan Pentadbiran (Agama dan Fitrah) pindaan 1969.
- ii. Pindaan yang bertanda 2333/51 Pt. 2 (MUI./Sel.124/66).

*Kadar Bayaran
Zakat*

18. Bayaran zakat hendaklah mengikut jadual-jadual di bawah ini:-

- i. Zakat tanaman padi, gandum, sekoi atau ragi.

Pendapatan	10 peratus	5 peratus
363 gantang	36 gantang	18 gantang
500 gantang	50 gantang	25 gantang
600 gantang	60 gantang	30 gantang
700 gantang	70 gantang	35 gantang
800 gantang	80 gantang	40 gantang
900 gantang	90 gantang	45 gantang
1,000 gantang	100 gantang	50 gantang
5,000 gantang	500 gantang	250 gantang
10,000 gantang	1,000 gantang	500 gantang

Angka-angka pecahan daripada anggaran yang tersebut hendaklah dikira mengikut peratus pecahan itu.

- ii. Zakat wang simpanan atau zakat perniagaan.

Pendapatan	Zakatnya
292.80	7.32
300.00	7.50
400.00	10.00
500.00	12.50
1,000.00	25.00
10,000.00	250.00
100,000.00	2,500.00

Angka-angka pecahan dan selebihnya dikira mengikut peratusannya.

- iii. Zakat binatang ternakan kerbau/lembu.

Ternakan	Zakatnya
30 ekor	1 ekor berumur 1 tahun
40 ekor	1 ekor berumur 2 tahun
60 ekor	2 ekor berumur 1 tahun
80 ekor	2 ekor berumur 2 tahun
90 ekor	3 ekor berumur 2 tahun 1 ekor dan berumur 1 tahun 2 ekor.
100 ekor	2 ekor berumur 2 tahun dan berumur setahun 1 ekor.

Pecahan dari angka yang tersebut tidak dikenakan zakat tetapi jika lebih daripada 100 adalah sebagaimana mulanya.

- iv. Zakat kambing atau biri-biri:-

Ternakan	Zakatnya
40 ekor	1 ekor yang berumur 2 tahun
121 ekor	2 ekor yang berumur 2 tahun
201 ekor	3 ekor yang berumur 2 tahun
400 ekor	4 ekor yang berumur 2 tahun

Angka-angka pecahan antara yang tersebut tidak dikenakan zakat tetapi jika lebih daripada 400 adalah mengikut seperti bermulanya.

PERATURAN MASJID-MASJID NEGERI SELANGOR

Peraturan ini dibuat untuk melaksanakan kehendak Fasal 116 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3 Tahun 1952 dan berdasarkan kuasa di bawah Fasal 178, maka DYMM Sultan dalam Mesyuarat Kerajaan berkenaan mengisytiharkan satu peraturan seperti berikut:-

1. *Nama Peraturan* (i) Peraturan ini bolehlah dinamakan 'Peraturan Masjid-masjid Negeri Selangor' Tahun 1952.
2. *Masjid (Fasal 112 Undang-undang pentadbiran Agama Islam Selangor 3/52)* Masjid maknanya, satu rumah/bangunan yang didirikan atau yang digunakan bagi tempat bersembahyang Jumaat, berkhotbah atau mengadakan majlis yang berkaitan dengan Agama Islam.
3. Di dalam peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:-
 'Pengaruh' ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.
 'Bilal' ertinya seorang Pegawai Masjid yang dilantik oleh DYMM Sultan di bawah Seksyen 116 (4), dan bertugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan ini.
 'Siak' ertinya seorang Pegawai Masjid yang dilantik oleh DYMM Sultan di bawah Seksyen 116 (4), dan bertugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan ini.
 Perkataan-perkataan lain mengikut tafsiran yang terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor yang sedang disusun semula.
4. *Peraturan* (i) Semua Masjid dalam Negeri Selangor tertakluk dan terikat dengan Peraturan ini.

- (ii) Setiap Masjid hendaklah didaftarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dengan dimasukkan nama dan alamat, serta segala butir-butir yang berkaitan.
- (iii) Mana-mana perkara yang berbangkit yang tidak ada terkandung dalam Peraturan ini, terpulanglah kepada Majlis Agama Islam Selangor menentukan dan memberi satu keputusan.
5. *Kegunaan Masjid* (i) Masjid adalah tempat orang-orang Islam beribadat terutama mendirikan sembahyang Jumaat dan lain-lain sembahyang.
 (ii) Mengadakan pelajaran Agama Islam dan lain-lain pelajaran yang memberi faedah bagi penduduk Qaryah Masjid yang beragama Islam.
 (iii) Mengadakan sesuatu Majlis yang bersangkutan dengan Agama Islam dan mesyuarat-mesyuarat untuk meninggikan Syiar Islam dan menyahut serta menyokong anjuran Kerajaan sepanjang yang berkaitan dengan Agama Islam.
 (iv) Pusat penyebaran dakwah, maklumat, peraturan dan arahan dari Jabatan Agama Islam Negeri, seumpama pungutan zakat, fitrah dan lain-lainnya.
 (v) Masjid tidaklah harus dijadikan tempat gelanggang politik.
6. *Pegawai* Setiap Masjid hendaklah ada mempunyai pegawai seperti berikut:-
 (a) Imam
 (b) Bilal, dan
 (c) Siak
7. *Kuasa Pegawai* (i) Pegawai-pegawai Masjid selain dari yang disebutkan dalam Peraturan ini, maka berkuasa mereka seperti yang terkandung dalam surat tauliah yang dikurniakan oleh DYMM Sultan kepada mereka.
 (ii) Pada masa menjalankan tugas kewajipan, pegawai-pegawai Masjid hendaklah dianggap sebagai kakitangan Kerajaan, iaitu mengikut peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan.
8. *Jawatan-kuasa Pentadbirna* (i) Masjid hendaklah ditadbirkan oleh satu badan, iaitu Jawatankuasa Qaryah Masjid, yang terdiri dari beberapa orang ahli Qaryah yang dilantik memegang jawatan:-

- (a) Nazir
- (b) Setiausaha
- (c) Bendahari
- (d) Tidak lebih dari 8 orang Ahli Jawatankuasa biasa.

Penghulu Mukim menjadi Penasihat dan Ketua-ketua Kampung menjadi Penolong Penasihat. Mereka dilantik atas nama jawatannya, dan Kadi hendaklah menjadi Penyelia Am bagi Masjid-masjid di daerahnya.

- (ii) Bagi Masjid Daerah, Kadi Daerah dengan sendirinya menjadi Pengerusi dan Nazir-nazir Masjid Daerah menjadi sebagai Timbalan Pengerusi, Pegawai Daerah dan Orang-orang Besar Daerah adalah menjadi Penasihat. Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Daerah sebolehnya hendaklah meliputi kawasan-kawasan dalam Daerah itu, iaitu terdiri dari Penghulu-Penghulu Mukim, Pegawai Jabatan Kerjaya, Pegawai Jabatan-jabatan lain yang berkaitan dan lain-lainnya termasuk ahli-ahli Qaryah.
- (iii) Jawatankuasa Pentadbir ini adalah sentiasa tertakluk kepada arahan-arahan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor. Jawatankuasa Pentadbir Masjid-masjid adalah dikehendaki memberikan salinan minit mesyuarat mereka tiap-tiap kali diadakan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor akan memberikan laporan kepada Majlis di atas perjalanan Jawatankuasa-jawatankuasa Pentadbir itu.

9. *Perlantikan Pegawai*

- (i) Ahli Jemaah Masjid bolehlah mencadangkan calon-calon yang hendak dilantik menjadi Pegawai Masjid itu dalam mesyuarat yang diadakan kerananya oleh Pengerusi Masjid atau wakilnya.
- (ii) Calon-calon yang dicadangkan itu hendaklah seorang yang berkelayakan dan bermastautin dalam Qaryah Masjid itu.
- (iii) Calon-calon yang dicadangkan oleh Ahli Jemaah Masjid itu akan diteliti oleh Pegawai-pegawai Jabatan Agama yang kemudian akan mengemukakan kepada Majlis. Majlis berhak menerima atau menolak cadangan itu tanpa memberi apa-apa sebab. Maka terserahlah kepada Majlis Agama Islam menyembahkan calon-calon yang telah dipersetujui Kebawah DYMM Sultan untuk melantik.

10. *Tempoh Pegawai Berkhidmat*

- (i) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah memegang jawatannya selama tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula jika dikehendaki. Tetapi mana-mana pegawai boleh diberhentikan oleh DYMM Sultan di atas sesuatu sebab yang munasabah.

11. *Lantikan Jawatankuasa*

- (i) Bagi Ahli Jawatankuasa Masjid selain dari pegawai-pegawai, ahli Qaryah bolehlah dalam perhimpunan ramai mencadangkan tidak lebih dari 16 orang tanpa diundi dari ahli Qaryah Masjid yang mewakili semua kawasan untuk dilantik seramai 11 orang menjadi Ahli Jawatankuasa Pentadbir.
- (ii) Nama mereka yang dicadangkan itu akan diteliti oleh Jabatan Agama yang kemudian akan menyerahkannya kepada Majlis. Majlis berhak menerima atau menolak nama-nama yang dicalonkan itu tanpa memberi apa-apa sebab. Maka terpulanglah kepada Majlis menyembahkan nama-nama yang telah dipersetujui itu Kebawah DYMM Sultan untuk dilantik sebagai Jawatankuasa selama 3 tahun. Bagaimanapun mereka boleh dilantik semula sekiranya dikehendaki.

12. *Tanggungjawab Pegawai dan Jawatankuasa*

Pegawai-pegawai Masjid bersama-sama dengan Jawatankuasa Qaryah hendaklah bertanggungjawab:-

- (a) Di atas kebaikan perjalanan Masjid dan tanah perkuburan dalam Qaryahnya serta dalam kegiatan-kegiatan dakwah;
- (b) Atas kelakuan ahli-ahli Qaryah Masjidnya sepanjang yang berkenaan dengan Agama Islam; dan
- (c) Memberitahu Majlis dengan segera perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenar yang diketahui terjadi dalam Qaryah mereka yang patut diketahui oleh Majlis.

13. *Tugas-tugas Jawatankuasa*

- (i) Nazir
Hendaklah bertugas:
 - (a) Mengawasi segala pentadbiran dan perjalanan Masjid secara umum.
 - (b) Mempengerusikan semua mesyuarat jawatankuasa Qaryah

Masjid, Mesyuarat Agung, atau Mesyuarat Tergempar. Pengerusi mempunyai undi pemutus dalam semua mesyuarat.

- (c) Mewakili Jawatankuasa Masjid hadir dengan sendiri atau menunjuk seorang Ahli Jawatankuasa yang lain menghadiri sesuatu mesyuarat yang diundang oleh mana-mana pertubuhan atau badan-badan kebajikan.
 - (d) Menandatangani cek-cek atau borang-borang mengeluarkan wang simpanan untuk kegunaan yang tertentu, bersama-sama dengan Bendahari.
 - (e) Lain-lain tugas yang diberikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sepanjang yang berkaitan dengan Masjid atau Qaryahnya.
- (ii) Setiausaha
- (a) Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada ahli-ahli jawatankuasa, dan surat-surat siaran kepada ahli Qaryah.
 - (b) Mencatat butir-butir mesyuarat dan menuliskan ke dalam buku peringatan mesyuarat.
 - (c) Menyimpan segala buku dan fail serta surat-surat yang penting.
 - (d) Mengedarkan minit-minit mesyuarat kepada ahli-ahli jawatankuasa.
 - (e) Membuat segala urusan surat menyurat.
 - (f) Melaksana dan menjalankan urusan yang telah diputuskan dalam mesyuarat.
 - (g) Menyedia dan membentangkan laporan tahunan perjalanan Masjid.
 - (h) Menandatangani cek-cek atau borang-borang mengeluarkan wang simpanan untuk kegunaan yang tertentu bersama Bendahari dalam masa ketiadaan Nazir.

- (i) Mengawasi segala tugas-tugas Pegawai Masjid.
- (j) Menyimpan senarai alat-alat perkakas dan harta benda Masjid.
- (k) Menerima dan mengutip wang-wang derma khairat dari orang ramai dan mengeluarkan resit penerimaannya yang ditandatangani oleh Bendahari, kemudian diserahkan wang itu kepada Bendahari dalam tempoh 24 jam atau yang dipersetujui oleh Bendahari, tetapi tidak lebih dari 3 hari (72 jam).
- (l) Menyimpan wang perbelanjaan runcit dan belanjakannya sebanyak tidak lebih daripada RM25.00 dalam satu-satu masa.
- (m) Setiausaha dibolehkan menerima wang gaji atau suguhati bulanan dari mana-mana juga sumber kewangan sebanyak mana yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- (n) Lain-lain tugas yang diberikan oleh Nazir atau Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sepanjang yang berkaitan dengan Masjid atau Qaryahnya.

(iii) Bendahari

- (a) Menerima dan menyimpan semua wang yang diserahkan kepadanya ke dalam mana-mana Bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa atau Bank Simpanan Nasional.
- (b) Menyedia dan menjaga buku kira-kira kewangan dengan betul dan kemaskini sepanjang masa dan menyimpan dengan selamat.
- (c) Menandatangani cek-cek atau borang mengeluarkan wang simpanan (voucher) untuk kegunaan yang tertentu bersama-sama dengan Nazir atau Setiausaha di masa ketiadaan Nazir, setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa bagi pembayaran yang lebih dari RM50.00 (Lima Puluh Sahaja).
- (d) Menyerahkan semua buku kira-kira kewangan kepada Pemeriksa Kira-kira bila-bila dikehendaki untuk dioditkan.
- (e) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan membuat anggaran perbelanjaan tahun yang akan datang.

- (f) Lain-lain tugas yang diberikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sepanjang yang berkaitan dengan Masjid atau Qaryahnya.

(iv) Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa

Tiap-tiap seorang Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah:

- (a) Menghadiri mesyuarat tiap-tiap kali diadakan.
 - (b) Memberikan fikiran, pandangan dan cadangan atas perkara-perkara yang dibahaskan dalam mesyuarat.
 - (c) Melaporkan apa-apa perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar jika diketahui berlaku di kawasan masing-masing.
 - (d) Menjalankan apa-apa tugas yang diberikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam sepanjang yang berkaitan dengan Masjid dan Qaryahnya.
- (v) Seseorang ahli jawatankuasa Qaryah Masjid yang tidak hadir mesyuarat Jawatankuasa atau tidak hadir sembahyang Jumaat di Masjid Qaryah 3 kali berturut-turut tanpa apa-apa sebab yang munasabah hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor melalui Kadi Daerah. Mereka boleh digantikan dengan lantikan baru dengan persetujuan Majlis.

14. Lantikan dan
Tugas
Pemeriksa
Kira-kira

Lantikan dan Tugas Pemeriksa Kira-kira:

- (a) Dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira hendaklah dilantik oleh Majlis.
- (b) Pemeriksa Kira-kira berkuasa:
 - (i) Mengodit buku kira-kira dan lain-lain dokumen kewangan Bendahari pada bila-bila masa dan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.
 - (ii) Memeriksa senarai alat-alat perkakas dan harta benda Masjid.
 - (iii) Membuat laporan bertulis kepada Nazir untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa, atau bila-bila dikehendaki oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

15. Tugas-tugas
Imam, Bilal
dan Siak

(i) Imam hendaklah bertugas:-

- (a) Mengimamkan sembahyang fardhu Jumaat dan lain-lain sembahyang berjemaah di Masjid.
- (b) Mengetuai urusan fardhu kifayah ke atas jenazah orang-orang Islam yang mati di Qaryah hingga sempurna dikuburkan.
- (c) Membaca khutbah sembahyang fardhu Jumaat dan sembahyang Hari Raya.
- (d) Memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam perkara-perkara keagamaan di kalangan ahli-ahli Qaryah, seberapa yang boleh.
- (e) Mengawasi pengalaman Agama Islam di kalangan ahli-ahli Qaryah.
- (f) Membimbing Bilal, Penolong-penolong Imam dalam menjalankan tugas-tugas Imam.

(ii) Bilal

- (a) Bertugas menjalankan kerja-kerja yang lazim dibuat oleh Bilal-bilal Masjid waktu mendirikan sembahyang fardhu Jumaat, Hari Raya dan lain-lain sembahyang berjemaah di Masjid, iaitu seperti tazkir, tarhim, bang (azan), menjadi muraqqi dan lainnya.
- (b) Memandikan jenazah (mayat) lelaki orang Islam yang mati di Qaryahnya jika jurumandi mayit yang khas atau uzur.

(iii) Tugas-tugas Siak

- (a) Menjaga semua kebersihan masjid.
- (b) Membuka dan menutup pintu-pintu masjid.
- (c) Membentang tikar/sejadah pada hari Jumaat dan dua Hari Raya.
- (d) Membersihkan tandas-tandas dan bilik-bilik mandi.
- (e) Mencuci kolam masjid bila difikirkan mustahak.

- (f) Mencuci kain-kain saf-saf masjid.
- (g) Menjaga dan bertanggungjawab ke atas barang-barang masjid.
- (h) Menutup paip-paip air, suis-suis lampu dan kipas-kipas angin jika tidak digunakan.
- (i) Melaporkan apa-apa kejadian yang tidak diingini berlaku di masjid pada Imam.
- (j) Menerima apa-apa arahan dari Imam, Pejabat Agama Daerah dan Jabatan Agama Islam Selangor.
- (iv) Imam dan Bilal atau lain-lain pegawai di masjid Daerah, yang dibayar gaji oleh Kerajaan, mereka adalah tertakluk di bawah perintah dan arahan-arahan Jabatan Agama Islam bagi pihak Kerajaan Negeri.

16. Berhenti
menjadi
pegawai atau
Jawatankuasa

- (i) Pegawai Masjid atau Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid boleh berhenti dari menjadi ahli dengan bersurat kepada Setiausaha untuk disampaikan kepada Majlis. Bagaimanapun Jawatankuasa Qaryah Masjid atau pegawai-pegawai Masjid tidak boleh dipecat tanpa persetujuan Majlis.
- (ii) Pegawai Masjid atau Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid terhenti dengan sendirinya apabila ia:-
 - (a) Habis tempoh perkhidmatannya seperti yang disebutkan dalam lantikan.
 - (b) Diberhentikan dengan sesuatu sebab yang tertentu.
 - (c) Berpindah tempat tinggal ke lain Qaryah.
 - (d) Ghaib dari Qaryah lebih dari enam (6) bulan.
 - (e) Uzur kerana sakit yang berpanjangan.

17. Jenis-jenis
Mesyuarat

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Masjid hendaklah diadakan oleh Nazir sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan berturutan. Tapi boleh juga diadakan pada bila-bila masa sekiranya ada perkara yang mustahak dibincangkan untuk mengambil sesuatu ketetapan.

Mesyuarat Agung Tahunan boleh dijalankan apabila ada hadir sekurang-kurangnya 1/4 (suku) atau 40 orang ahli Qaryah mengikut mana-mana yang kurang, dan bolehlah dalam mesyuarat itu mengambil sebarang keputusan.

- (ii) Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir, koramnya ialah 1/3 (sepertiga) atau 4 orang.
- (iii) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan sekali tiap-tiap tahun. Mesyuarat Agung tergempar boleh diadakan bila-bila masa dengan perintah Nazir atau dengan permintaan bersurat oleh 1/6 (seperenam) ahli Qaryah kerana sebab sesuatu perkara yang penting iaitu setelah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir.
- (iv) Dalam Mesyuarat Agung Tahunan, laporan tahunan dan laporan kewangan hendaklah dibentangkan untuk diluluskan oleh ahli-ahli Qaryah. Pencalunan ahli-ahli Jawatankuasa Qaryah hanya dibuat sekali sahaja dalam 3 tahun.

18. Pemegang
Amanah
Mentadbirkan
Harta Masjid

- (i) Majlis adalah Pemegang Amanah yang tunggal di atas harta wakaf, wakaf am atau wakaf khas ataupun nazar am dan juga segala harta amanah daripada apa rupa dan jenis menjadi khairat bagi menyokong dan meninggikan Syiar Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Undang-undang Islam.
- (ii) Jawatankuasa Qaryah Masjid kecuali Jawatankuasa Masjid Kerajaan bagi pihak Majlis bolehlah menjaga dan mentadbir harta-harta Masjid dan berhak diberi dan menerima serta menggunakan hasil mahsul pendapatan dari sumber harta Masjid wakaf khas atau wakaf am untuk faedah Masjid dan yang berkaitan dengannya atau kebajikan am terhadap Agama dan orang-orang Islam.
- (iii) Untuk tujuan menjaga dan mentadbir harta-harta Masjid itu, satu Badan Amanah hendaklah ditubuhkan dengan mengadakan surat Amanah (Deed of Trust) oleh Jawatankuasa Pentadbir mengandungi tidak lebih daripada 5 orang, termasuk Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor atau wakilnya dan Bendahari Masjid itu. Semua kira-kira kewangan daripada harta Masjid itu hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor atau wakilnya.

19. Kegiatan

- (i) Untuk melaksanakan tujuan dan kegunaan Masjid seperti yang terkandung dalam peraturan ini ceraihan 4 (i), (ii), (iii), maka terserahlah atas kebijaksanaan Jawatankuasa mengusahakannya. Jawatankuasa boleh membuat ketetapan dan peraturan bagi menjayakannya.
- (ii) Kebersihan Masjid dan kawasannya, keselamatan bangunan dan alat-alat perkakasnya hendaklah dijagai dan diusahakan dengan baiknya. Oleh itu beberapa orang Noja perlu diadakan, mereka bolehlah diberi gaji atau suguhati dari wang khairat atau lain-lain punca kewangan.
- (iii) Jawatankuasa sayugialah menjalankan kegiatan berikhtiar mencari derma dan menambah harta dijadikan sumber kewangan membiayai masjid dan berkaitan dengannya.

JABATAN AGAMA ISLAM,
SELANGOR,
SHAH ALAM

3 Muharram, 1405
28 September 1985

Bil	Daerah/Kawasan Kadi	Masjid Jamik Kerajaan	Masjid Qariah	Jumlah Masjid	Jumlah Surau
1.	Sabak Bernam	1	17	18	87
2.	Sungai Besar	1	27	28	142
3.	Tanjung Karang	-	26	26	80
4.	Kuala Selangor	1	20	21	48
5.	Klang	2	29	31	65
6.	Kuala Langat	3	24	27	96
7.	Sepang	1	15	16	39
8.	Hulu Langat	1	29	30	31
9.	Petaling	1	11	12	44
10.	Shah Alam	1	9	10	26
11.	Gombak Timur	-	8	8	49
12.	Gombak Barat	-	13	13	28
13.	Hulu Selangor	1	17	18	82
		13	245	258	817

BAHAGIAN MASJID/KEMASYARAKATAN,
JABATAN AGAMA ISLAM,
SELANGOR.

25 September 1984

**PERATURAN SURAU-SURAU/MADRASAH
NEGERI SELANGOR**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada
Untuk Seksyen 178 (j) Undang-undang Pentadbiran
Agama Islam 1952, DYMM Sultan dengan ini membuat
Peraturan-peraturan berikut bagi menyelaraskan
Pengurusan dan Pentadbiran Surau dalam
Negeri Selangor

1. *Nama Peraturan*
 - (i) Peraturan ini bolehlah dinamakan 'Peraturan Surau-surau atau Madrasah Negeri Selangor' tahun 1977.
 - (ii) Peraturan ini berjalan kuatkuasanya setelah mendapat persetujuan dari Majlis Agama Islam Selangor dan Perkenan DYMM Sultan Selangor.
2. *Surau atau Madrasah*
 - (i) Surau ialah sebuah bangunan atau tempat yang digunakan untuk Sembahyang Jemaah selain daripada Sembahyang Jumaat, Majlis-majlis Pengajian dan kegiatan yang berkaitan dengan Agama Islam.
3. *Peraturan*
 - (i) Semua surau-surau atau Madrasah dalam Negeri Selangor tertakluk di bawah peraturan ini.
 - (ii) Setiap Surau atau Madrasah hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah/Kawasan dengan memasukkan nama-nama, alamat dan butir-butir yang berkaitan dan salinannya hendaklah dihantarkan ke Jabatan Agama Islam Selangor oleh Kadi yang berkenaan.
 - (iii) Mana-mana perkara yang berbangkit yang tidak terkandung di dalam peraturan ini tertakluk kepada budi bicara Kadi-kadi/Pegawai Tadbir Agama Daerah/Kawasan untuk memutuskannya.
4. *Kegunaan Surau atau Madrasah*
 - (i) Surau atau Madrasah adalah digunakan untuk Sembahyang berjemaah, Majlis Pengajian, Sambutan Hari Kebesaran-kebesaran Islam dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan Agama Islam. Sembahyang Jumaat tidak dibenarkan.
 - (ii) Untuk penyebaran Dakwah, Maklumat-maklumat Peraturan dan

Arahan daripada Jabatan Agama Islam seperti pungutan Zakat Fitrah dan lain-lain.

- (iii) Surau atau Madrasah tidak harus digunakan untuk gelanggang politik.
5. *Mendirikan Surau atau Madrasah*
 - (i) Surau atau Madrasah tidak boleh didirikan melainkan setelah mendapat kelulusan dari Majlis Agama Islam Selangor.
 - (ii) Tiap-tiap surau atau Madrasah hendaklah didirikan di atas tanah yang diwakafkan kepada majlis Agama Islam Selangor atau Tanah Kerajaan yang ditetapkan untuk Bangunan Surau/Madrasah dan luasnya sekurang-kurangnya ialah 100' x 100' kaki persegi. Perbelanjaan perpindahan milik tanah adalah ditanggung oleh Surau atau Madrasah itu sendiri atau oleh pihak yang berwakaf.
6. *Bantuan/ Derma*
 - (i) Apa-apa bantuan dari Majlis Agama Islam Selangor dan sumber-sumber lain boleh diberikan hanya kepada Surau atau Madrasah-madrasah yang tertakluk di bawah peraturan ini.
7. *Pegawai-pegawai*
 - (i) Setiap surau atau Madrasah hendaklah mempunyai pegawai-pegawai:
 1. Imam
 2. Bilal
 3. Bilal Jenazah Perempuan
 4. Siak

Imam dan bilal yang dicalonkan hendaklah daripada Ahli-ahli jemaah yang dicadangkan di dalam Mesyuarat Agung dan akan diperiksa di atas kelayakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor.

Siak dipilih di dalam Mesyuarat Agung.
 - (ii) Pegawai ini bertugas selama 3 tahun dan boleh dilantik semula.
8. *Kuasa Pegawai*
 - (i) Pegawai Surau/Madrasah selain dari yang disebutkan di dalam peraturan ini maka berkuasalah mereka menjalankan perintah atau arahan dari Jabatan Agama Islam Selangor.
9. *Jawatan-kuasa Tadbir*
 - (i) Surau atau Madrasah hendaklah ditadbirkan oleh satu Badan Jawatankuasa Surau atau Madrasah yang terdiri daripada:

1. Pengerusi
2. Setiausaha
3. Bendahari
4. Tidak lebih daripada 6 orang Ahli Jawatankuasa

- (ii) Nazir-nazir Masjid dan Ketua Kampung sebagai Penasihat dilantik atas nama jawatan dan Kadi-kadi/Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah/Kawasan sebagai Penyelia Am.
- (iii) Jawatankuasa Tadbir selain dari melakukan kegiatan dan memajukan surau-surau atau Madrasah adalah juga tertakluk kepada arahan-arahan Jabatan Agama Islam Daerah/Kawasan. Maka segala kegiatan yang berkaitan dengan Agama hendaklah dilaporkan di Pejabat Agama Islam Daerah/Kawasan dan kepada Nazir-nazir Masjid tempatan.
- (iv) Jawatankuasa Tadbir menjalankan khidmat selama 3 tahun dan boleh dilantik semula.

10. *Perlantikan Jawatankuasa*

- (i) Jawatankuasa hendaklah dicalon di dalam Mesyuarat Agung, calon-calon ahli-ahli Jawatankuasa itu hendaklah terdiri dari ahli yang bermastautin di kawasan itu yang cenderung kepada Agama Islam dan yang selalu berdamping dengan Surau atau Madrasah itu.
- (ii) Jawatankuasa yang telah dicalonkan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Kadi Besar Daerah/Kawasan itu.
- (iii) Kadi Daerah/Kawasan berkuasa untuk menerima atau menolak mana-mana Ahli Jawatankuasa yang telah dicalonkan itu jika ia tidak puas hati. Bagaimanapun keputusan muktamad terletak kepada Majlis Agama Islam Selangor.

11. *Tanggungjawab Pegawai dan Jawatankuasa Tadbir*

Pegawai-pegawai surau atau Madrasah bersama jawatankuasa Pentadbiran hendaklah bertanggungjawab:

- (a) Di atas kebaikan perjalanan Surau atau Madrasah itu dan kegiatan Dakwah.
- (b) Atas kelakuan ahli-ahli Jemaah Surau atau Madrasahnyanya sepanjang yang berkenaan Agama Islam.
- (c) Memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Pegawai dan

Jawatankuasa Pentadbiran Masjid tempatan atas kebaikan Masjid dan Tanah Perkuburan dan juga dalam kegiatan Dakwah.

- (d) Memberitahu kepada Nazir Masjid Qariah dengan segera jika didapati perkara yang bertentangan dengan Agama Islam yang sebenar untuk dilaporkan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.
- (e) Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor dari masa ke semasa.

12. *Penyelia Am*

Kadi/Pegawai Tadbir Agama Daerah/Kawasan adalah menjadi Penyelia Am bagi semua surau di dalam Daerah/Kawasannya.

- (i) Pengerusi

Hendaklah bertugas:

- a. Mengawal segala pentadbiran dan perjalanan Surau atau Madrasah secara am.
- b. Mempengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa, mesyuarat Agung, mesyuarat Tergempar atau lain-lain mesyuarat yang diadakan dari semasa ke semasa. Pengerusi mempunyai undi pemutus dalam semua mesyuarat.
- c. Mewakili Jawatankuasa Surau atau Madrasah hadir dengan sendiri atau menunjuk salah seorang Ahli Jawatankuasa yang lain menghadiri sesuatu mesyuarat yang diundang oleh mana-mana pertubuhan atau badan-badan kebajikan atau oleh Nazir Masjid tempatan.
- d. Menandatangani cek-cek atau borang-borang baucer mengeluarkan wang untuk kegunaan yang tertentu bersama-sama dengan Bendahari.
- e. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor atau oleh Nazir Masjid Qariahnya sepanjang yang berkaitan dengan Surau atau Madrasah yang berkenaan.

ii. Setiausaha

- a. Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan surat siaran kepada Ahli-ahli tempatan Surau atau Madrasahnyanya dari masa ke semasa.
- b. Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa sekurang-kurangnya 3 bulan sekali setelah berunding dengan Pengerusi.
- c. Mencatatit butir-butir mesyuarat dan menulisnya ke dalam buku peringatan mesyuarat.
- d. Membuat urusan surat menyurat.
- e. Melaksanakan dan menjalankan keputusan yang telah diputuskan dalam mesyuarat.
- f. Menyediakan dan membentangkan laporan tahunan perjalanan Surau atau Madrasah.
- g. Menandatangani cek-cek atau borang-borang baucer-baucer mengeluarkan wang untuk kegunaan yang tertentu bersama Bendahari ketika ketiadaan Pengerusi.
- h. Mengawasi segala tugas-tugas Pegawai Surau atau Madrasah dan melaporkan kepada Ahli Jawatankuasa Tadbir jika perlu.
- i. Setiausaha boleh menerima saguhati (elaun) bulanan dari mana-mana sumber kewangan sebanyak mana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- j. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengerusi atau Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sepanjang yang berkaitan dengan perjalanan Surau atau Madrasah atau Jemaah Surau atau Madrasahnyanya.

(iii) Bendahari

- a. Menerima dan menyimpan semua wang yang diserahkan

kepadanya ke dalam mana-mana bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa selewat-lewatnya dalam masa 24 jam.

- b. Menyediakan dan menjaga buku-buku kewangan dengan betul dan kemaskini sepanjang masa dan menyimpannya dengan selamat.
- c. Menandatangani cek-cek atau borang-borang mengeluarkan wang untuk kegunaan yang tertentu bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha di masa ketiadaan Pengerusi setelah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa bagi pembayaran yang lebih dari RM50.00 (Lima Puluh Ringgit Sahaja).
- d. Menyerahkan semua buku kira-kira kewangan kepada Pemeriksa Kira-kira atau Pegawai-pegawai Jabatan Agama pada bila-bila masa dikehendaki untuk diudit.
- e. Menyediakan dan membentangkan penyata kira-kira kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan membuat anggaran perbelanjaan tahunan yang akan datang.
- f. Menyimpan senarai alat-alat perkakas dan harta benda Surau atau Madrasah.
- g. Menerima dan mengutip wang-wang dan mengeluarkan resit-resit penerimaannya kemudian wang itu hendaklah dimasukkan ke dalam Bank dalam tempoh tidak lewat daripada 24 jam.
- h. Menyimpan wang perbelanjaan runcit dan membelanjakannya sebanyak tidak lebih dari RM50.00 dalam satu masa.
- i. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengerusi/Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sepanjang yang berkaitan dengan Agama Islam.

(iv) Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa

Tiap-tiap Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah:

- a. Menghadiri mesyuarat tiap-tiap kali diadakan.
- b. Memberi fikiran pandangan dan cadangan serta mencari jalan untuk memperbaiki dan memajukan surau-surau/ Madrasah supaya benar-benar dapat berkhidmat kepada masyarakat dan meninggikan Syiar Islam, segala fikiran, pandangan dan cadangan itu dibahas dan diputuskan ke dalam mesyuarat.
- c. Melaporkan kepada pihak yang berkuasa apa-apa perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar jika diketahui berlaku di kawasan masing-masing.
- d. Menjalankan apa-apa tugas yang diarahkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor atau Pengerusi sepanjang yang berkaitan dengan Agama Islam.

(iii) Bilal Jenazah Perempuan

- a. Memandikan mayat.
- b. Mengapankan mayat.
- c. Mayat disembahyangkan oleh kaum lelaki.
- d. Mayat ditanam oleh kaum lelaki.

(iv) Siak hendaklah bertugas

- a. Menjaga dan membersihkan surau.
- b. Membuka dan menutup pintu-pintu dan tingkap-tingkap surau.
- c. Membentang tikar, sejadah dan mengemaskannya.
- d. Memasang dan menutup lampu-lampu/suis lampu dan kipas angin.
- e. Menjaga dan membersihkan tandas-tandas dan bilik mandi.
- f. Mencuci kolah apabila perlu.
- g. Mencuci kain-kain saf.

- h. Menjaga dan bertanggungjawab ke atas keselamatan segala harta benda surau.
- i. Melaporkan kepada Imam apa-apa kejadian yang tidak diingini yang berlaku di suraunya.
- j. Menerima apa-apa arahan dari Imam dan Ahli-ahli Jawatankuasa Surau.

13. *Saguhati*

Pegawai-pegawai Surau/Madrasah boleh menerima saguhati bulanan atau tahunan dari mana-mana sumber kewangan Surau jika dipersetujui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Surau.

14. *Pegawai dan Ahli Jawatankuasa*

- (i) Pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa surau boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan permohonan bersurat kepada Kadi Daerah/Kawasan melalui Jawatankuasa surau itu.
- (ii) Pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa surau boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan permohonan surat kepada Kadi Daerah/Kawasan melalui Jawatankuasa surau itu.
- (ii) Pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa surau adalah terhenti dengan sendirinya apabila ia:
 - a. Habis tempoh perkhidmatannya selama 3 tahun.
 - b. Diberhentikan oleh Majlis Agama Islam Selangor dengan sesuatu sebab yang munasabah.
 - c. Berpindah tempat tinggal ke lain kawasan.
 - d. Uzur kerana sakit yang berpanjangan.
- (iii) Jika berlaku sebarang kekosongan, Jawatankuasa boleh mengesyorkan perlantikan mana-mana Ahli Jemaah untuk menjadi Jawatankuasa.

15. *Jenis-jenis Mesyuarat*

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Surau hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Koram bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran ialah 4 orang.
- (ii) Mesyuarat Agung Tahunan boleh dijalankan apabila ada hadir sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ atau 20 orang Ahli-ahli Jemaah Surau mengikut mana-mana yang kurang.

(iii) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun selewat-lewatnya bulan Rejab.

(iv) Mesyuarat Agung tergepar boleh diadakan pada bila-bila masa dengan perintah Pengerusi atau dengan perintah bertulis daripada $\frac{1}{6}$ Ahli-ahli Jemaah Surau kerana sesuatu sebab yang disebutkan dalam surat permintaan itu. Hanya perkara yang tersebut sahaja yang boleh dibincangkan.

16. *Pemegang Amanah*

Jawatankuasa Tadbir boleh memegang atau mempunyai harta sehingga bernilai RM5,000 (Lima ribu ringgit sahaja); selebih daripada nilai tersebut hendaklah ditubuhkan satu Jawatankuasa Pemegang Amanah yang tidak lebih 3 orang termasuk Kadi Daerah/Kawasan. Semua kira-kira kewangan kewangan daripada harta Surau/Madrasah itu hendaklah ditandatangani oleh Bendahari dan Kadi Daerah/Kawasan.

17. *Am*

Satu-satu perkara yang berbangkit yang tidak tersebut dalam peraturan ini maka hendaklah dirujuk kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

SETIAUSAHA
JAWATANKUASA KECIL MASJID-MASJID
NEGERI SELANGOR

JABATAN AGAMA ISLAM,
SELANGOR,
SHAH ALAM

PERATURAN MASUK AGAMA ISLAM
NEGERI SELANGOR

Peraturan ini dibuat untuk melaksanakan kehendak Fasal 146 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3 Tahun 1952, dan berdasarkan Kuasa di Bawah Fasal 178, maka DYMM Sultan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan mengisytiharkan satu peraturan seperti berikut.

1. *Nama Peraturan* Peraturan ini dinamakan 'Peraturan Masuk Agama Islam Negeri Selangor Tahun 1976'.
2. *Masuk Agama Islam* Sesiapapun orang yang bukan beragama Islam dengan kerelaan sendiri, boleh diterima masuk Agama Islam dan tertakluk dengan Peraturan ini.
3. *Tafsiran* Peraturan ini jika maksud yang berkehendakkan kepada erti yang lain, maka:
 1. 'Kadi' bererti seorang Kadi yang dilantik mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 2/52 termasuk Kadi Besar.
 2. 'Pengarah' bererti Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.
 3. 'Mahkamah' bererti Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang ditubuhkan mengikut Bahagian 3 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3/52.
 4. 'Pegawai Agama' bererti Pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang termasuk di dalam Kumpulan Pegawai Pentadbir Hal Ehwal Agama Islam Negeri dan Pegawai Pentadbir Rendah Hal Ehwal Agama Islam Negeri.
 5. 'Pegawai-pegawai Masjid' bererti Pegawai Masjid yang dilantik mengikut Fasal 116 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 3/52.
 6. 'Pegawai-pegawai Dakwah' bererti Ahli-ahli Jawatankuasa dan Mubaligh mana-mana badan Dakwah di Negeri ini yang telah didaftarkan dengan sahnya di bawah Undang-undang Pentadbiran Pertubuhan yang sedang berjalan kuatkuasanya.

4. *Permohonan*
1. Seseorang yang bukan beragama Islam lelaki atau perempuan yang berumur 18 (lapan belas) tahun ke atas, bolehlah memohon sendiri kepada Majlis Agama Islam Negeri atau Pejabat Agama Islam Daerah/ Kawasan untuk didaftarkan masuk Agama Islam.
 2. Pemohon yang berumur kurang dari 18 (lapan belas) tahun hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaganya yang sah.
5. *Keterangan diri*
- Pemohon yang benar-benar hendak menukarkan Agama asalnya kepada Agama Islam hendaklah memohon dan mengisi butir-butir keterangan yang berkaitan dengan dirinya ke dalam borang yang khas yang disediakan kerananya dan menandatangani pengakuan bersetuju atas segala perkara yang disyaratkan ke atasnya dalam borang itu.
6. *Upacara*
1. Upacara masuk Agama Islam kepada seseorang pemohon bolehlah dilakukan di hadapan Kadi, Pegawai-pegawai Agama, Pegawai-Pegawai Masjid atau Pegawai-pegawai Badan Dakwah, bagi pihak Majlis Agama Islam dengan mengajarnya membaca Dua Kalimah Shayadat serta memahamkan maknanya di hadapan dua (2) orang saksi.
 2. Setelah upacara itu sempurna dilakukan maka dengan sendiri batallah agama asal yang dianutinya, dan tertaklukkan ia dengan hukum-hukum Islam mengikut Mazhab Shafie dan Akidah Ahli Sunah Waljamaah.
7. *Pendaftaran*
1. Tiap-tiap seorang yang telah sempurna diIslamkan mengikut Fasal 6 di atas, hendaklah namanya dan butir-butir keterangan mengenai dirinya dimasukkan ke dalam buku daftar beserta sekeping gambarnya.
 2. Borang permohonannya hendaklah disimpan dengan baiknya untuk rujukan.
 3. Pendaftaran semula Warganegara Asing yang telah masuk Agama Islam di luar Malaysia hendaklah dibuat oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur dengan menggunakan Borang 'B'.
8. *Pengenalan*
1. Setelah pendaftaran dibuat, maka sekeping kad pengenalan Islam sementara hendaklah disediakan diisi dengan keterangan dirinya.
 2. Kad pengenalan Islam yang tetap tidak akan diserahkan kepada yang empunya kecuali ia telah cukup mengikuti kelas pelajaran Agama Islam

selama atau sebanyak mana yang diwajibkan kepadanya seperti yang disebut dalam Fasal yang berikut dalam Peraturan ini serta sudah ia berkhatan.

3. Kad Pengenalan biasanya hendaklah ditukar dan tuliskan nama Islamnya serta nama asalnya di dalam Kad Pengenalan yang baru itu.

9. *Kursus Agama*

1. Kelas pelajaran dan pendidikan Agama Islam dan gurunya untuk mendidik mereka yang baharu masuk Agama Islam itu hendaklah diadakan di tempat dan masa yang ditentukan.
2. Setiap orang yang baharu masuk Agama Islam diwajibkan mengikuti kelas Agama Islam itu sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
3. Setiap mereka yang telah menghadiri dan mengikuti mana-mana kelas itu hendaklah ia mendapatkan surat pengesahan yang ditandatangani oleh guru yang mendidik di kelas itu.
4. Pelajaran Agama dan juga Aqidah yang diajarkan dalam kelas itu hendaklah mengikut Mazhab yang rasmi Negeri ini, iaitu Mazhab Shafie dan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
5. Jika pemohon itu tidak ada tempat tinggalnya atau tidak ada yang sanggup memimpinya maka Pengarah atau Kadi Daerah hendaklah mencarikan tempat tinggalnya dan orang yang memimpinya di dalam masa yang tiada lebih daripada satu bulan. Akan tetapi Pengarah boleh melanjutkan tempoh itu jika difikirkan perlu.

10. *Membatalkan Pendaftaran*

1. Pendaftaran hendaklah dibatalkan jika seseorang yang telah masuk Agama Islam itu didapati melakukan sesuatu perkara yang membatalkan Agama Islam (Murtad). Memadailah untuk membatalkan itu jika ia disabitkan oleh Mahkamah bahawa ia telah mengadakan, melakukan atau mengambil bahagian dalam upacara atau perayaan keagamaan yang berlawanan dengan Agama Islam.
2. Setelah pendaftaran dibatalkan, Kad Pengenalan Islam ditarik balik dan dimansuhkan serta diisytiharkan namanya di dalam Warta Kerajaan yang ia bukan lagi seorang beragama Islam.

11. *Pasangan Suami Isteri*

1. Jika seseorang suami yang beragama kafir kitaby (Yahudi atau Nasara) masuk Agama Islam dan ia ada mempunyai isteri yang beragama kafir

kitab juga, berkekalan nikahnya sekalipun mereka belum lagi dukhul (belum melakukan hubungan jenis) sebelum mereka masuk Agama Islam itu.

2. Jika seorang suami beragama kafir wathani (Penyembah berhala) atau majusi (Menyembah api) masuk Agama Islam dan ia ada mempunyai isteri yang beragama wathani atau majusi juga, tetapi tidak ikut bersama-sama masuk Agama Islam dan mereka belum dukhul, maka terfaklah (terfasaklah) nikah mereka pada ketika itu juga. Tetapi jika mereka sudah dukhul dan si isteri ikut masuk Agama Islam kemudiannya dalam eddah, maka kekal kembali nikah mereka, dan jika isteri terus tidak masuk Agama Islam hingga berlalu masa eddah, maka terfaklah (terfasaklah) nikah mereka dari mula suami itu masuk Agama Islam.
3. Jika seorang isteri sama ada ia kafir kitaby atau wathani atau majusi memeluk Agama Islam dan suaminya kekal atas kafirnya, jika mereka sudah dukhul dan suami ikut masuk Agama Islam dalam masa eddah isterinya maka kekal kembali nikah mereka, dan jika tidak, maka terfaklah (terfasaklah) nikah mereka dari mula isteri itu masuk Agama Islam.
4. Sekiranya setelah terfak (terfasakh) nikah mereka dan mereka masih hidup sebagai suami isteri, maka hukuman mengikut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 2/1952 yang berkaitan dengan perkara itu hendaklah berkuatkuasa.

12. *Anak-anak yang kecil*

Ibu bapa yang ada anak-anak yang kecil (belum baligh) salah seorang daripadanya masuk Agama Islam, maka anak-anak yang kecil itu dengan sendirinya menjadi seorang Islam.

13. *Peruntukan wang*

Majlis Agama Islam hendaklah menyediakan peruntukan wang untuk bantuan kepada Warganegara Malaysia yang baharu masuk Agama Islam (Muallaf). Peruntukan itu termasuklah juga untuk perbelanjaan sebaran dakwah, guru-guru Agama Muallaf, Balai Islam dan lain-lain keperluan yang berkaitan.

14. *Bantuan-bantuan*

1. Pengarah bolehlah memberikan bantuan wang atau lain daripada Bahagian Muallaf daripada kutipan Zakat dan Fitrah, jika ia puashati dengan kesungguhan pemohon itu mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:-

- i. Bagi tiap-tiap seorang yang telah didaftarkan dan mendapat Kad

Pengenalan mengikut Peraturan 8 (2) tidak lebih daripada RM100.00.

- ii. Bagi tiap-tiap seorang anak yang mengikut Islam bersama ibubapanya tidak lebih daripada RM50.00.
 - iii. Bagi belanja berkhatan tidak lebih daripada RM100.00.
 - iv. Bagi orang yang melayan dan mengajar Agama kepada saudara baru bolehlah dibayar elaun RM5.00 sehari bagi tiap-tiap seorang saudara baru yang dilayaninya. Bayaran ini hendaklah tidak lebih dari 30 hari, tetapi Pengarah boleh memanjangkan tempoh itu dengan permintaannya serta diberi bayaran yang sama.
2. Seseorang yang telah mempelajari perkara-perkara Fardhu Ain yang telah lancar membaca Surah Al-Fatihah serta bacaan di dalam sembahyang dan puasa dengan teratur dan sempurna dibayar saguhati:-
- i. Dalam tempoh satu tahun tidak lebih daripada RM200.00.
 - ii. Di dalam tempoh dua tahun tidak lebih daripada RM150.00.
 - iii. Di dalam tempoh tiga tahun tidak lebih daripada RM100.00.

Bantuan-bantuan di atas bolehlah dibayar melalui Kadi Daerah, setelah disahkan oleh Majlis.

3. Seorang pemohon atau anaknya yang dibenarkan belajar di dalam mana-mana Sekolah Agama Islam di dalam Negeri ini atau mana-mana Negeri dalam Malaysia bolehlah dengan persetujuan Majlis diberi bantuan tidak lebih daripada RM50.00 sebulan.

15. *Kematian*

1. Sekiranya berlaku kematian salah seorang yang telah masuk Agama Islam maka wajiblah diselenggarakan tajhiz mayatnya seperti seorang Islam dan hendaklah dikebumikan di perkuburan orang-orang Islam.
2. Semua perbelanjaan menguruskan tajhiz mayat boleh ditanggung oleh Majlis.

JABATAN AGAMA ISLAM,
SELANGOR
SHAH ALAM